

**MODAL SOSIAL DAN KEMISKINAN
MULTIDIMENSI SEBAGAI PENENTU PRESTASI
KEMPEN PENDANAAN AWAM BERASASKAN
DERMA UNTUK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN**

NUR ADYANI BINTI SABARUDIN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

MODAL SOSIAL DAN KEMISKINAN MULTIDIMENSI SEBAGAI PENENTU
PRESTASI KEMPEN PENDANAAN AWAM BERASASKAN DERMA UNTUK
PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

NUR ADYANI BINTI SABARUDIN

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI
SEBAHAGIAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2021

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

23 September 2021

NUR ADYANI BINTI SABARUDIN
P65769

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana menganugerahkan saya kesihatan yang baik, masa dan kematangan akal fikiran untuk saya menyiapkan disertasi ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Dr Suhaili Alma'amun selaku penyelia utama, serta Prof Madya Dr Tamat bin Sarmidi dan Dr Nasir selaku penyelia bersama, di atas segala tunjuk ajar, galakan, bimbingan dan nasihat kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan disertasi ini. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi selaku penaja yang telah membantu dari segi kewangan. Terima kasih juga kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia bagi pembiayaan kewangan melalui Dana Skim Geran Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (Kod Projek: GUP-2016-001). Saya juga ingin menyatakan penghargaan atas kerjasama daripada pihak Skolafund dalam menyediakan data untuk tujuan disertasi ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhitung juga kepada emak Hajah Milah binti Danuri, abah Haji Sabarudin bin Bujang, mama Puan Maimunah Samad, ayah Encik Zulkeply bin Harun, suami Mejar Mohd Zulzaide bin Zulkeply dan anak-anak Izzul Umar, Izzah Safiyya, Izzah Safwa dan Izzah Syafira serta adik beradik saya yang sentiasa memahami situasi saya dan menyokong saya dari segi mental, fizikal dan kewangan untuk saya meneruskan pengajian saya ke peringkat ini.

Tidak dilupakan juga rakan-rakan di bilik karek iaitu Ainn, Huda, Jila, Kak Min, Shafiin, Khairi, Lini, Aqilah, Asya, Kak Fiza, Bawani, Teha, Kak Mah, Zira, Mia, Syakilla, Tasya, Wanis, Dayah, Kak Norlee, Maryam, Eda, Kak Miksal, Hafizh, Kak Oswah dan ramai lagi yang tidak disebutkan namanya di sini. Terima kasih kerana tidak pernah jemu berkongsi ilmu, sokongan dan lain-lain lagi. Segala bantuan yang diberikan secara langsung atau tidak langsung, saya ucapkan jutaan terima kasih dan semoga Allah SWT membalas jasa kalian.

ABSTRAK

Pendanaan awam adalah satu cara untuk mendapatkan dana daripada orang ramai bagi membiayai aktiviti atau projek tertentu yang berasaskan budaya, sosial atau keuntungan. Pendanaan awam kini semakin dikenali dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) sebagai alternatif bagi membiayai kos pendidikan seperti yuran pengajian, kos sara hidup dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengajian mereka. Seperti kempen-kempen pendanaan awam yang lain, terdapat kempen-kempen bagi tujuan pendidikan yang gagal mencapai sasaran dana yang ditetapkan. Kajian lepas mendapati wujud masalah maklumat tak simetri, di mana bakal penderma mempunyai maklumat yang terhad mengenai kempen yang dilancarkan berbanding maklumat yang dimiliki oleh pemilik kempen. Kajian lepas membuktikan salah satu cara penyelesaian kepada masalah ini adalah melalui penerapan modal sosial. Modal sosial adalah interaksi, hubungan dan persefahaman di antara individu yang dibina berasaskan nilai-nilai tertentu yang boleh meningkatkan kuantiti dan kualiti kerjasama dalam sesebuah organisasi bagi mencapai matlamat yang sama. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas masih tidak mencukupi bagi menerangkan kesan modal sosial dalam kempen untuk tujuan pendidikan. Selain itu, persaingan yang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar yang memohon dana melalui pendanaan awam berasaskan derma juga menimbulkan masalah maklumat tak simetri apabila bakal penderma mengalami kesukaran menentukan siapa dalam kalangan pelajar ini yang paling miskin dan apakah jenis kemiskinan yang dialami oleh mereka. Justeru, objektif pertama kajian ini adalah untuk menguji pengaruh modal sosial multidimensi yang terdiri dari dimensi struktur, hubungan dan kognitif terhadap prestasi pendanaan awam berasaskan derma dalam skop kempen bagi tujuan pendidikan. Objektif kedua adalah untuk mengenal pasti pengaruh kemiskinan multidimensi terhadap prestasi kempen. Objektif ketiga adalah menguji sama ada kemiskinan multidimensi berupaya menyederhanakan pengaruh modal sosial terhadap prestasi kempen. Kajian ini penting kerana pendanaan awam merupakan salah satu sumber dana yang membantu pelajar mendapatkan akses kepada pendidikan. Dengan memahami peranan modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi ke atas kejayaan kempen, maka kebarangkalian kempen untuk gagal mendapatkan dana boleh dikurangkan. Kajian ini adalah penyelidikan secara kuantitatif dan merupakan kajian keratan rentas. Melalui analisis regresi logit, kajian ini menganalisis data platform pendanaan awam Skolafund iaitu satu-satunya platform yang dikhususkan untuk kempen bagi membiayai pendidikan tinggi di Malaysia. Analisis kajian melibatkan data untuk tempoh 20 Januari 2015 hingga 26 Disember 2018. Hasil kajian ini mendapati bahawa kempen yang menggunakan lebih banyak interaksi melalui rangkaian sosial (dimensi struktur) dan kempen yang pemiliknya menyokong kempen lain dalam platform yang sama (dimensi hubungan) cenderung untuk lebih berjaya meraih dana berbanding dengan kempen yang tidak mempunyai rangkaian sosial yang meluas dan yang tidak menyokong kempen lain. Seterusnya, dapatan menunjukkan kempen yang pemiliknya mengalami kemiskinan ekonomi akan lebih cenderung untuk berjaya berbanding dengan pemilik kempen yang mengalami kemiskinan keupayaan dan sosial. Kajian ini mendapati bahawa kempen yang mana pemiliknya mengalami kemiskinan sosial berupaya menyederhanakan pengaruh modal sosial struktur terhadap prestasi kempen. Kesimpulannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa penerapan modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi merupakan antara faktor signifikan yang mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam. Kajian ini

mencadangkan supaya pemilik kempen menambahkan lagi stok modal sosial mereka dan menerangkan dengan lengkap mengenai masalah kemiskinan yang dialami terutamanya dari sudut ekonomi yang menyebabkan pelajar memerlukan dana. Di pihak IPT pula, mereka perlu memperkukuhkan platform pendanaan awam IPT masing-masing dengan menerapkan modal sosial multidimensi dan kemiskinan dimensi dalam kempen para pelajar. Salah satu caranya adalah dengan menggunakan rangkaian sosial alumni mereka untuk meningkatkan sumbangan dana. Penggunaan platform pihak ketiga seperti Skolafund juga harus digunakan secara cekap.



MULTIDIMENSIONAL SOCIAL CAPITAL AND POVERTY AS DETERMINANTS OF DONATION-BASED CROWDFUNDING CAMPAIGN PERFORMANCE FOR EDUCATIONAL FINANCING

ABSTRACT

Crowdfunding is a way to raise funds from the public to fund certain cultural, social, or profit-oriented activities or projects. Crowdfunding is progressively known among higher education institutions (HEIs) students as alternative funding for educational costs, such as tuition fees, cost of living, and activities related to their studies. Like other crowdfunding campaigns, there are campaigns for educational purposes failing to achieve the set funding targets. Past studies find that asymmetric information exists, in which potential donors have limited information about the campaign being launched compared to the information owned by the campaign owner. Previous research has proven that one of the ways to solve this problem is by implementing social capital. Social capital is the interaction, relationship, and understanding between individuals built on certain values that can increase the quantity and quality of cooperation in an organisation to achieve common goals. However, past studies are inadequate to describe the social capital impact on campaigns for educational purposes. In addition, the competition among students applying for funds through donation-based crowdfunding also raises the asymmetry information problem when prospective donors have difficulty determining who among these students is the poorest and what type of poverty they experience. Thus, the first objective of this study is to test the influence of multidimensional social capital consisting of structural, relational, and cognitive dimensions on the performance of donation-based crowdfunding within the scope of campaigns for educational purposes. The second objective is to identify the influence of multidimensional poverty on campaign performance. The third objective is to test whether multidimensional poverty is able to moderate the influence of social capital on campaign performance. This study is important because crowdfunding is one of the funding sources helping students gain access to education. Understanding the role of multidimensional social capital and poverty on campaign success can reduce the probability of a campaign failing to raise funds. This study is quantitative research and is a cross-sectional study. Through logit regression analysis, this study analyses the data of the Skolafund crowdfunding platform, which is the only platform dedicated to campaigns to fund higher education in Malaysia. The study analysis involved data from January 20, 2015, to December 26, 2018. This study finds that campaigns using more interaction through social networks (structural dimension) and campaigns with owners supporting other campaigns in the same platform (relational dimension) tend to be more successful in raising funds than campaigns without extensive social networks and not supporting other campaigns. Furthermore, the findings indicate that campaigns with owners experiencing economic poverty will be more likely to succeed than campaign owners experiencing ability and social poverty. This study finds that campaigns with owners experiencing social poverty are able to moderate the influence of structural social capital on campaign performance. In conclusion, this study's findings prove that the application of multidimensional social capital and poverty is among the significant factors influencing crowdfunding campaign performance. This study suggests that

campaign owners further increase their social capital stock and fully describe the poverty problems experienced, especially from an economic point of view, causing students to need funds. On the part of HEIs, they need to strengthen their respective crowdfunding platforms by implementing multidimensional social capital and poverty in students' campaigns. One way is to use their alumni social networks to increase fund contributions. The use of third-party platforms, such as Skolafund, should also be used efficiently.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB I	Pengenalan	
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Persoalan Kajian	10
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Kepentingan Kajian	12
1.6	Skop Kajian	14
1.7	Organisasi Kajian	16
BAB II	LATAR BELAKANG TEORI DAN KAJIAN LEPAS	
2.1	Pengenalan	18
2.2	Pendanaan Awam	18
2.2.1	Definisi dan Konsep Pendanaan Awam	18
2.2.2	Model Asas Pendanaan Awam	20
2.2.3	Jenis-Jenis Pendanaan Awam	22
2.2.4	Pendanaan Awam di Malaysia	24
2.2.5	Pendanaan Awam untuk tujuan Pendidikan	26
2.3	Maklumat Asimetri	29
2.3.1	Teori Maklumat Asimetri	30
2.3.2	Kajian Lepas mengenai Maklumat Asimetri dalam Pendanaan Awam	30
2.4	Modal Sosial	31
2.4.1	Teori Modal Sosial	31
2.4.2	Kajian Lepas mengenai Modal Sosial	33

2.5	Kemiskinan	40
2.5.1	Teori Kemiskinan	40
2.5.2	Kajian Lepas mengenai Kemiskinan	44
2.6	Modal Sosial dan Kemiskinan	45
2.7	Jurang Kajian Lepas	46
2.7.1	Jurang Kajian	47
2.8	Kerangka Konseptual	49
2.9	Kesimpulan	51

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	52
3.2	Kaedah dan Pendekatan Kajian	52
3.3	Analisis Kajian	53
3.3.1	Analisis Deskriptif	53
3.3.2	Analisis Regresi Logit	53
3.4	Pembentukan Model Kajian	59
3.4.1	Spesifikasi Model Kajian	59
3.4.2	Definisi dan Pengukuran Pemboleh ubah	61
3.4.3	Pembentukan Hipotesis	66
3.5	Data dan Sumber Data	72
3.6	Kesimpulan	79

BAB IV ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	80
4.2.1	Analisis Deskriptif bagi Profil Pemilik Kempen (Pelajar)	80
4.2.2	Analisis Deskriptif bagi Pemboleh ubah Kajian	83
4.3	Analisis Taburan Silang	85
4.4	Analisis Awal	86
4.5	Pengujian Model 1 (Hubungan antara Modal Sosial Multidimensi dan Prestasi Kempen Pendanaan Awam berasaskan Derma untuk tujuan Pendidikan)	95
4.5.1	Analisis Awal	95
4.5.2	Hasil Analisis Kajian	96
4.5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	98
4.6	Pengujian Model 2 (Hubungan antara Kemiskinan Multidimensi dan Prestasi Kempen Pendanaan Awam berasaskan Derma untuk tujuan Pendidikan)	102

4.6.1	Analisis Awal	102
4.6.2	Hasil Analisis Kajian	103
4.6.3	Perbincangan Dapatan Kajian	106
4.7	Pengujian Model 3 (Hubungan antara Kemiskinan Multidimensi dalam menyederhanakan kesan Modal Sosial Multidimensi terhadap Prestasi Kempen Pendanaan Awam berasaskan Derma untuk tujuan Pendidikan)	108
4.7.1	Analisis Awal	108
4.7.2	Hasil Analisis Kajian	110
4.7.3	Perbincangan Dapatan Kajian	115
4.8	Ujian Keteguhan (<i>Robustness</i>)	118
4.9	Kesimpulan	120
BAB V	KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN	
5.1	Rumusan Kajian	123
5.2	Sumbangan Kajian	127
5.3	Implikasi Dasar	128
5.3.1	Implikasi secara Teoretikal	128
6.1.1	Implikasi secara Praktikal	129
6.2	Batasan Kajian dan Cadangan Kajian Masa Hadapan	133
RUJUKAN		136
Lampiran A	Contoh Kempen di Skolafund	151
Lampiran B	Kajian Lepas mengenai Kesan Modal Sosial dan Pendanaan Awam	152
Lampiran C	Dimensi Kemiskinan Ekonomi	158
Lampiran D	Dimensi Kemiskinan Keupayaan	163
Lampiran E	Dimensi Kemiskinan Sosial	168
Lampiran F	Analisis Awal Model 1	172
Lampiran G	Analisis Awal Model 2	175
Lampiran H	Analisis Awal Model 3	178

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 1.1	Yuran Pengajian Program Prasiswazah di Malaysia	1
Jadual 2.1	Definisi dan Ciri-ciri Pendanaan Awam	23
Jadual 2.2	Senarai Platform Pendanaan Awam milik IPTA di Malaysia	27
Jadual 2.3	Senarai Platform Pendanaan Awam Pihak Ketiga (untuk tujuan Pendidikan) di Malaysia	28
Jadual 2.4	Ringkasan Kajian Lepas	49
Jadual 3.1	Ringkasan Deskripsi dan Pengukuran Pemboleh ubah	65
Jadual 3.2	Deskripsi kemiskinan mengikut label	78
Jadual 3.3	Ringkasan Data dan Sumber Data	79
Jadual 4.1	Analisis Deskriptif bagi Profil Pemilik Kempen (Pelajar)	82
Jadual 4.2	Analisis Deskriptif bagi Prestasi Kempen	83
Jadual 4.3	Analisis Deskriptif bagi Pemboleh ubah Kajian	84
Jadual 4.4	Analisis Deskriptif bagi Pemboleh ubah Kajian (setelah dibuang pencilan (<i>outliers</i>))	84
Jadual 4.5	Analisis Taburan Silang dan Prestasi Kempen Pendanaan Awam	86
Jadual 4.6	Analisis Awal : Hubungan antara Dimensi Modal Sosial Multidimensi dan Prestasi Kempen Pendanaan Awam	87
Jadual 4.7	Ujian Nisbah Kebolehjadian	88
Jadual 4.8	Ujian Hosmer-Lemeshow	88
Jadual 4.9	Ujian Kepadanan Pengelasan	89
Jadual 4.10	Ujian Kekolinearan Berbilang	90
Jadual 4.11	Hubungan antara Modal Sosial Multidimensi dan Prestasi Pendanaan Awam berasaskan Derma untuk tujuan Pendidikan	97
Jadual 4.12:	Hubungan antara Dimensi Kemiskinan Multidimensi dan Prestasi Kempen Pendanaan Awam berasaskan Derma untuk tujuan Pendidikan	105

Jadual 4.13	Hubungan antara Kemiskinan Multidimensi dalam menyederhanakan kesan Modal Sosial Multidimensi terhadap Prestasi Kempen Pendanaan Awam berasaskan Derma untuk tujuan Pendidikan	113
Jadual 4.14	Ujian Keteguhan (<i>Robustness</i>)	121
Jadual 4.15	Ringkasan Hasil Analisis Kajian	122



SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
Rajah 1.1	Sumber Pembiayaan Pengajian Tinggi di Malaysia	2
Rajah 2.1	Model Pengantaraan Pendanaan Awam	20
Rajah 2.2	Pertumbuhan Pendanaan Awam di Malaysia	25
Rajah 2.3	Kerangka Konseptual	51
Rajah 3.1	Taburan kebarangkalian bagi model logit	54
Rajah 3.2	Analisis menggunakan 'Text Analyzer'	76
Rajah 3.3	Ruangan ' <i>Why are you fundraising your scholarship?</i> ' di platform Skolafund	77
Rajah 3.4	Contoh proses melabel kemiskinan di perisian Atlas.ti	78
Rajah 4.1	Keluk Pengelasan	89
Rajah 4.2	Keluk ROC	90
Rajah 4.3	Pengujian Kelinearan	91
Rajah 4.4	Plot Selerakan Reja Perason Terpiawai	92
Rajah 4.5	Plot Selerakan Dbeta	93
Rajah 4.6	Plot Selerakan Penganggaran Deviance- Reja Sisihan	93
Rajah 4.7	Plot Selerakan Penganggaran Hat – Leveraj Pregibon	94
Rajah 4.8	Plot Selerakan Penganggaran Dx2	94

SENARAI SINGKATAN

ECF	Pendanaan awam berasaskan ekuiti
FinTech	<i>Financial Technology</i>
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MSME	Perusahaan mikro, kecil dan sederhana
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
PGK	Pendapatan garis kemiskinan
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
P2P	<i>peer-to-peer</i>
SC	Suruhanjaya Sekuriti
SNS	Perkhidmatan Rangkaian Sosial
UA	universiti awam
UiTM	Universiti Teknologi Mara Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMP	Universiti Malaysia Pahang
UniMAP	Universiti Malaysia Perlis
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPM	Universiti Putra Malaysia
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

BAB I

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Akses kepada pendidikan tinggi adalah penting kerana ia menyumbang kepada taraf hidup yang lebih baik, kesejahteraan individu dan peningkatan ekonomi sesebuah negara (Greenaway & Haynes 2003; McNamara et al. 2019). Hal ini selaras dengan visi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang bertujuan menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti dalam usaha memastikan keberkesanan hasil pembelajaran melalui penyediaan kemahiran dan pengetahuan yang relevan (United Nations 2021). Namun, kos pendidikan tinggi menunjukkan peningkatan dengan kadar yang membimbangkan (Jacob & Gokbel 2018).


Jadual 1.1 Yuran Pengajian Program Prasiswazah di Malaysia

Kursus	Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)	Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)	Cawangan Kampus Antarabangsa
Sastera (Program 3.5 tahun)	RM41,760 - RM51,330	RM26,970 - RM134,850	RM101,790 - RM261,000
Kejuruteraan Elektrik (Program 4 tahun)	RM78,300 - RM93,525	RM65,250 - RM125,715	RM174,000 - RM652,500
Perubatan (Program 5 tahun)	RM598,125 - RM697,305	RM391,500 - RM517,215	RM573,330 - RM1,305,000
Perakaunan (Program 4 tahun)	RM65,250 - RM83,520	RM65,250 - RM145,290	RM130,500 - RM652,500
Sains Komputer (Program 3.5 tahun)	RM60,900 - RM85,695	RM24,360 - RM138,330	RM125,280 - RM652,500

Sumber: EMGS (2021)

Jadual 1.1 memberi gambaran asas julat yuran pengajian di Malaysia mengikut jenis program dan institusi pengajian. Walau bagaimanapun, kos ini tidak termasuk kos-kos sampingan seperti kos sara hidup dan kos lain yang masih perlu ditanggung oleh para pelajar. Secara tidak langsung, situasi tersebut telah memberikan tekanan kewangan kepada para pelajar (Llorente et al. 2015). Pelajar berhadapan dengan masalah sumber kewangan yang tidak mencukupi untuk menampung semua perbelanjaan mereka. Justeru, pelajar memerlukan pinjaman tambahan bagi mengurangkan beban kewangan ini (Kendall et al. 2020). Selain mendapatkan dana dari keluarga terdekat, pinjaman tersebut mungkin boleh diperolehi oleh pihak lain seperti pinjaman dari pihak kerajaan, swasta dan organisasi bukan bermotifkan keuntungan.

Di Malaysia, terdapat beberapa sumber pembiayaan pendidikan yang ditawarkan oleh kerajaan, pihak swasta dan organisasi bersifat bukan keuntungan, seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) (Daud et al. 2018). Selain itu, bagi pelajar yang cemerlang, mereka boleh memohon biasiswa daripada pihak kerajaan, yayasan negeri atau organisasi-organisasi swasta.



Sumber: KPM (2019)

Merujuk Rajah 1.1, seramai 48.1% graduan dari IPT di Malaysia pada tahun 2018 mendapat pembiayaan pendidikan melalui PTPTN, manakala 25.3% secara persendirian. Lebih kurang 10.2% pelajar ditaja oleh MARA, 6.9% pelajar yang dibiayai oleh KPM, 2.3% pelajar ditaja oleh JPA dan selainnya mendapat pembiayaan melalui biasiswa atau kaedah lain (KPM 2019). Walaupun begitu, masih wujud kekangan yang menyukarkan pembiayaan tersebut diperolehi seperti tidak mencukupi, kekurangan peruntukan, persaingan, prosedur yang rumit dan bebanan kepada pelajar untuk membayar semula skim pinjaman pendidikan (Husaina & Tengyue 2016). Justeru, penggunaan pendanaan awam (*crowdfunding*) dicadangkan sebagai alternatif pembiayaan yang sesuai bagi para pelajar IPT mengatasi masalah kewangan berkaitan pendidikan (Llorente et al. 2015).

Pendanaan awam adalah salah satu inovasi teknologi kewangan (*FinTech*) yang semakin pesat berkembang dalam industri kewangan di Malaysia (Ali et al. 2019). Pendanaan awam secara umumnya adalah proses pengumpulan dana daripada sebilangan individu atau organisasi secara dalam talian bagi membiayai keperluan aktiviti atau projek yang berteraskan budaya, sosial dan keuntungan tanpa melalui pengantara kewangan tradisional (Belleflamme et al. 2014; Mollick 2014). Walaupun jumlah yang dikumpulkan dari setiap individu adalah kecil, namun bilangan individu atau organisasi yang menyumbang adalah tinggi. Ini dapat dicapai dengan mewujudkan platform pendanaan awam sebagai perantara untuk menghubungkan antara pemilik kempen dan pemberi sumbangan. Amalan pemberian sumbangan kini telah diintegrasikan dengan pendanaan awam yang telah berubah seiring dengan kemajuan internet ini.

Secara umumnya, terdapat empat jenis pendanaan awam iaitu ganjaran (*reward*), derma (*donation*), ekuiti (*equity*) dan pinjaman (*lending*) (Mollick 2014). Platform Indiegogo, Kickstarter dan Crowdfunder adalah contoh platform yang menjalankan sistem pendanaan awam berasaskan ganjaran, manakala GoFundMe merupakan pendanaan awam berasaskan derma. Di platform-platform ini, kempen pendidikan bercampur dengan sebilangan besar kempen lain yang tidak berkaitan dengan pendidikan. Dalam masa yang sama, terdapat juga platform pembiayaan pendanaan awam yang diwujudkan oleh pihak ketiga seperti Skolafund dan Eksperimen

atau diwujudkan oleh pihak universiti seperti pendanaan awam milik Boston University (<https://crowdfunding.bu.edu/>) yang hanya memenuhi keperluan untuk projek pendidikan. Sebagai contoh, terdapat kempen yang dilancarkan melalui platform Skolafund oleh seorang pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti Al Azhar. Beliau memerlukan dana bagi menyara perbelanjaan kos sara hidup di universiti memandangkan pinjaman dari Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang diperolehi beliau hanya mencukupi untuk membiayai yuran pengajian beliau. Dalam tempoh 30 hari, beliau berjaya memperolehi RM9,147 yang mana jumlah tersebut telah melebihi jumlah yang dipohon iaitu RM7,800 (Skolafund 2018).

1.2 PENYATAAN MASALAH

Pelajar yang memilih pengantara pendanaan awam untuk mencari dana bagi membiayai pengajian mereka akan melancarkan kempen mereka di platform tertentu setelah memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan oleh pihak platform. Kempen tersebut akan berjalan untuk jangka masa yang ditetapkan, kebiasaannya dalam tempoh 30 hari sehingga 90 hari (bergantung kepada platform masing-masing) (Salahaldin et al. 2019). Dalam tempoh tersebut, mereka berusaha untuk mencapai jumlah dana yang disasarkan. Beberapa maklumat berkaitan kempen dan pemilik kempen boleh diakses oleh bakal pemberi sumbangan melalui platform pendanaan awam. Walaupun maklumat telah diberikan kepada bakal pemberi sumbangan, realitinya, tidak semua projek atau kempen pendanaan awam para pelajar ini berjaya mencapai jumlah dana yang diinginkan sedangkan mereka sangat memerlukan dana tersebut bagi merealisasikan objektif kempen masing-masing. Jika mereka gagal mendapatkan dana tersebut, berkemungkinan pengajian mereka akan terjejas. Jelas sekali, terdapat keperluan mendesak dalam kalangan para pelajar yang mencari dana melalui pendanaan awam ini. Oleh itu kejayaan sesebuah kempen dalam mencapai sasaran dana adalah penting.

Tindakan orang ramai memberikan sumbangan mereka untuk kempen tertentu adalah kerana mereka percaya dan yakin terhadap kempen tersebut (Majumdar & Bose 2018; Agrawal et al. 2015). Sikap sebegini timbul hasil daripada maklumat yang mereka diperolehi melalui kempen di platform pendanaan awam yang membantu mereka membuat keputusan tersebut. Keadaan sebaliknya boleh berlaku apabila mereka tidak

mendapat maklumat yang mencukupi. Oleh kerana inilah, masih wujud kempen-kempen di pendanaan awam yang gagal mendapatkan dana (Agrawal et al. 2011; Belleflamme et al. 2015; Majumdar & Bose 2018; Mollick 2014; Ahlers et al. 2015).

Punca utama kepada permasalahan ini dijelaskan secara terperinci di dalam kajian lepas sebagai masalah maklumat asimetri. Maklumat asimetri merujuk kepada keadaan ketidakseimbangan maklumat di mana satu pihak mempunyai maklumat yang lebih banyak atau lebih baik daripada pihak yang lain (Courtney et al. 2016). Dalam konteks pendanaan awam, ia berlaku apabila bakal pemberi sumbangan mempunyai maklumat yang terhad mengenai idea atau projek yang dicadangkan yang akhirnya mempengaruhi jumlah wang yang disumbangkan oleh mereka (Colombo et al. 2014; Vismara 2016; Zheng et al. 2014).

Platform pendanaan awam merupakan saluran utama untuk pemilik kempen menyebarkan dan bertukar maklumat untuk meningkatkan kecekapan berkomunikasi. Masalah timbul apabila terdapat maklumat tersembunyi di mana bakal pemberi sumbangan mempunyai maklumat yang terhad, bagaimana cara mereka berkomunikasi dan mentafsirkan maklumat untuk mengangarkan mengenai keberhasilan sesuatu projek yang dicadangkan oleh pemilik kempen (Agrawal et al. 2014; Belleflamme et al. 2015; Colombo et al. 2014; Liang et al. 2020; Mollick 2014). Secara tidak langsung, masalah ini akan menjejaskan jumlah sumbangan ke atas kempen tersebut (Colombo et al. 2014; Vismara 2016; Zheng et al. 2014). Kesan daripada masalah maklumat tak simetri ini adalah sama ke atas semua jenis pendanaan awam iaitu pendanaan awam berasaskan ganjaran (Bi et al. 2017; Frydrych et al. 2014; Giudici, Guerini & Rossilamastra 2017; Shahab et al. 2019), ekuiti (Ahlers et al. 2015; Courtney et al. 2016; Vismara 2016), pinjaman (Lin & Viswanathan 2013; Morse 2015) dan derma (Rijanto 2018). Berdasarkan kepada kajian Colasanti et al. (2018), maklumat tak simetri ini juga dijangka akan memberi kesan kepada prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Justeru, bagi mengurangkan masalah maklumat tak simetri ini, pemilik kempen perlu mendedahkan maklumat yang boleh dipercayai dan boleh digunakan oleh bakal pemberi sumbangan untuk menilai potensi projek yang dicadangkan melalui pendanaan

awam (Ahlers et al. 2015; Liang et al. 2020; Mollick 2014). Walau bagaimanapun, kajian lepas mendapati, jika tiada maklumat yang sempurna, bakal pemberi sumbangan akan bergantung kepada isyarat lain untuk mengukur kualiti sesebuah projek (Belleflamme et al. 2015; Mollick 2014). Salah satu isyarat yang sering digunakan adalah penerapan modal sosial (Calic & Mosakowski 2016; Vismara 2016; Davies & Giovannetti 2018; Giudici, Guerini & Rossi-lamastra 2017; Vismara 2016). Modal sosial didefinisikan sebagai interaksi, hubungan dan persefahaman di antara individu yang dibina berasaskan nilai-nilai tertentu yang boleh meningkatkan kuantiti dan kualiti kerjasama dalam sesebuah organisasi bagi mencapai matlamat yang sama (Nahapiet & Ghoshal 1998). Sumber kepada modal sosial ini adalah 'rangkaian sosial' antara ahli keluarga, komuniti dan organisasi (Bourdieu 1986; Coleman 1988).

Dalam konteks pendanaan awam, modal sosial melalui rangkaian sosial ini adalah salah satu penentu kejayaan kempen. Kajian lepas menunjukkan rangkaian sosial luaran yang dibina di luar rangkaian platform seperti Facebook dan Twitter (Madrazo-lemarroy et al. 2019; Zheng et al. 2014) dan rangkaian sosial dalaman yang secara spesifiknya dibina melalui interaksi dalam komuniti platform pendanaan awam itu sendiri (Colombo et al. 2014; Lehner 2013; Skirnevskiy et al. 2017) digunakan bagi meningkatkan kejayaan kempen. Walau bagaimanapun, pendekatan yang menggunakan modal sosial tanpa mengambil kira dimensi modal sosial secara keseluruhan ini didapati akan menjejaskan perkongsian maklumat dan kerjasama dalam masyarakat kerana ia berfungsi secara berasingan (Inkpen & Tsang 2005).

Oleh itu, kajian mengenai kesan modal sosial ke atas prestasi kempen pendanaan awam diperluaskan dengan menggunakan teori modal sosial multidimensi (lihat Zheng et al. 2014 dan Madrazo-lemarroy et al. 2019). Modal sosial multidimensi merangkumi semua tiga dimensi iaitu dimensi struktur, hubungan dan kognitif (Nahapiet & Ghoshal 1998). Menurut Gedajlovic et al. (2013), teori modal sosial multidimensi ini lebih sesuai digunakan disebabkan kepelbagaian dimensinya di mana modal sosial yang wujud tidak hanya merujuk kepada rangkaian antara individu (dimensi struktur) semata-mata, tetapi juga merangkumi perbuatan individu (dimensi hubungan) dan sifat yang tertanam dalam pemikiran individu tersebut (dimensi kognitif). Hasil dari gabungan dimensi-dimensi tersebut, koordinasi dan kerjasama antara individu dan

masyarakat dapat diperbaiki supaya lebih efektif (Coleman 1988; Fukuyama 1999; Putnam 1993). Dengan kata lain, apabila teori modal sosial multidimensi ini digunakan, kajian tidak akan terhad kepada impak rangkaian sosial dalam bentuk Facebook, Twitter dan mana-mana rangkaian sosial yang seumpama dengannya semata-mata. Dimensi modal sosial lain turut diambilkira sebagai penentu kepada prestasi pendanaan awam.

Masalah kewangan merupakan salah satu kekangan utama bagi keluarga miskin dalam usaha mereka untuk mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi (McNamara et al. 2019). Oleh itu, aspek kemiskinan pelajar yang merupakan pemilik kempen merupakan satu permasalahan yang menarik untuk dikaji kerana kemiskinan juga sering dikaitkan dengan amalan memohon sumbangan (Jamal et al. 2019). Maka, kemiskinan boleh dilihat sebagai salah satu faktor yang menyebabkan pelajar mencari dana melalui pendanaan awam bagi tujuan membiayai kos pendidikan. Ini disokong oleh Bruton et al. (2014) di mana mereka menyatakan yang pendanaan awam adalah salah satu alternatif bagi mendapatkan pembiayaan untuk memenuhi keperluan individu atau organisasi yang menghadapi kekurangan dari segi kewangan, terutamanya berkaitan perkhidmatan sosial seperti pendidikan.

Kemiskinan secara amnya adalah kekurangan daripada aspek pendapatan dan harta yang dialami oleh seseorang individu atau keluarga bagi memenuhi keperluan seharian (Sen 1997). Kemiskinan boleh menghalang keupayaan untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa (Janna & Broten 2017). Kehidupan yang selesa ini merujuk kepada tempat tinggal yang selamat, makanan yang sihat, keperluan pendidikan yang sempurna, tahap kesihatan yang baik dan tahap keselamatan sosial yang terjamin (Janna & Broten 2017).

Pelajar-pelajar yang mengalami kemiskinan ini bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan dana melalui pendanaan awam berasaskan derma. Masalah maklumat tak simetri boleh berlaku sekali lagi apabila bakal pemberi sumbangan mempunyai maklumat yang terhad tentang siapa dalam kalangan pelajar ini yang paling miskin dan apakah jenis kemiskinan yang dialami oleh mereka. Oleh itu, bakal pemberi sumbangan akan bergantung kepada maklumat kemiskinan pada teks kempen yang diterangkan oleh pelajar itu sendiri bagi menilai keperluan pelajar.

Kajian terdahulu mendapati maklumat naratif pada teks kempen berupaya mempengaruhi tingkah laku bakal pemberi sumbangan (Ahlers et al. 2015; Bi et al. 2017; B. C. Davis et al. 2017; Majumdar & Bose 2018; McKenny et al. 2017; Parhankangas & Renko 2017; Sandouka 2019). Melalui teks tersebut, pemilik kempen berusaha memujuk bakal pemberi sumbangan yang berpotensi dengan penceritaan yang meyakinkan. Pendanaan awam berasaskan derma tidak memberi ganjaran berbentuk kewangan tetapi sebaliknya menawarkan ganjaran dalam bentuk emosi dalam usaha menarik orang ramai untuk memberi sumbangan (Majumdar & Bose 2018). Maka wujud cabaran untuk menarik penglibatan emosi daripada bakal pemberi sumbangan melalui platform dalam talian seperti pendanaan awam (Kaminski et al. 2018; Robiady et al. 2020).

Kajian lepas mendapati penceritaan mengenai kemiskinan berupaya menarik emosi bakal pemberi sumbangan (Paulus & Roberts 2017). Dalam konteks kajian ini, pemilik kempen iaitu pelajar yang memohon sumbangan akan menceritakan pada ruangan yang disediakan dalam platform pendanaan awam mengenai latar belakang mereka dan keluarga termasuklah penceritaan mengenai masalah kemiskinan yang dihadapi. Penceritaan ini akan memberi justifikasi kepada kempen yang mereka lancarkan di pendanaan awam supaya kempen lebih berkesan. Walau bagaimanapun, tidak semua jenis kemiskinan mampu menarik emosi pemberi sumbangan sebagaimana kajian Majumdar dan Bose (2018) yang mendapati penceritaan berunsur negatif seperti kemiskinan tidak mempengaruhi kejayaan menerima sumbangan. Oleh kerana itu, kesan kemiskinan ke atas prestasi kejayaan kempen sepatutnya dilihat secara satu persatu iaitu dengan mengambilkira dimensi-dimensi yang dicadangkan oleh teori kemiskinan multidimensi.

Pada kebiasaannya, kemiskinan diukur berdasarkan pendapatan semata-mata untuk tujuan mengenal pasti sama ada seseorang individu itu adalah miskin atau pun tidak (Mohamed Saladin et al. 2011). Cara pengukuran sebegini telah dipertikaikan kerana ia mengabaikan aspek-aspek kemiskinan penting yang lain seperti kerentanan (*vulnerability*) dan pengasingan sosial (Mohamed Saladin et al. 2011; Siti Hadijah et al. 2012). Malah Narayan et al. (2000) dan Wagle (2005) menekankan kemiskinan adalah bersifat multidimensi. Kemiskinan multidimensi dapat memberi kefahaman dengan

jelas bagi mengenal pasti isi rumah miskin dengan lebih tepat agar dapat menyelesaikan masalah kemiskinan yang dihadapi (Alkire & Foster 2011). Oleh itu, kerangka kemiskinan yang lebih komprehensif dicadangkan iaitu dengan menerapkan teori kemiskinan multidimensi seperti pendekatan Wagle (2008a) yang merangkumi dimensi kemiskinan ekonomi, keupayaan dan sosial bagi mengenal pasti masalah kemiskinan yang dialami oleh pelajar serta kesannya ke atas prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Dalam kalangan para pelajar yang memohon dana melalui pendanaan awam, tidak semua pelajar memiliki modal sosial yang diperlukan bagi menangani masalah maklumat tak simetri. Hal ini diakui oleh Harrison et al. (2019) dan Warren et al. (2001) di mana individu yang mengalami masalah kewangan memiliki stok modal sosial yang rendah. Sekalipun mereka mempunyai stok modal sosial yang diperlukan, isu lain timbul iaitu adakah modal sosial mereka berguna ataupun tidak untuk membantu mereka meningkatkan prestasi kejayaan kempen. Ini kerana kemiskinan boleh menyederhanakan kesan modal sosial tersebut. Dengan kata lain, kemiskinan akan mempengaruhi keupayaan modal sosial dalam memainkan peranannya bagi mempertingkatkan kejayaan kempen pendanaan awam dengan berkesan atau sebaliknya (Jiang & Dong 2020). Walau bagaimanapun, tiada maklumat daripada kajian lepas yang menjelaskan tentang dimensi kemiskinan manakah yang akan menyederhanakan kesan modal sosial ini dalam konteks pendanaan awam.

Dalam konteks pendanaan awam, situasi yang berlaku apabila pelajar miskin memohon dana melalui pendanaan awam untuk membiayai pendidikan mereka tetapi dalam masa yang sama mereka tiada stok modal yang tinggi, sudah semestinya mereka tidak dapat bersaing secara adil dengan pelajar yang bukan miskin yang turut sama mencari dana melalui pendanaan awam. Walau bagaimanapun, tidak mustahil juga jika kedua-dua kumpulan pelajar ini mempunyai stok modal sosial yang sama (contohnya: menggunakan bentuk rangkaian sosial yang sama), namun ia mungkin tidak mendatangkan hasil yang sama (Cattell 2004). Seringkali berlaku situasi di mana individu miskin berusaha mengambil bahagian dalam jaringan sosial, tetapi rangkaian tersebut mungkin kurang diinstitusikan (contoh: penggunaan media sosial adalah kurang) dan mempunyai sedikit hubungan dengan mereka yang mempunyai sumber

(contoh: jaringan sosial mereka juga terdiri daripada kelompok golongan miskin) (Harrison et al. 2019). Jika situasi ini dilihat dalam konteks pelajar miskin yang mencari dana melalui pendanaan awam, ini bermakna mereka menggunakan rangkaian sosial yang sama seperti pelajar lain yang tidak miskin tetapi penggunaan media sosial mereka adalah kurang di mana ia tidak diterjemahkan dalam bentuk penggunaan Facebook, Twitter dan sebagainya. Malah individu dalam rangkaian sosial mereka juga adalah daripada kalangan golongan miskin yang juga mengalami kekurangan sumber dan tidak boleh membantu dengan memberikan sumbangan dana yang diperlukan melalui pendanaan awam.

Walaupun modal sosial diperlukan bagi menangani masalah maklumat tak simetri dan seterusnya meningkatkan kejayaan kempen, kemiskinan yang dialami oleh pemilik kempen akan mempengaruhi keberkesanan modal sosial. Dengan kata lain, kemiskinan boleh menyederhanakan kesan modal sosial tersebut. Modal sosial mereka sama ada boleh berfungsi dengan baik atau sebaliknya dalam meningkatkan prestasi kempen pendanaan awam. Ini merupakan satu masalah kerana dalam konteks pendanaan awam, modal sosial adalah penting bagi mengatasi masalah maklumat tak simetri dan seterusnya meningkatkan kejayaan kempen tetapi kemiskinan boleh menyederhanakan kesan modal sosial tersebut.

Oleh kerana dalam permasalahan pertama, modal sosial ini akan dikaji sama ada ia merupakan penentu kepada kejayaan kempen pendanaan awam. Manakala, permasalahan kedua pula telah dinyatakan yang kemiskinan perlu dilihat daripada pelbagai dimensi kerana dimensi yang berlainan akan memberikan kesan yang berbeza ke atas prestasi kempen. Maka dalam permasalahan ketiga, dimensi kemiskinan akan dikaji sekali lagi untuk melihat sejauh mana ia boleh menyederhanakan peranan modal sosial tersebut.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

1.3.1 Apakah kesan modal sosial multidimensi yang terdiri daripada modal sosial struktur (rangkaian sosial), hubungan (obligasi) dan kognitif (perkataan) terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan

pendidikan bagi mengatasi masalah maklumat asimetri yang berlaku di antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan?

1.3.2 Apakah kesan kemiskinan multidimensi ekonomi, keupayaan dan/atau sosial terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan bagi mengatasi masalah maklumat asimetri yang berlaku di antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan?

1.3.3 Sejauh manakah kemiskinan multidimensi berupaya mempengaruhi kesan modal sosial multidimensi terhadap prestasi kempen kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan bagi mengatasi masalah maklumat asimetri yang berlaku di antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 Mengkaji kesan modal sosial struktur (rangkaian sosial), hubungan (obligasi) dan kognitif (perkataan) terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan bagi mengatasi masalah maklumat asimetri yang berlaku di antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan.

1.4.2 Mengkaji kesan kemiskinan multidimensi ekonomi, keupayaan dan/atau sosial terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan bagi mengatasi masalah maklumat asimetri yang berlaku di antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan.

1.4.3 Mengesan kewujudan hubungan kemiskinan multidimensi dalam mempengaruhi modal sosial multidimensi terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan bagi mengatasi masalah maklumat asimetri yang berlaku di antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Sektor pendidikan tinggi merupakan elemen komponen pendidikan yang berperanan menghasilkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi menerajui kemajuan ekonomi negara. Menyedari kepentingan tersebut, pelbagai bantuan disalurkan oleh pihak kerajaan bagi membiayai kos pendidikan bermula dari peringkat pendidikan awal sehingga ke peringkat pendidikan tinggi. Namun, peningkatan kos pendidikan tinggi yang semakin meningkat telah menyebabkan wujud masalah kewangan yang menjadi faktor penghalang individu daripada mendapat akses kepada pendidikan.

Kemajuan teknologi maklumat telah memudahkan akses pelajar kepada bantuan-bantuan lain dan salah satunya adalah pembiayaan melalui pendanaan awam berasaskan derma. Pendanaan awam berasaskan derma di Malaysia dilihat mempunyai potensi yang besar untuk beroperasi dengan lebih meluas dan efektif disebabkan asas penggunaan Internet yang didasarnya. Berdasarkan kajian oleh Jabatan Perangkaan, peratus capaian Internet oleh individu dan isi rumah didapati meningkat 3.1% mata kepada 90.1% pada 2019 berbanding 87.0% pada 2018. Manakala, peratus penggunaan Internet di Malaysia turut meningkat kepada 84.2% pada 2019 berbanding 81.2% pada 2018 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2020). Selain itu, hasil penyelidikan antarabangsa turut menyenaraikan Malaysia sebagai salah satu daripada 20 negara paling pemurah dalam *CAF World Giving Index 2017* (Charities Aid Foundation 2017). Penyelidikan tersebut diukur berdasarkan bilangan pemberi sumbangan dan tujuan mereka menderma.

Ekoran perkembangan positif ini, suatu analisis terperinci perlu dilakukan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat Malaysia mengenai sifat pemberian dalam aktiviti kebajikan melalui penggunaan teknologi supaya merencanakan lagi penggunaan pendanaan awam berasaskan derma di Malaysia. Selain itu, kajian ini menjadi panduan kepada pelajar yang ingin memohon dana melalui platform pendanaan awam bagi meningkatkan kadar kejayaan kempen. Keupayaan pemilik kempen menggunakan platform pendanaan awam secara berkesan seterusnya akan mencorak kesinambungan nilai sumbangan pada masa akan datang.

Walaupun teknologi maklumat membolehkan sesiapa sahaja untuk mengakses pembiayaan melalui pendanaan awam, tetapi hakikatnya hanya individu yang mempunyai asas sokongan yang kuat melalui modal sosial mereka sendiri sahaja yang mungkin dapat melakukannya. Justeru kajian ini penting supaya pemilik kempen khususnya pelajar berusaha meningkatkan modal sosial masing-masing bagi memastikan bakal pemberi sumbangan tidak mengalami masalah maklumat tak simetri di mana ianya boleh menjejaskan niat mereka untuk menderma. Kajian ini penting kerana ia bukan setakat membuktikan kepentingan modal sosial dalam menjadi penentu kepada kejayaan kempen tetapi ia juga menjelaskan komponen atau dimensi modal sosial manakah yang sepatutnya diberi keutamaan oleh pelajar sepanjang tempoh kempen mereka berjalan.

Pelajar miskin mungkin lebih menarik perhatian bakal pemberi sumbangan kerana faktor kemiskinan mereka. Kajian ini penting bagi membuktikan sama ada kemiskinan ini adalah salah satu faktor penentu kepada kejayaan kempen. Malah, ia juga menjelaskan dimensi kemiskinan manakah yang lebih memberi impak kepada kejayaan kempen. Dengan adanya maklumat-maklumat ini, pengendali platform pendanaan awam berasaskan derma boleh memastikan pelajar-pelajar yang merupakan pemilik kempen ini menjelaskan situasi kemiskinan tersebut dengan lebih terperinci dalam teks kempen mereka.

Kajian lepas sering mengaitkan modal sosial sebagai faktor penentu dalam meningkatkan prestasi pendanaan awam berasaskan derma, tetapi tanpa disedari tidak semua individu memiliki modal sosial tersebut. Setelah mengenal pasti dimensi kemiskinan setiap pemilik kempen, kajian ini seterusnya melihat pengaruh kemiskinan dalam menyederhanakan modal sosial pemilik kempen. Kajian ini penting untuk mengenal pasti dimensi kemiskinan manakah yang akan menyebabkan modal sosial berperanan lebih baik atau sebaliknya ke atas prestasi kejayaan kempen. Setelah ia dikenalpasti, strategi boleh difokuskan kepada dimensi kemiskinan yang menyebabkan modal sosial memberikan kesan positif ke atas prestasi kejayaan kempen. Ia seterusnya memberikan petunjuk kepada pentingnya menangani isu kemiskinan dalam kalangan pelajar dan pada masa yang sama meningkatkan stok modal sosial mereka.

Skolafund adalah satu-satunya pengendali platform pendanaan awam berasaskan derma yang khusus untuk pelajar pengajian tinggi. Cara pengendalian Skolafund dalam memastikan kejayaan kempen-kempen pelajar ini melalui gabungan penggunaan modal sosial dan penceritaan teks yang merangkumi isu kemiskinan pelajar boleh menjadi tanda aras kepada pendanaan awam berasaskan derma yang mempunyai objektif yang sama iaitu untuk tujuan pendidikan. Pendanaan awam milik IPTA (Institut Pengajian Tinggi Awam) atau pun mana-mana IPT yang masih belum mempunyai pendanaan awam, boleh menjadikan platform Skolafund sebagai tanda aras bagi memperbaiki prestasi pendanaan awam mereka ataupun dalam membangunkan pendanaan awam masing-masing di masa hadapan.

1.6 SKOP KAJIAN

Isu maklumat tak simetri dan penggunaan modal sosial bagi menangani masalah tersebut telah banyak dikaji dalam konteks pendanaan awam. Memandangkan platform pendanaan awam semakin berkembang, kajian ini meneruskan usaha kajian terdahulu dengan memberi tumpuan terhadap masalah asimetri maklumat yang sering dihadapi oleh orang ramai apabila ingin membuat sumbangan di platform pendanaan awam. Berdasarkan kajian lepas, modal sosial banyak dibicarakan dalam kajian mengenai pendanaan awam berasaskan ganjaran (Agrawal et al. 2011; Cha 2017; Mollick 2014; Zheng et al. 2014), ekuiti (Vismara 2016) dan pinjaman (Greiner & Wang 2010). Namun, kajian mengenai hubungan modal sosial dalam mengatasi masalah asimetri maklumat bagi kempen-kempen bersifat bukan keuntungan sangat kurang dibincangkan seperti mana yang diperkatakan oleh Saxton dan Wang (2014). Bagi merungkai persoalan ini, kajian ini memberi tumpuan terhadap pendanaan awam berasaskan derma sejajar dengan saranan Beaulieu et al. (2015) yang menekankan keperluan penyelidikan mengenai pendanaan awam berasaskan derma dengan lebih lanjut memandangkan kajian sedia ada lebih memfokus terhadap tingkahlaku pemberi derma berbanding pemilik kempen itu sendiri.

Kesedaran mengenai pendidikan semakin meningkat dalam kalangan masyarakat. Hal ini telah memberi kesan kepada perbelanjaan untuk pendidikan dalam usaha memperbaiki taraf hidup seseorang individu dan seterusnya meningkatkan

pembangunan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, pendidikan adalah satu skop yang sangat luas. Ia merangkumi pelbagai tahap bermula daripada pendidikan awal, pendidikan menengah dan seterusnya pendidikan tinggi. Berbanding dengan pelajar IPT, mereka amat terkesan dengan situasi tersebut. Pelbagai kos yang perlu ditanggung oleh pelajar IPT seperti yuran pengajian, yuran kursus, pembelian buku dan langganan internet serta kos sara hidup (Husaina & Tengyue 2016). Justeru, melihat keperluan tersebut, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pembiayaan pengajian tinggi berbanding kempen-kempen pendidikan yang lain.

Oleh itu, kajian ini memfokus kepada isu maklumat tak simetri serta penggunaan modal sosial dalam konteks kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan tinggi. Skop modal sosial tersebut merangkumi modal sosial multidimensi dan kajian ini ditambah baik dengan memasukkan juga kemiskinan multidimensi sebagai penentu prestasi kempen atau sebagai penyederhana kepada modal sosial pemilik kempen. Kajian ini hanya mahu melihat peranan modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi ke atas prestasi kempen untuk tujuan pendidikan yang melibatkan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di IPT di dalam atau luar negara; atau pelajar-pelajar luar negara yang menuntut di mana-mana IPT di Malaysia.

Pendidikan adalah satu skop yang sangat luas. Ia merangkumi pelbagai tahap bermula daripada pendidikan awal, pendidikan menengah dan seterusnya pendidikan tinggi. Di Malaysia, sebagai contoh, platform Skolafund, EdSpace dan Give.my adalah platform pendanaan awam berasaskan derma tetapi memberikan penumpuan kepada jenis pendidikan yang berbeza. Skolafund adalah untuk tujuan pendidikan tinggi, manakala EdSpace dan Give.my adalah untuk tujuan pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah. Disebabkan fokus kajian ini adalah pelajar IPT, justeru hanya terdapat satu sahaja platform yang memenuhi ciri-ciri ini iaitu Skolafund. Walaupun terdapat platform pendanaan awam berasaskan derma milik IPTA tetapi hanya Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang memiliki platform ini dan malangnya, tiada kempen di dalamnya yang boleh digunakan sebagai sampel kajian. Kempen-kempen daripada platform-platform pendanaan awam luar negara juga tidak dimasukkan ke dalam skop kajian ini kerana kajian ini memfokuskan kepada platform yang beroperasi

di Malaysia yang dikhususkan kepada pelajar Malaysia yang menuntut di dalam atau luar negara dan pelajar luar negara yang menuntut di Malaysia. Oleh itu skop kajian ini tidak melibatkan kempen pendidikan tinggi daripada pelbagai jenis platform sebagai perbandingan.

Daripada segi pemilik kempen, kajian ini hanya merujuk kepada pemilik kempen secara individu. Pemilik kempen yang terdiri lebih dari seorang individu atau kumpulan tidak diambil kira memandangkan kajian ini memfokus terhadap modal sosial dan kemiskinan yang ada pada seseorang pelajar. Modal sosial dan kemiskinan yang diketengahkan oleh pelajar akan mengurangkan masalah maklumat tidak simetri dalam usaha menarik seramai mungkin orang untuk memberi sumbangan seterusnya mempengaruhi kejayaan kempen pendanaan awam mereka.

Selain itu, kajian ini juga tidak mengambil kira faktor lokaliti pemilik kempen bagi menilai prestasi kempen pendanaan awam. Hal ini berikutan maklumat lokaliti yang diberikan oleh pemilik kempen adalah tidak lengkap. Terdapat pemilik kempen yang tidak menyatakan lokaliti (tempat tinggal keluarga) mereka. Tambahan pula kajian Brent dan Lorah (2019) mendapati lokaliti pemilik kempen tidak mempengaruhi prestasi kempen berasaskan derma. Justeru, lokaliti tidak diambil kira dalam kajian ini.

1.7 ORGANISASI KAJIAN

Kajian disertasi ini terdiri daripada lima bab utama, dimulakan dengan menghuraikan latar belakang mengenai kajian ini. Seterusnya, peranan modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi dibincangkan dalam usaha mengurangkan masalah maklumat tak simetri yang sering berlaku dalam kalangan bakal pemberi sumbangan. Setelah itu, beberapa isu dan persoalan kajian dibincangkan serta turut mengemukakan objektif utama menjalankan kajian ini. Kemudian, kepentingan dan skop kajian dinyatakan dengan jelas bagi melancarkan perjalanan kajian ini.

Bahagian kedua akan menerangkan mengenai pendanaan awam termasuklah definisi, konsep, model asas, jenis dan perkembangan pendanaan awam. Latar belakang teori yang dikaji dan kajian lepas berkaitan prestasi kempen pendanaan awam

seterusnya dihuraikan. Selanjutnya, jurang dari kajian lepas akan dibincangkan dan pembentukan kerangka teoretikal juga akan dikemukakan di bahagian ini.

Seterusnya, bahagian ketiga menghuraikan metodologi kajian yang digunakan untuk mengukur kesan modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi ke atas prestasi kempen pendanaan awam. Ini termasuklah penerangan terperinci mengenai kaedah kajian, analisis kajian, spesifikasi model kajian, pemboleh ubah yang digunakan dan pembentukan hipotesis serta sumber data yang diperolehi untuk tujuan analisis kajian ini. Kajian diteruskan dengan bahagian keempat di mana hasil dapatan kajian yang mengandungi analisis data dijelaskan. Ia bertujuan untuk menentukan faktor yang signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam untuk tujuan pendidikan.

Akhir sekali bahagian kelima adalah rumusan kepada keseluruhan kajian di mana bab ini merumuskan hasil pencapaian kajian mengikut setiap objektif kajian. Seterusnya bab ini membincangkan implikasi kajian dalam bentuk sumbangan terhadap teoretikal dan praktikal. Selain itu, bahagian ini akan mengutarakan limitasi dan beberapa cadangan untuk kajian masa hadapan dari aspek kajian dan kesinambungan kajian.

BAB II

LATAR BELAKANG TEORI DAN KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Bab ini akan dimulakan dengan menerangkan mengenai platform pendanaan awam merangkumi definisi, konsep, model asas, jenis-jenis dan perkembangan pendanaan awam. Penulisan bab ini akan diteruskan dengan mengupas dengan lebih lanjut teori-teori dan tinjauan kajian-kajian terdahulu untuk memberi gambaran dan maklumat mengenai kajian yang ingin dijalankan. Selanjutnya, jurang kajian lepas akan dibincangkan dan menjurus kepada pembentukan kerangka teoretikal. Bab ini akan diakhiri dengan rumusan bab.

2.2 PENDANAAN AWAM

2.2.1 Definisi dan Konsep Pendanaan Awam

Konsep pendanaan awam berkembang daripada perkataan sumber khalayak (*crowdsourcing*). Sumber khalayak adalah pengumpulan idea, maklumbalas dan penyelesaian masalah melalui rangkaian orang awam secara meluas untuk membangunkan aktiviti korporat (Bayus 2013; Howe 2006). Kini, semakin banyak organisasi melaksanakan sistem dalam talian untuk mendapatkan sumber dari luar. Sebagai contoh, syarikat Dell yang mengeluarkan perkakas komputer, telah melaksanakan IdeaStorm sejak Februari 2007. IdeaStorm diwujudkan bagi mengumpulkan idea-idea baru daripada orang ramai bagi proses inovasi untuk produk dan perkhidmatan mereka (Bayus 2013).

Ekoran perkembangan sumber khalayak yang semakin meluas, platform pendanaan awam muncul sebagai kaedah alternatif bagi mengumpulkan modal untuk

memenuhi keperluan sesuatu projek atau usaha khususnya daripada segi kewangan dan sokongan moral amnya (Agrawal et al. 2014; Bruton et al. 2014; Schvienbacher, Armin, Larralde 2010). Pendanaan awam ditafsirkan oleh Belleflamme et al. (2014) sebagai pengumpulan dana secara panggilan terbuka, pada dasarnya melalui Internet, bagi memenuhi keperluan kewangan, dalam bentuk derma atau sebagai pertukaran dengan ganjaran berbentuk wang atau bukan wang, untuk menyokong inisiatif yang mempunyai tujuan tertentu. Manakala Mollick (2014) menakrifkan pendanaan awam sebagai pengumpulan dana yang agak kecil daripada sebilangan besar individu melalui secara dalam talian bagi memenuhi keperluan kewangan sebagai menyokong usaha individu dan kumpulan keusahawanan untuk aktiviti atau projek yang berteraskan budaya, sosial dan keuntungan, tanpa melalui pengantara kewangan yang formal.


Terdapat ciri-ciri yang membezakan pendanaan awam dengan pengantara kewangan yang lain (Agrawal et al. 2015). Pertama, pemilik kempen pendanaan awam membentangkan projek mereka dengan cara yang standard dan menyeluruh secara dalam talian bagi memudahkan pencarian dilakukan. Kedua, pendanaan awam mengurangkan keperluan untuk memantau aktiviti sumbangan kerana melibatkan transaksi kewangan yang kecil dari penyertaan yang meluas dengan risiko yang rendah. Ketiga, pendanaan awam menyediakan maklumat mengenai aktiviti sumbangan yang telah dilakukan oleh orang lain dan juga sebagai alat komunikasi antara satu sama lain. Secara tidak langsung, ciri-ciri tersebut telah menarik perhatian pelajar institut pengajian tinggi (IPT) untuk menggunakan platform pendanaan awam sebagai medium bagi mendapatkan dana.

Pendanaan awam telah mengubah kemampuan individu dan organisasi untuk meningkatkan modal bagi tujuan keusahawanan apabila platform pendanaan awam yang pertama iaitu Kickstarter dilancarkan pada tahun 2009. Melalui Kickstarter, 45 daripada 50 buah projek yang dibiayai pada tahun 2012 telah berjaya menubuhkan firma masing-masing (Mollick 2014). Pelbagai faedah dinikmati oleh individu atau organisasi yang memohon dana melalui platform pendanaan awam berbanding kaedah mendapatkan modal melalui sumber tradisional. Di antaranya adalah akses yang lebih mudah untuk mendapatkan maklumat dan melibatkan kos yang lebih rendah (Agrawal et al. 2014). Selain itu, platform ini juga menjadi pengantara bagi pengusaha

mendapatkan maklum balas daripada orang ramai mengenai produk dan perkhidmatan mereka. Maklum balas yang diperolehi dari platform pendanaan awam membantu pengusaha menguji potensi produk tersebut sebelum membawa produk tersebut ke pasaran sebenar (Schwienbacher, Armin, Larralde 2010).

2.2.2 Model Asas Pendanaan Awam

Secara asasnya, aplikasi pendanaan awam melibatkan tiga pihak berkepentingan iaitu pemilik kempen, platform pendanaan awam dan pemberi sumbangan (Tomczak & Brem 2013) (lihat Rajah 2.1):



Rajah 2.1 Model Pengantaraan Pendanaan Awam

Sumber: Haas et al. (2014)

1. Pemilik kempen/penerima sumbangan/peraih dana (*fundraiser*) atau pengasas projek terdiri daripada individu atau organisasi yang mengemukakan idea bagi projek yang dicadangkan dan memerlukan dana bagi membiayai keperluan kewangan projek mereka.

2. Pemberi sumbangan/penderma/pembiaya (*funders*) atau penyokong (*backers*) iaitu individu atau organisasi yang bersedia untuk menyokong pemilik kempen melalui pemberian sumbangan ke atas projek yang dicadangkan.
3. Platform pendanaan awam bertindak sebagai pengantara yang menyediakan perkhidmatan pendanaan awam dengan menemukan semua pihak di atas bagi menjayakan projek yang dicadangkan.

Operasi platform pendanaan awam dimulakan di mana pengasas mengemukakan cadangan (*proposal*) mengenai projek yang ingin diusahakan (Belleflamme et al. 2014). Cadangan tersebut mestilah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak pengendali platform pendanaan awam. Seterusnya projek tersebut dihebahkan di platform platform pendanaan awam tersebut dalam tempoh yang ditetapkan. Sumbangan yang diterima melalui pendanaan awam daripada setiap individu melalui dalam talian secara relatifnya adalah dalam jumlah yang kecil tetapi bilangan individu yang menyumbang adalah ramai. Terdapat yuran pengurusan yang dikenakan untuk kempen yang berjaya memenuhi sasaran yang ditetapkan, iaitu sekitar empat hingga lima peratus daripada jumlah pembiayaan. Jumlah wang yang berjaya dikumpulkan akan diserahkan kepada pemilik kempen berkenaan berdasarkan mekanisme yang telah ditetapkan sama ada (1) ‘pembiayaan semua atau tiada langsung’ (*all or nothing*) dan (2) ‘perolehi kesemuanya’ (*keep it all*) (Antonenko et al. 2014; Beaulieu et al. 2015; Cumming et al. 2019; Mendes-da-silva et al. 2016).

Mekanisme ‘pembiayaan semua atau tiada langsung’ memerlukan pemilik kempen mencapai 100% daripada sasaran pembiayaannya dalam jangka masa yang ditetapkan, jika tidak, dana yang dikumpulkan akan dikembalikan kepada para pemberi sumbangan. Manakala, mekanisme ‘perolehi kesemuanya’ membolehkan pemilik kempen mendapat setakat mana sumbangan yang diperolehi walaupun tidak mencapai 100% dana yang disasarkan. Seperti platform Kickstarter dan Sellaband, platform-platform ini mengadaptasi strategi pertama iaitu ‘pembiayaan semua atau tiada langsung’ manakala platform Indiegogo menggunakan mengadaptasi kedua-dua strategi dalam operasi platform mereka.

Justeru, menjadi tanggungjawab semua pihak terutamanya pemilik kempen dan pengendali platform pendanaan awam untuk memaksimumkan bilangan dan saiz projek yang berjaya dengan memastikan penglibatan komuniti yang besar dan meluas bagi mereka bentuk pasaran. Selain dapat menarik projek-projek yang berkualiti tinggi, risiko penipuan juga dapat dikurangkan dan memudahkan pepadanan antara idea dan modal untuk menjayakan projek dengan lebih efisien dan berkesan (Agrawal et al. 2014).

2.2.3 Jenis-Jenis Pendanaan Awam

Pendanaan awam boleh dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu derma (*donation*), ganjaran (*reward*), ekuiti (*equity*) dan pinjaman (*lending*) (Agrawal et al. 2011; Ahlers et al. 2015; Belleflamme et al. 2014; Kuppuswamy & Bayus 2013; Mollick 2014). Terdapat dua faktor utama yang membezakan setiap jenis pendanaan awam. Pertama adalah motif atau tujuan pemilik kempen mengumpulkan dana (Mollick 2014). Dan kedua adalah manfaat yang diterima oleh para pemberi sumbangan (Galuszka & Brzozowska 2017; Mollick 2014; Ordanini et al. 2011). Jadual 2.1 menerangkan dengan lebih jelas mengenai jenis-jenis platform pendanaan awam.

Bagi platform pendanaan awam berasaskan derma, tujuan pemberi sumbangan menderma adalah untuk menyertai aktiviti sosial dan menikmati faedah bersama dalam komuniti (Belleflamme et al. 2014). Pemberi sumbangan tidak mengharapkan sebarang pulangan atau ganjaran (Mollick 2014) dan hanya bersikap altruisme iaitu sifat atau prinsip yang suka mengutamakan kebajikan atau kebahagiaan orang lain daripada diri sendiri (Andreoni 2007).

Manakala pemberi sumbangan di platform pendanaan awam berasaskan ganjaran memberi sumbangan untuk mendapatkan pulangan (Mollick 2014), memberi sokongan kepada pengusaha projek dan memperkukuhkan hubungan di dalam rangkaian sosial mereka (Gerber & Hui 2013; Ordanini et al. 2011; Steigenberger 2017). Kebiasaannya, produk atau perkhidmatan yang menarik dan inovatif ditawarkan (Agrawal et al. 2014). Secara tidak langsung, tindakan ini akan mewujudkan permintaan awal terhadap produk yang baru dilancarkan (Mollick 2014).

Jadual 2.1 Definisi dan Ciri-ciri Pendanaan Awam

	Derma	Ganjaran	Ekuiti	Pinjaman
Definisi	Pemberi sumbangan menawarkan sokongan kewangan untuk projek atau sebab semata-mata mempunyai semangat muhibah tanpa mengharapkan sebarang pulangan (Belleflamme et al. 2014)	Pemberi sumbangan menyediakan dana pembiayaan dan mendapat balasan dalam bentuk ganjaran seperti hadiah, baucer, peluang untuk mencuba produk prototaip (Mollick 2014)	Modal untuk perniagaan diperolehi dengan menerbitkan ekuiti kepada mereka yang melabur dalam perniagaan (Ahlers et al. 2015)	Bilangan pembiaya yang ramai meminjamkan sebahagian kecil wang untuk membiayai perniagaan (Morse 2015)
Pulangan kepada Pemberi Sumbangan/ Pembiaya	Tidak mengharapkan pulangan (Mollick 2014)	Hadiah atau pra-pembelian produk atau perkhidmatan (Mollick 2014)	Ekuiti atau hak milik perniagaan (Mollick 2014)	Faedah pada kadar tetap dan pulangan prinsipal atas persetujuan (Bruton et al. 2014)
Ciri-ciri Projek	Projek berbentuk kebajikan dan bersifat kemanusiaan (Andreoni 2007)	Produk atau perkhidmatan yang menarik dan inovatif ditawarkan (Agrawal et al. 2014)	Projek perniagaan (Ahlers 2015)	Perniagaan mestilah menjana aliran tunai (Kuppuswamy & Bayus 2013)
Sasaran	Individu atau organisasi yang mengusahakan projek yang bersifat bukan keuntungan (Belleflamme et al. 2014)	Produk pra-jualan, projek yang melibatkan orang ramai (Mollick 2014)	Mencari modal perniagaan, pembiayaan pada peringkat awal atau sedang membangun (Ahlers 2015)	Perniagaan yang lebih matang, dengan aliran tunai dan cagaran serta mencari kelulusan pembiayaan jangka panjang yang cepat (Morse 2015)
Contoh Platform Pendanaan Awam di Malaysia	Skolafund, JomDonate.com, Global Sadaqah, KitaFund	PitchIn, MyStartr	ATA Plus, Crowdonomic, CrowdPlus.Asia, Eureeca, FundedByMe Malaysia dan pitchIN, Ventures, Ethis Ventures, MyStartr.	AlixCo, FinPal, Fundaztic, Funding Societies Malaysia, Nusa Kapital, QuicKash, CapitalBay, Capsphere Services, Crowdsense, MicroLEAP, Money Save Capital
Platform Pendanaan Awam Antarabangsa	GoFundMe, GlobalGiving, DonorsChoose	Kickstarter, Indiegogo, RocketHub, Patreon	Kiva.org, Prosper.com, Funding Circle, Lending Club	Crowdcube, CircleUp, Micro Ventures

Sumber: Olahan Pengkaji (2020)

Seterusnya, pemberi sumbangan menjadikan platform pendanaan awam berasaskan ekuiti sebagai akses untuk mendapatkan peluang pelaburan untuk mengusahakan projek perniagaan (Ahlers et al. 2015). Pemberi sumbangan bertindak sebagai pelabur di mana mereka memiliki bahagian saham ekuiti mengikut dana yang dilaburkan dan menerima pulangan atas pelaburan mereka (Mollick 2014).

Manakala, pendanaan awam berasaskan pinjaman atau P2P membolehkan individu atau organisasi mendapatkan dana daripada orang ramai sebagai pinjaman untuk membiayai perniagaan (Morse 2015). Pemilik kempen menjanjikan pulangan kepada pelabur dalam bentuk faedah pada kadar tetap dan pulangan prinsipal atas persetujuan bersama (Bruton et al. 2014).

2.2.4 Pendanaan Awam di Malaysia

Pendanaan awam telah diterima baik oleh semua pihak walaupun fenomena tersebut masih baru di Malaysia. Hal ini selari dengan perkembangan teknologi kewangan atau dikenali sebagai *Financial Technology* (FinTech) yang mendorong pertumbuhan Malaysia ke arah ekonomi digital. Rajah 2.2 menunjukkan pertumbuhan pendanaan awam di Malaysia. Pendanaan awam di Malaysia telah bermula pada tahun 2012 di mana terdapat tiga platform dalam talian di Malaysia iaitu, PitchIN, Mystertr dan MDEC. Platform-platform ini memberi tumpuan bagi memenuhi keperluan kewangan bagi projek-projek yang bersifat komuniti, sosial dan seni (Asian Institute of Finance 2017; Mohamed Asmy et al. 2018).

Pada tahun 2015, Malaysia mula mengiktiraf kepentingan pendanaan awam di mana Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah melancarkan kerangka kerja pengawalseliaan untuk pendanaan awam berasaskan ekuiti (ECF), diikuti pendanaan awam berasaskan pinjaman pada tahun 2016. Melalui inisiatif tersebut, Malaysia menjadi negara pertama di ASEAN yang memberikan kelulusan pengawalseliaan bagi ECF. Terdapat enam pengendali ECF yang diluluskan iaitu ATA Plus, Crowdonomic, CrowdPlus.Asia, Eureeca, FundedByMe Malaysia dan pitchIN. Manakala, enam pengendali P2P adalah AlixCo, FinPal, Fundaztic, Funding Societies Malaysia, Nusa Kapital dan QuickKash. Seterusnya, pada Mei 2019 tiga pengendali ECF diberi kelulusan iaitu 1337 Ventures, Ethis Ventures, dan MyStartr. Manakala lima pengendali P2P yang diberi kelulusan

oleh SC adalah CapitalBay, Capsphere Services, Crowdsense, MicroLEAP dan Money Save Capital (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2019).



Rajah 2.2 Pertumbuhan Pendanaan Awam di Malaysia

Sumber: Asian Institute of Finance (2017) dan SSM (2019)

Perkembangan pesat pendanaan awam ditunjukkan dalam laporan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sejak tahun 2015, sejumlah RM32.74 juta modal telah berjaya dikumpulkan melalui 37 kempen ECF, dengan kadar kejayaan sebanyak 86% (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2017). Seterusnya, bagi tahun 2017 sahaja, RM22.34 juta modal telah dikumpulkan oleh 23 kempen berbanding RM10.4 juta oleh 14 pemilik kempen pada 2016. Ini merupakan peningkatan sebanyak 115% dalam modal yang dikumpulkan dan peningkatan jumlah kempen sebanyak 64% pada tahun 2017 berbanding 2016. Perkembangan ini menunjukkan terdapat permintaan yang kukuh untuk ECF sebagai alternatif pembiayaan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) selaras dengan agenda digital SC untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan dalam pasaran modal. Manakala, pada tahun 2017 sahaja, kempen pembiayaan P2P berjaya mengumpulkan sejumlah RM37.15 juta melalui 628 kempen dengan kadar kejayaan kempen adalah sebanyak 99%. Pembiayaan ECF dan P2P terus menunjukkan pertumbuhan yang positif iaitu meningkat 43% dari tahun lalu, meningkatkan RM631 juta untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2021).

2.2.5 Pendanaan Awam untuk tujuan Pendidikan

Bantuan kewangan untuk pendidikan semakin terbatas disebabkan persaingan yang tinggi dan kurangnya bantuan dari agensi berkaitan yang dapat membantu meringankan beban kewangan pelajar terutamanya untuk para pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau pun meneruskan pengajian ke semester seterusnya. Justeru, pengumpulan dana melalui pendanaan awam dilihat berpotensi menjadi alternatif bagi memenuhi keperluan pembiayaan untuk pendidikan.

Pendanaan awam di universiti adalah pendekatan yang inovatif dalam usaha universiti tersebut menyediakan kemudahan platform untuk mengumpul dana bagi pelajar mereka berikutan keadaan ekonomi semasa yang semakin sukar dan keperluan universiti yang semakin meningkat (Colasanti et al. 2018). Platform pendanaan awam di universiti menyasarkan sumbangan dari kalangan kakitangan universiti, ahli akademik, pelajar di universiti itu sendiri, dan orang ramai di luar universiti. Platform ini juga menekankan usaha pengumpulan sumbangan dari bekas pelajar iaitu alumni universiti tersebut yang ingin berbakti semula kepada universiti yang telah melancarkan proses pembelajaran hingga mereka berjaya dalam bidang masing-masing.

Di luar negara, platform pendanaan awam milik universiti adalah seperti di Colorado State University, Arizona State University, Cornell, dan the University of Virginia (Marlett 2015). Ketika wabak COVID-19 bermula tahun lalu, pihak Arizona State University menubuhkan dana untuk membantu pelajar yang menghadapi perbelanjaan kecemasan. Kempen tersebut mencatatkan rekod yang paling berjaya di mana mereka berjaya mengumpul jumlah sumbangan sebanyak USD\$1.3 juta dari bilangan penderma yang melebihi 1,500 orang (University of Arizona Foundation 2021).

Manakala di Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah satu-satunya IPTA yang telah mewujudkan platform pendanaan awam. Walau bagaimanapun, platform tersebut tidak dapat diakses sepanjang masa dan walaupun berjaya diakses, tiada kempen pendanaan awam yang tersedia di platform ini. Universiti awam lain juga mempunyai platform untuk pengumpulan dana dalam talian tetapi platform tersebut hanya berfungsi sebagai medium bagi mengumpul sumbangan,

pemberian, hadiah atau wakaf (rujuk Jadual 2.2). Platform tersebut tidak mencari atau mengumpulkan dana sebagaimana yang dilakukan dalam pengoperasian pendanaan awam.

Jadual 2.2 Senarai Platform Pendanaan Awam milik IPTA di Malaysia

IPTA	Pautan Pendanaan Awam	Pautan lain
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Tiada	http://www.iium.edu.my/division/ief
Universiti Kebangsaan Malaysia	Tiada	https://give2ukm.ukm.my/v2
Universiti Malaya	Tiada	https://giving2umef.um.edu.my/
Universiti Malaysia Kelantan	Tiada	Tiada
Universiti Malaysia Pahang	Tiada	https://mygift.ump.edu.my/index.php/en/
Universiti Malaysia Perlis	Tiada	https://pnc-kk.unimap.edu.my/index.php
Universiti Malaysia Sabah	Tiada	Tiada
Universiti Malaysia Sarawak	Tiada	http://www.endowment.unimas.my/
Universiti Malaysia Terengganu	Tiada	Tiada
Universiti Pendidikan Sultan Idris	Tiada	Tiada
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	Tiada	Tiada
Universiti Putra Malaysia	Tiada	https://wazan.upm.edu.my/derma-3285
Universiti Sains Islam Malaysia	Tiada	Tiada
Universiti Sains Malaysia	Tiada	http://zawain.usm.my/
		http://yayasan.usm.my/index.php/explore/yayasan-usm/ways-to-give/dermasiswa-kasih
Universiti Teknikal Melaka Malaysia	Tiada	Tiada
Universiti Teknologi Malaysia	https://digital.utm.my/ic-t-services/crowd-funding/	Tiada
Universiti Teknologi Mara Malaysia	Tiada	https://www.uitm.edu.my/index.php/en/giving-uitm
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	Tiada	https://epayment.uthm.edu.my/endowment/index/2
Universiti Utara Malaysia	Tiada	Tiada

Sumber: Data dikumpul oleh pengkaji (2021)

Platform pihak ketiga juga digunakan oleh alumni atau pelajar IPT untuk mengumpulkan sumbangan berkaitan pendidikan seperti JomDonate, KrowdCap, MyStartr, PitchIN, dan Skolafund (lihat Jadual 2.3). Namun, platform KrowdCap, MyStartr, dan PitchIN masing-masing hanya mempunyai satu atau dua kempen yang berkaitan dengan universiti. Manakala, JomDonate dan Skolafund adalah antara

platform pihak ketiga yang paling kerap digunakan oleh pelajar universiti. Semua platform pendanaan awam pihak ketiga tersebut mempunyai kategori kempen campuran di platform mereka kecuali Skolafund. Oleh itu, kempen mereka tidak terhad kepada pendidikan. Sebaliknya, Skolafund, adalah satu-satunya platform yang mengkhusus kepada kempen pendidikan tinggi. Ia menghadkan pengumpulan dana kepada pelajar IPT atas sebab yang berkaitan dengan projek atau kempen pendidikan.

Jadual 2.3 Senarai Platform Pendanaan Awam Pihak Ketiga (untuk tujuan Pendidikan) di Malaysia

Platform Pendanaan Awam Pihak Ketiga di Malaysia	Jenis Pendanaan Awam	Pautan
JomDonate	Derma	https://www.jomdonate.com/
KrowdCap	Derma	http://krowdcap.com/
MyStartr	Derma dan Ganjaran	http://www.mystartr.com/
PitchIN	Ganjaran dan Ekuiti	http://pitchin.my/
Skolafund	Derma	https://kitafund.com/

Sumber: Data dikumpul oleh pengkaji (2021)

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pendanaan awam berasaskan derma dan ganjaran telah digunakan untuk mengumpulkan sumbangan untuk kempen pendidikan bagi memenuhi keperluan pembiayaan yuran pengajian, kos sara hidup, penyelidikan dan sebagainya (Ingram et al. 2016). Ingram et al. (2016) menjalankan kajian kes ke atas CrowdUni, iaitu platform pendanaan awam berasaskan derma di Amerika Utara. Dari segi struktur tadbir urus platform ini, pihak yang mengendalikan platform ini adalah sebahagian daripada kakitangan Pejabat Alumni dan Pembangunan universiti tersebut dan mereka hanya membenarkan kempen yang mempunyai pautan ke universiti untuk menggunakan platform tersebut. Hal ini bertujuan memastikan bahawa dana tersebut digunakan untuk tujuan yang dimaksudkan.

Sementara itu, Siva (2014) mendapati platform pendanaan awam adalah alternatif bagi membiayai keperluan kewangan penyelidikan untuk para saintis dalam menghadapi peningkatan persaingan dan sumber dana awam yang semakin berkurang. Kajian-kajian ini tidak mempunyai asas teori dan hasil statistik tetapi mencukupi untuk

kajian eksploratori. Mohd Firdaus et al. (2017) dalam kajian mereka mengenal pasti jenis pendanaan awam sedia ada untuk pembiayaan geran untuk penyelidikan akademik di universiti. Kajian tersebut juga mendapati rangkaian sosial sebagai kelebihan untuk memastikan kejayaan pendanaan dalam talian yang digunakan. Walau bagaimanapun, jika mereka tidak dapat menganggarkan ukuran rangkaian sosial mereka dan tidak mengetahui bagaimana memanfaatkan kumpulan sasaran (pemberi sumbangan yang berpotensi) dengan tepat, maka rangkaian sosial tersebut tidak dapat membantu mereka mencapai dana sasaran. Namun demikian, kajian ini hanyalah tinjauan literatur dan tiada kajian empirikal yang dilakukan untuk menyelidik penentu kejayaan kempen berkaitan pendanaan awam pendidikan di seluruh dunia atau yang berpusat di Asia. Oleh itu bagi memahami fenomena ini, kajian ini bergantung pada literatur mengenai modal sosial dan pendanaan awam yang dilakukan dalam konteks kempen pendanaan awam untuk jenis kempen lain.

2.3 MAKLUMAT ASIMETRI

Aplikasi pendanaan awam memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat kepada bakal pemberi sumbangan. Hal ini berikutan bakal pemberi sumbangan mempunyai maklumat yang terhad tentang pemilik kempen sama ada mengenai masalah yang mewujudkan tindakan segera oleh pemilik kempen memohon dana melalui pendanaan awam. Selain itu, bakal pemberi sumbangan juga tidak mengetahui bagaimana usaha pembiayaan yang mereka sumbangkan akan digunakan untuk kempen tersebut. Oleh itu, sumber maklumat utama bagi bakal pemberi sumbangan adalah keterangan projek yang disediakan oleh pemilik kempen di platform pendanaan awam (Burtch et al. 2013). Namun, situasi yang sering berlaku di mana sumber maklumat yang ditawarkan oleh pemilik kempen mengenai projek adalah tidak mencukupi untuk dinilai oleh bakal pemberi sumbangan (Usman et al. 2019). Senario ini telah mewujudkan masalah maklumat tidak seimbang atau lebih dikenali sebagai maklumat tak simetri. Perkara seperti ini menjadi kelebihan bagi pemilik kempen kerana mempunyai maklumat yang tidak diketahui oleh pemberi sumbangan. Walau bagaimanapun, ia merupakan keburukan bagi bakal pemberi sumbangan kerana sukar membuat penilaian terhadap kempen tersebut (Mavlanova et al. 2012).

2.3.1 Teori Maklumat Asimetri

Teori maklumat asimetri telah dibangunkan oleh Akerlof (1970) bagi menerangkan bahawa ketidakseimbangan maklumat antara pembeli dan penjual boleh menyebabkan hasil yang tidak cekap di pasaran tertentu. Situasi ini berlaku di mana pihak yang terlibat dalam perjanjian tidak mempunyai akses ke tahap maklumat yang sama atau tidak disalurkan secara sekata (Akerlof 1970). Pada tahun 1970, Akerlof telah mencipta konsep pasaran lemon bagi menjelaskan bagaimana maklumat tak simetri memberikan insentif ke atas penjual barangan yang berkualiti rendah (dianggap sebagai lemon iaitu meninggalkan rasa pahit) menjual barangan mereka di pasaran sehingga mengurangkan kualiti produk secara keseluruhan dan kepuasan pengguna. Dalam situasi ini, hanya penjual yang mengetahui tahap kualiti produk yang dijual oleh mereka. Memandangkan pengguna tidak mengetahui tahap kualiti produk tersebut, pengguna hanya bersedia untuk membayar pada suatu harga yang dirasakan berpatutan, iaitu harga yang mencerminkan kualiti biasa sesuatu barangan atau perkhidmatan. Bagi penjual yang menawarkan produk yang tidak berkualiti, harga biasa tersebut adalah menguntungkan, tetapi tidak bagi penjual yang menawarkan produk yang berkualiti. Ini menyebabkan penjual yang menawarkan produk yang berkualiti ini akan menahan produk mereka daripada dipasarkan kerana tidak berupaya memperoleh harga yang setimpal.

2.3.2 Kajian Lepas mengenai Maklumat Asimetri dalam Pendanaan Awam

Dalam konteks pendanaan awam, pelbagai masalah akan timbul jika terdapat ketidakseimbangan daripada segi maklumat di mana pemilik kempen lebih mengetahui mengenai projek yang dicadangkan (terutamanya daripada aspek kualiti) berbanding bakal pemberi sumbangan yang tidak berupaya untuk mengetahui dan menilai sepenuhnya keberhasilan projek tersebut. Reputasi dan kredibiliti pemilik kempen berfungsi sebagai kaedah yang efektif untuk mengurangkan masalah maklumat tak simetri mengenai prestasi projek yang bakal dilaksanakan (Agrawal et al 2013, Courtney 2016).

Kajian terdahulu telah membincangkan secara komprehensif tentang impak maklumat tak simetri mengenai pendanaan awam dari sudut ekonomi (Belleflamme et al. 2013) dan keusahawanan (Ahlers et al. 2015). Manakala, kajian Davies dan

Giovannetti (2018) mengkaji isyarat strategik dan bukan strategik pada kempen di platform pendanaan awam sebagai kaedah mengatasi kesan negatif dari maklumat tak simetri. Isyarat strategik dikaji oleh mereka sebagai tindakan pemilik kempen membiayai kempen lain. Isyarat bukan strategik pula dinilai melalui bilangan pemberi sumbangan dan jumlah terkumpul untuk tempoh 10 hari terawal dari 60 hari tempoh berkempen. Hasil kajian mereka mendapati isyarat-isyarat tersebut mempengaruhi kejayaan kempen, secara tidak langsung isyarat tersebut dijadikan rujukan oleh orang ramai bagi mengatasi masalah asimetri maklumat yang berlaku.

2.4 MODAL SOSIAL

2.4.1 Teori Modal Sosial

Menurut Putnam (2000) Hanifan adalah orang pertama yang memperkenalkan konsep modal sosial melalui penulisan 'The Rural School Community Centre' pada tahun 1916 dan bab dalam buku bertajuk 'Modal Sosial' pada tahun 1920. Modal sosial menurut Hanifan (1916) merupakan aset nyata yang merangkumi muhibah, persahabatan, simpati dan hubungan sosial antara individu dan keluarga yang membentuk kelompok sosial hubungan sosial. Selain memperkenalkan istilah dan definisi modal sosial, Hanifan (1916) turut menunjukkan pemikiran konseptual berkenaan dalam strategi pengembangan modal sosial dalam masyarakat. Manakala, Bourdieu (1986) melalui tulisannya berjudul *The Forms of Capital* memperkenalkan konsep modal sosial sebagai jumlah sumber-sumber sebenar yang berkembang pada seorang individu atau organisasi di atas kemampuan untuk memiliki suatu rangkaian yang wujud dalam hubungan-hubungan berdasarkan pengetahuan dan amalan timbal balik antara satu sama lain.

Seterusnya, Coleman (1988) mendefinisikan modal sosial berdasarkan fungsinya, iaitu modal sosial terdiri dari pelbagai entiti yang berlainan seperti keluarga, sekolah dan masyarakat termasuk kawasan kejiranan. Terdapat dua elemen yang menerangkan modal sosial iaitu pertama, modal sosial terdiri daripada beberapa aspek struktur sosial. Kedua, modal sosial memudahkan tindakan tertentu individu dalam struktur. Tidak seperti modal fizikal dan modal insan, modal sosial melalui struktur hubungan terbentuk antara individu dengan individu lain. Selain itu, modal sosial tidak

boleh ditukar sepenuhnya, tetapi boleh ditukar atau dibaiki melalui aktiviti tertentu seperti mengurangkan beberapa tindakan yang tidak membawa faedah atau berbahaya kepada orang lain. Coleman (1988) mengukur hubungan modal sosial dengan kadar keciciran kanak-kanak bersekolah. Indikator modal sosial bagi pencapaian pendidikan kanak-kanak termasuklah peribadi, keluarga dan dimensi masyarakat. Kajian Coleman (1990) seterusnya mencadangkan enam bentuk modal sosial iaitu (1) kewajipan, timbal balas dan kepercayaan; (2) maklumat potensi dari hubungan sosial; (3) norma; (4) hubungan kuasa; (5) pertubuhan sosial yang memanfaatkan sumber ahli mereka; (6) pertubuhan rasmi yang memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya.

Putnam (1993) kemudiannya menyatakan modal sosial adalah ciri-ciri organisasi sosial seperti jaringan, norma dan kepercayaan dalam kalangan individu bertujuan untuk memudahkan koordinasi dan kerjasama bagi manfaat bersama. Putnam (1993) menganalisis perbezaan kecekapan institusi dan pengaruhnya dalam pembangunan ekonomi antara Itali Utara dengan Itali Selatan. Ukuran modal sosial yang digunakan adalah jumlah organisasi sukarela yang wujud dalam sesebuah institusi. Melalui karya Putnam (1995), kaedah analisis korelasi bivariante digunakan bagi melaporkan penurunan modal sosial dalam masyarakat Amerika. Kajian beliau mendapati terdapat hubungan positif antara modal sosial dengan pendidikan dan kesejahteraan kanak-kanak, keselamatan dan produktiviti persekitaran, pembangunan ekonomi, kesihatan, demokrasi, dan toleransi dan kesaksamaan. Beliau juga membangunkan indeks modal sosial yang diukur melalui penyertaan komuniti dalam organisasi atau persatuan, penglibatan masyarakat dalam urusan awam, penglibatan komuniti dalam aktiviti sukarelawan dan aspek kepercayaan sosial.

Konsep modal sosial yang dinyatakan oleh Putnam (1993) telah diperkembangkan oleh Nahapiet dan Ghoshal (1998) dengan menambah kepercayaan bersama dalam bentuk keupayaan untuk mewujudkan persaingan. Modal sosial didefinisikan sebagai *"jumlah sumber sebenar dan potensi dalaman, dan berasal dari rangkaian hubungan yang dimiliki oleh unit individu atau sosial"*. Nahapiet dan Ghoshal (1998) mencadangkan modal sosial dengan lebih komprehensif dari tiga dimensi yang pelbagai iaitu struktur, hubungan, dan kognitif. Dimensi struktur bermaksud bahawa ciri-ciri struktur, seperti jaringan hubungan dan rangkaian

konfigurasi yang diperlukan untuk pengembangan dan penggunaan modal sosial. Dimensi hubungan pula merujuk kepada modal yang diperolehi dari obligasi, harapan, dan kepercayaan rangkaian sosial. Manakala dimensi kognitif menunjukkan bahawa perkongsian bahasa dan skema serta naratif berupaya membantu individu dalam organisasi memperolehi modal sosial.

2.4.2 Kajian Lepas mengenai Modal Sosial

a. Dimensi Struktur

Dimensi struktur ditakrifkan sebagai pola keseluruhan yang menunjukkan bentuk rangkaian hubungan (*network ties*) di antara individu-individu untuk membina modal sosial (Nahapiet & Ghoshal 1998). Rangkaian hubungan juga merupakan faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku individu dan dilakukan atas prinsip sukarela, kesamarataan, kebebasan dan kesopanan (Gomber et al. 2017). Ia merangkumi penglibatan dan hubungan sosial di antara individu dalam persatuan, kelab atau organisasi tertentu. Melalui hubungan tersebut, maklumat dapat disebarkan dan akan memberi faedah dalam bentuk akses, masa dan rujukan kepada individu atau organisasi lain (Burt 2000).

Dalam konteks pendanaan awam, rangkaian sosial memainkan peranan penting dalam pendanaan awam di mana rangkaian sosial boleh mengurangkan masalah maklumat asimetri (Zheng et al. 2014), membantu pemilik kempen membentuk identiti bersama (Kromidha & Robson 2016) dan membolehkan pemilik kempen mengakses kepada lebih banyak sumber (Saxton & Wang 2014). Tambahan pula, bakal pemberi sumbangan tidak berpeluang mengalami dan mengetahui kualiti produk dan perkhidmatan sebelum penggunaan. Terdapat dua jenis rangkaian sosial dalam konteks pendanaan awam. Pertama, rangkaian sosial yang diusahakan oleh pemilik kempen di platform pendanaan awam itu sendiri, seperti di Kickstarter, Indiegogo, PitchIn, Skolafund (Colombo et al. 2014; Lehner 2013; Skirnevskiy et al. 2017). Keduanya adalah rangkaian sosial yang dikembangkan oleh pemilik kempen di laman web rangkaian sosial pihak ketiga yang lain, seperti di Twitter dan Facebook (Madrado-lemarroy et al. 2019; Zheng et al. 2014). Dalam kedua-dua jenis rangkaian sosial,

komunikasi maklumat melalui komuniti dalam talian adalah kaedah yang berkesan untuk mendorong pengembangan modal sosial pemilik kempen.

Saxton dan Wang (2014) menganalisis rangkaian sosial untuk menguji pengaruhnya terhadap aktiviti pemberian sumbangan dalam talian di mana kajian tersebut tidak menggunakan platform pendanaan awam yang khusus sebagai bidang kajian. Kesan rangkaian sosial diukur berdasarkan bilangan jumlah kenalan pada halaman Facebook *Cause* setiap organisasi yang memohon dana. Ia adalah bilangan pengguna Facebook yang telah menyatakan sokongan mereka untuk "menyertai" kempen tersebut dan kemudiannya berkongsi maklumat mengenai kempen dengan kenalan Facebook yang lain. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa rangkaian sosial mempunyai pengaruh yang positif ke atas kejayaan pengumpulan dana melalui dalam talian.

Begitu juga dalam amalan sumbangan melalui platform pendanaan awam yang khusus seperti platform pendanaan awam berasaskan ganjaran (Borst et al. 2018; Giudici, Guerini & Rossi-Lamastra 2017; Kromidha & Robson 2016; Mollick 2014; Zheng et al. 2014), pinjaman (Freedman & Jin 2017) dan ekuiti (Vismara 2016). Kebanyakan penyelidik mengukur rangkaian sosial menggunakan proksi bilangan rakan-rakan di media sosial seperti Facebook (Kromidha & Robson 2016; Mollick 2014; Zheng et al. 2014), Twitter (Borst et al. 2018) dan Weibo (Zheng et al. 2014) dan mendapati pemboleh ubah tersebut mempengaruhi pemberian sumbangan.

Kajian Zheng et al. (2014) menjalankan kajian perbandingan dengan mengukur kesan modal sosial terhadap prestasi kempen di platform pendanaan awam Kickstarter di Amerika Syarikat dan Demohour di China. Pemboleh ubah rangkaian sosial iaitu bilangan kenalan di Facebook (Amerika Syarikat) dan Weibo (China) diuji untuk menentukan modal sosial negara manakah yang paling berpotensi meningkatkan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan ganjaran. Hasil kajian mereka mendapati modal sosial dari rangkaian sosial kedua-dua negara mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam berasaskan ganjaran, walau bagaimanapun modal sosial negara China adalah lebih kuat berbanding Amerika Syarikat.

Mollick (2014) pula menganalisis platform Kickstarter untuk mengkaji kesan rangkaian sosial luar terhadap keputusan menderma. Kajian beliau membandingkan bilangan rakan Facebook mengikut kuartil iaitu kempen yang tiada menghubungkan akaun Facebook ke rangkaian luar, kempen di mana individu mempunyai beberapa rakan Facebook dalam beberapa kuartil iaitu 25-50 peratus, 50-75 peratus, dan kuartil teratas. Hasil kajian beliau merumuskan tindakan untuk tidak menghubungkan Facebook ke Kickstarter adalah tindakan yang paling strategik (dengan andaian bahawa pemilik kempen tidak pernah memiliki akaun Facebook), berbanding hanya menghubungkan kempen pendanaan awam ke beberapa laman media sosial luar.

Kromidha dan Robson (2016) juga mempunyai pendapat yang sama dengan Mollick (2014) di mana saiz rangkaian yang lebih besar berpotensi memberi impak yang lebih kuat terhadap prestasi kempen berbanding rangkaian sosial yang kecil. Kromidha dan Robson (2016) menguji saiz rangkaian sosial dengan menggunakan proksi bilangan perkongsian kempen ke Facebook. Menurut Kromidha dan Robson (2016), terdapat tiga kumpulan yang berpotensi untuk berkongsi kempen di laman Facebook mereka sendiri iaitu pertama, penyokong yang telah memberi sumbangan dan merupakan ahli rangkaian sosial yang sangat komited. Keduanya adalah ahli rangkaian sosial yang merupakan rakan kepada pemilik kempen, tetapi tidak pernah memberi sumbangan, dan akhir sekali adalah individu yang melawat kempen di platform pendanaan awam secara rawak.

Giudici et al. (2017) pula menganalisis 457 kempen yang dilancarkan di 13 platform pendanaan awam berasaskan ganjaran di Itali. Kajian ini menggunakan bilangan kenalan dalam perkhidmatan rangkaian sosial (SNSs) sebagai proksi dan mendapati modal sosial individu adalah berhubungan secara positif dengan kejayaan kempen pendanaan awam. Terdahulu, Giudici et al. (2013) melakukan kajian dengan meneroka modal sosial melalui lokasi geografi pemilik kempen dan mengesahkan ia adalah relevan selagi komuniti di kawasan tersebut memiliki hubungan dan sikap timbal balik yang kuat.

Kajian modal sosial diperluaskan oleh Borst et al. (2018) dengan menganalisis kempen di platform Voordekunst iaitu platform pendanaan awam terbesar di

Netherlands. Kajian beliau mengkaji kesan penggunaan media sosial melalui Facebook dan Twitter terhadap kejayaan kempen. Kajian sebegini juga dilakukan oleh Madrazo-lemarroy et al. (2019) ke atas 737 kempen di platform Fondeadora.mx yang berpusat di Mexico. Kajian Madrazo-lemarroy et al. (2019) mendapati rangkaian sosial melalui Facebook dan Twitter mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam. Manakala, kajian Borst et al. (2018) mengenal pasti perbezaan sifat rangkaian sosial antara Facebook dan Twitter menyebabkan permintaan sumbangan adalah lebih berkesan di Facebook. Borst et al. (2018) juga menekankan fungsi Facebook sebagai rangkaian sosial yang sesuai untuk berinteraksi sosial dalam talian. Manakala penyampaian mesej bermaklumat dan perkongsian pendapat adalah lebih berkesan di Twitter.

Bagi pendanaan awam berasaskan ekuiti pula, Vismara (2016) menggunakan bilangan kenalan di LinkedIn sebagai proksi rangkaian sosial. Kajian Vismara (2016) mendapati bahawa pemilik kempen yang mempunyai rangkaian sosial yang banyak di LinkedIn mempunyai kemungkinan peningkatan kejayaan pendanaan awam.

Seterusnya, Freedman dan Jin (2017) menggunakan data dari platform Prosper iaitu pendanaan awam berasaskan pinjaman. Kajian tersebut mendapati bahawa peminjam yang mempunyai hubungan sosial secara konsisten lebih cenderung untuk mendapatkan pinjaman mereka dan mendapatkan kadar faedah yang lebih rendah. Namun, kebanyakan peminjam dengan ikatan sosial cenderung membayar lewat atau ingkar. Penemuan ini didorong oleh pemberi pinjaman yang tidak memahami sepenuhnya hubungan antara hubungan sosial dan kualiti peminjam yang tidak dijaga.

Terdapat juga hasil kajian yang bertentangan dengan kajian-kajian di atas. Kajian Colombo et al. (2014) menganalisis bilangan kenalan milik pengasas projek di laman LinkedIn. LinkedIn dijadikan proksi untuk menganalisis data disebabkan hubungan profesional bagi membandingkan kesan di antara rakan sekerja dalaman dan luaran dari platform pendanaan awam. Manakala, Kaminski et al. (2018) menggunakan proksi perkongsian di Facebook (*Facebook Share*) melalui analisis ke atas 572 kempen di Kickstarter. Kedua-dua kajian tersebut mendapati modal sosial melalui rangkaian sosial tidak mempengaruhi kejayaan sesebuah kempen.

Selain itu, terdapat juga kajian pendanaan awam melibatkan modal sosial sebagai pemboleh ubah kawalan dan menunjukkan hubungan yang positif di antara rangkaian sosial dan kejayaan pendanaan awam (lihat Buttice et al. 2017; Mollick 2014; Skirnevskiy et al. 2017).

b. Dimensi Hubungan

Dimensi hubungan merujuk kepada modal yang diperolehi daripada obligasi (tanggungjawab), harapan, dan kebolehpercayaan yang wujud melalui rangkaian sosial (Nahapiet & Ghoshal 1998). Dimensi hubungan adalah hubungan sosial yang dibangunkan berasaskan sejarah interaksi di antara satu sama lain. Dimensi hubungan wujud hasil dari kekuatan atau kualiti perhubungan melalui interaksi sosial yang berulang (Granovetter 1992) dan dinilai dari konsep kepercayaan, norma, kewajipan dan identifikasi (Nahapiet & Ghoshal 1998). Elemen sosial melalui kepercayaan merupakan hubungan antara ahli keluarga, saudara mara, rakan dan kenalan, budaya dan agama. Melalui sikap kepercayaan, suatu bentuk keinginan diwujudkan bagi mengambil risiko dalam hubungan-hubungan sosialnya yang didasari oleh perasaan yakin bahawa individu lain akan melakukan sesuatu seperti yang diharapkan dan akan sentiasa bertindak dalam suatu pola tindakan yang saling menyokong (Putnam 1993).

Dalam konteks pendanaan awam, modal sosial antara pemilik kempen dibangunkan melalui sikap timbal balik (*reciprocity*) yang wujud hasil kepercayaan yang terbina melalui platform pendanaan awam itu sendiri. Sikap timbal balik adalah konsep psikologi sosial yang merujuk kepada balasan terhadap tingkah laku kebaikan atau keburukan yang dilakukan sebelum ini (Gouldner 1960). Secara tidak sedar, sikap timbal balik mencetuskan rasa tanggungjawab dalam diri masing-masing (Tsai & Ghoshal 1998).

Sikap timbal balik sering dibincangkan dalam pendanaan awam berasaskan ganjaran (Colombo et al. 2014; Davies & Giovannetti 2018; Zheng et al. 2014). Pemilik kempen yang menerima bantuan kewangan daripada orang lain mungkin timbul rasa obligasi untuk memberi sokongan dengan memberi sumbangan semula kepada kempen lain. Kajian-kajian tersebut mengukur obligasi menggunakan proksi yang sama untuk mengukur obligasi iaitu bilangan aktiviti membiayai kempen lain di mana seorang

usahawan melabur pada kempen lain sebelum tamat tempoh kempen pendanaan awam miliknya. Hasil kajian Davies dan Giovannetti (2018) serta Zheng et al. (2014). mendapati bahawa kewajipan untuk usahawan lain mempunyai kesan positif ke atas prestasi kempen pendanaan awam. Begitu juga kajian Colombo et al. (2014) yang menekankan bahawa sikap timbal balik menggalakkan kadar kejayaan kempen pendanaan awam dengan menarik sumbangan pada awal tempoh berkempen.

Dengan menganalisis 321,389 kempen di Kickstarter, Buttice et al. (2017) juga mendapati modal sosial dalaman yang dibangunkan dalam platform iaitu obligasi, menjadikan kempen pendanaan awam lebih berjaya daripada kempen yang dilancarkan oleh pemilik kempen yang tidak pernah menyokong kempen-kempen lain. Walau bagaimanapun, Buttice et al. (2017) berpendapat modal sosial sebegini mempunyai jangka hayat yang terhad.

c. Dimensi Kognitif

Dimensi kognitif adalah sumber-sumber yang membolehkan individu di dalam rangkaian berkongsi pemahaman dan tafsiran yang sama bertujuan untuk mencapai matlamat dan keberhasilan yang ditetapkan (Nahapiet & Ghoshal 1998). Perkongsian tersebut membantu individu dan organisasi mentafsir persekitaran mereka dengan lebih konsisten dan menerangkan dengan ungkapan yang serupa bagi mendapatkan keuntungan dari modal sosial (Nahapiet & Ghoshal 1998; Zheng et al. 2014). Ini kerana kepelbagaian latar belakang individu seperti pendidikan, politik, atau budaya boleh menjejaskan keberkesanan komunikasi antara individu sekiranya tiada pemahaman yang sama mengenai sesuatu keadaan.

Nahapiet dan Ghoshal (1998) menjelaskan perkongsian makna dalam dua cara. Pertama, makna yang dikongsi berasal dari kewujudan perkongsian bahasa dan perbendaharaan kata (*shared language and vocabulary*) yang berguna untuk komunikasi. Kedua, perkongsian penceritaan (*shared narratives*) seperti mitos, cerita, dan metafora, yang bertujuan memupuk perkongsian pengetahuan. Maklumat yang diberikan adalah penting bagi menyampaikan isyarat kepada masyarakat bahawa projek yang dicadangkan adalah berkualiti dari segi keberhasilannya. Untuk memastikan

isyarat tersebut berjaya ditafsir oleh penerima, pelbagai kaedah digunakan seperti pernyataan maklumat lengkap, paparan gambar, video dan audio.

Berbeza dengan modal sosial struktur dan hubungan, perbincangan mengenai modal sosial kognitif dalam penyelidikan pendanaan awam adalah terhad. Zheng et al. (2014) memulakan kajian empirikal dengan melibatkan hubungan antara modal sosial kognitif dan prestasi pendanaan awam. Kajian tersebut menggunakan proksi bilangan perkataan pada teks kempen pendanaan awam bagi menerangkan modal sosial kognitif. Madrazo-lemarroy et al. (2019) juga mengkaji dimensi kognitif menggunakan proksi yang serupa. Kedua-dua hasil kajian ini mendapati terhadap hubungan langsung antara dimensi kognitif dan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan ganjaran.

Kepentingan modal sosial kognitif juga ditekankan dalam kajian Skirnevskiy et al. (2017) dengan menyatakan bilangan perkataan yang banyak dalam ruangan pengenalan kempen menggambarkan usaha yang ditunjukkan oleh pemilik kempen. Selain menunjukkan kesungguhan pemilik kempen, kajian lepas menjangkakan pendedahan maklumat yang lebih banyak akan memudahkan pentafsiran maklumat, seterusnya mengurangkan masalah maklumat tak simetri antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan.

Walau bagaimanapun, Moy et al. (2018) berbeza pandangan dengan Skirnevskiy et al. (2017) di mana maklumat yang terlalu banyak akan menyukarkan individu yang membacanya untuk memproses setiap maklumat tersebut di mana mereka mengalami kesukaran untuk membezakan antara maklumat yang relevan dan maklumat yang tidak diperlukan.

Kajian Bi et al. (2017) pula berpendapat bilangan perkataan pada halaman kempen bergantung kepada jenis kategori projek. Contohnya, bagi projek berkaitan teknologi, pemilik kempen akan memberikan maklumat yang lebih lengkap mengenai spesifikasi produk, warna yang boleh dipilih, cara penggunaan dan sebagainya. Manakala bagi projek-projek berbentuk hiburan seperti projek filem, pencipta perlu menggariskan plot utama filem dan memperkenalkan pengarah serta barisan pelakon.

Ringkasan kajian-kajian lepas mengenai modal sosial dan prestasi kempen pendanaan awam boleh dirujuk di Lampiran B.

2.5 KEMISKINAN

2.5.1 Teori Kemiskinan

Kemiskinan merupakan konsep yang luas. Bank Dunia (1990) merujuk kemiskinan sebagai suatu keadaan apabila individu tidak memperoleh keperluan asas yang secukupnya. Setiap penyelidik dalam kajian kemiskinan turut memiliki pandangan tersendiri dalam mendefinisikan kemiskinan. Menurut Lipton dan Ravallion (1995), kemiskinan merujuk kepada keadaan apabila individu tidak dapat mencapai tahap minimum dari segi sumber ekonomi sama ada secara mutlak atau mengikut piawai masyarakat. Oleh itu, kemiskinan boleh dirujuk secara relatif atau mutlak dan ia boleh dikaitkan kekurangan pendapatan atau kekurangan dalam mencapai sesuatu yang diperlukan. Kemiskinan atau lebih tepat disebut perangkap kemiskinan juga dikaitkan dengan kekurangan dan ketidakmampuan sebuah keluarga untuk memenuhi keperluan hidup (Sen 1997).

Menurut Jamil dan Mat (2014) pula, kemiskinan merupakan situasi serba kekurangan yang terjadi bukan atas kehendak dan kerelaan setiap isi rumah miskin. Isi rumah miskin boleh dikenalpasti berdasarkan kekurangan pendapatan untuk membeli keperluan asas, tingkat pendidikan yang rendah, tidak memiliki harta benda, tidak sihat tubuh badan, kekurangan makanan dan pakaian, tiada tempat tinggal yang selesa dan tiada pekerjaan yang dapat menjamin kelangsungan hidup. Kesemua keadaan ini akan menyebabkan isi rumah tiada daya upaya untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan jika tiada bantuan dan sokongan daripada pihak yang berkuasa. Tambah merumitkan lagi apabila kemiskinan digambarkan sebagai satu penunjuk negatif terhadap kesejahteraan hidup (Harrison et al. 2019).

Konsep awal kemiskinan terbahagi kepada dua pendekatan utama iaitu kemiskinan mutlak dan relatif (Unit Perancang Ekonomi 1990). Merujuk pada RMK5 (1990), konsep kemiskinan mutlak dijelaskan sebagai kekurangan pendapatan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan sara hidup yang paling minimum. Ukuran

kemiskinan mutlak yang kerap digunakan ialah kadar kemiskinan, iaitu peratusan penduduk atau isi rumah yang mempunyai taraf hidup yang lebih rendah daripada garis kemiskinan yang ditentukan. Pendapatan garis kemiskinan (PGK) ialah satu tingkat pendapatan sesebuah isi rumah untuk membolehkannya, secara purata, menikmati makanan berzat yang mencukupi, yang biasanya ditakrif mengikut kiraan kalori. Selain PGK, ukuran yang sering digunakan ialah insiden kemiskinan, iaitu peratusan isi rumah miskin dalam keseluruhan bilangan isi rumah yang terdapat di Malaysia (Jamil & Mat 2014).

Sementara itu, konsep kemiskinan relatif pula merujuk kepada hubungan status ekonomi individu dalam masyarakat dalam konteks agihan pendapatan. Seseorang ditakrifkan sebagai miskin sekiranya agihan pendapatan adalah rendah daripada standard kehidupan dalam konteks sosial tertentu (Kartini 2016). Agihan pendapatan dilakukan dengan membuat perbandingan tingkat kebajikan individu tersebut dengan tingkat kebajikan orang lain iaitu semakin tinggi ketidakseimbangan pendapatan, semakin serius masalah kemiskinan relatif walaupun kemiskinan mutlak telah ditangani sepenuhnya (Jamil & Mat 2014). Kemiskinan relatif ini akan sentiasa wujud dan tidak mungkin dapat dihapuskan selagi mana wujud ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan.

Walau bagaimanapun, kedua-dua konsep kemiskinan tersebut mempunyai beberapa batasan. Pengukuran yang digunakan lebih tertumpu kepada perolehan pendapatan dan kepenggunaan serta tiada maklumat mengenai sumber agihan antara isi rumah (Alkire & Foster 2009; Wagle 2005a). Beberapa kelemahan dalam penggunaan PGK dikenalpasti di mana ianya tidak mengambil kira sejauh mana sesebuah isi rumah itu berada di bawah garis kemiskinan dan tidak dapat menunjukkan kemiskinan yang keterlaluan bagi sebilangan isirumah. Garis ini juga tidak menitikberatkan masalah berhubung dengan agihan makanan dan kemudahan lain dalam sesebuah isi rumah seterusnya tidak dapat menggambarkan kebajikan atau taraf hidup yang sebenar bagi individu atau sesebuah isi rumah.

Justeru penggunaan kaedah penganggaran kemiskinan pelbagai dimensi (*multi dimensional poverty*) dicadangkan bagi mengenal pasti siapa yang termiskin dalam

kalangan yang miskin di mana setiap dimensi itu dilihat sebagai bebas dan tidak berhubung antara satu sama lain (Alkire 2007; Wagle 2005b, 2008a). Kaedah ini sangat bermanfaat kepada pembuat dasar kerana berupaya menunjukkan dimensi kemiskinan yang dialami di dalam sesuatu kawasan atau kumpulan tertentu yang dikaji, seterusnya menyesuaikan kemudahan atau insentif yang disediakan dengan kemiskinan tersebut.

Hal ini disokong oleh Mohamed Saladin et al. (2011) dengan mengatakan konsep yang hanya mengutamakan pendapatan semata-mata akan mengabaikan aspek-aspek kemiskinan penting yang lain seperti kemudahancaman (*vulnerability*) dan pengasingan sosial. Selain menggambarkan realiti sebenar kekurangan yang dihadapi oleh masyarakat kini, usaha perlu dilakukan supaya mengambilkira pelbagai faktor dan halangan bagi meningkatkan keupayaan kehidupan golongan miskin ke arah yang lebih baik. Oleh itu, kerangka kemiskinan yang lebih komprehensif dicadangkan dengan menggabungkan ekonomi, keupayaan dan sosial sebagai dimensi kemiskinan (Wagle 2008a).

a. Kemiskinan Ekonomi

Kemiskinan ekonomi adalah pendekatan tradisional dan paling biasa digunakan oleh ahli ekonomi untuk menjelaskan kemiskinan. Kemiskinan ekonomi bermaksud seseorang yang tidak mencapai tahap pendapatan tertentu akan tergolong dalam kemiskinan ekonomi. Ia menggunakan indikator berasaskan material seperti pendapatan, kekayaan, atau penggunaan. Pendapatan telah menjadi ukuran proksi yang banyak digunakan dengan anggapan bahawa ia bukan hanya untuk mengukur kemampuan dari segi kewangan tetapi juga mengambil kira penggunaan sebenar individu atau isi rumah (Wagle 2008a).

b. Kemiskinan Keupayaan

Kemiskinan melalui pendekatan keupayaan menekankan keperluan untuk melihat kemiskinan sebagai kekurangan keupayaan asas seseorang yang menentukan tahap kebebasan yang diperlukan untuk mencapai 'fungsi' yang berharga (Wagle 2008a). Begitu juga dengan Alkire & Foster (2009) yang mengakui keupayaan sebagai kebebasan untuk menjalani kehidupan seharian. Pendekatan keupayaan

mempertimbangkan kekuatan dalaman seseorang individu dan isi rumah di mana indikator yang digunakan adalah seperti status pendidikan, status kesihatan, diskriminasi jantina dalam isi rumah dan diskriminasi etnik di kawasan kejiranan (Wagle 2005a, 2008a). Sen (1993) menegaskan kemiskinan tidak ditentukan oleh kekurangan pendapatan wang, tetapi harus diukur menggunakan indikator ketidakbergantungan terhadap individu lain untuk merealisasikan sepenuhnya potensi mereka bagi menjalani kehidupan yang bermakna.

Robeyns (2005) menegaskan bahawa pendekatan keupayaan menekankan kemampuan yang ada pada seseorang untuk melakukan sesuatu dan mendatangkan hasil yang berkesan. Namun, kemampuan tersebut akan terhalang apabila seseorang individu dan/atau isi rumah mengalami kemiskinan keupayaan iaitu tahap kesihatan yang rendah, umur tua, ibu tunggal dan orang kurang upaya. Halangan-halangan ini akan membuatkan individu dan/atau isi rumah cenderung untuk tergolong dalam ‘isi rumah rentan’, iaitu seseorang mudah jatuh miskin atau kurang kemampuan secara tiba-tiba (Laily 2017).

c. Kemiskinan Sosial

Kemiskinan sosial bermaksud pemilik kempen menghadapi masalah dari status pekerjaan dan mengalami kekangan terhadap akses ke sumber-sumber kewangan. Kemiskinan sosial akan menyebabkan individu atau organisasi mengalami kekurangan struktur sokongan untuk mendapatkan peluang bagi meningkatkan produktiviti (Wagle 2005a, 2008a). Kekurangan tersebut berlaku disebabkan oleh faktor yang menghalang seseorang atau kumpulan (seperti tahap pendidikan atau halangan budaya), dan rintangan di luar keupayaan seseorang (seperti birokrasi atau peraturan-peraturan rasmi yang boleh menghalang mereka mengambil kesempatan daripada peluang yang wujud).

Manakala, menurut Laily (2017), kemiskinan sosial menggambarkan proses bagaimana seseorang individu atau sesebuah kumpulan/komuniti terpinggir daripada menyertai sepenuhnya aktiviti masyarakat di kawasan mereka tinggal. Pendekatan peminggiran sosial mengukur keadaan “tiada suara” (*voicelessness*) dan “tiada kuasa” (*powerlessness*) yang menyebabkan isi rumah seolah-olah tidak layak untuk mengurus

diri, tidak mendapat layanan yang adil, dan tidak mendapat sokongan untuk membangunkan inisiatif mereka sendiri.

2.5.2 Kajian Lepas mengenai Kemiskinan

Kemiskinan multidimensi dalam kalangan penduduk di Kathmandu, Nepal (Wagle 2005a) dan Amerika Syarikat (Wagle 2008b) telah dikaji dengan mengambil kira beberapa dimensi kemiskinan iaitu dari segi kesejahteraan ekonomi; keupayaan; dan sosial. Pertama, petunjuk kesejahteraan ekonomi adalah termasuk pendapatan, kekayaan, penggunaan dan pandangan subjektif lain mengenai kecukupan pendapatan untuk perbelanjaan makanan dan bukan makanan. Kedua, petunjuk keupayaan termasuk status pendidikan, status kesihatan, diskriminasi jantina dalam isi rumah dan diskriminasi etnik di kawasan kejiranan. Ketiga, petunjuk komponen sosial yang merangkumi faktor ekonomi, politik dan budaya. Ia termasuklah status pekerjaan, pekerjaan, industri pekerjaan, kasta dan diskriminasi etnik dalam kegiatan ekonomi dan akses ke sumber-sumber kewangan.

Kajian beliau mendapati dengan mengenal pasti dimensi dan tahap kemiskinan setiap penduduk, ia memberi manfaat kepada pembuat dasar bagi menumpukan kebajikan mengikut keperluan golongan tersebut dari segi kesejahteraan ekonomi, keupayaan dan komponen sosial. Hasil kajian beliau juga mendapati dimensi keupayaan adalah dimensi kemiskinan utama yang telah menyebabkan berlaku kemiskinan dalam kalangan penduduk Kathmandu. Seterusnya, Wagle (2005) menekankan bahawa golongan wanita adalah golongan sasaran yang perlu diberi perhatian terutamanya dari segi peluang pendidikan bagi memperbaiki masalah kemiskinan di kawasan tersebut. Beliau juga mencadangkan gaji pekerja perlu dinaikkan memandangkan kebanyakan penduduk Kathmandu bergantung kepada pendapatan tersebut untuk meneruskan kehidupan.

Penyelidikan mengenai kemiskinan multidimensi juga dikaji oleh Jamil (2020) menunjukkan kemiskinan dari segi pendapatan adalah penting dalam usaha mengurangkan kemiskinan multidimensi. Oleh itu, kajian tersebut meletakkan wajaran sebanyak dua kali ganda kepada dimensi tersebut dalam pengukuran indeks kemiskinan multidimensi. Dimensi pendapatan dipilih atas dasar bahawa kedua-dua dimensi ini

boleh berubah atau dikawal untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Misalnya dari aspek pendapatan, usaha-usaha atau bantuan daripada pihak kerajaan dan swasta berupaya meningkatkan pendapatan isi rumah. Manakala, dimensi kesihatan adalah dianggap takdir dan agak sukar untuk diselesaikan dan dielakkan.

2.6 MODAL SOSIAL DAN KEMISKINAN

Modal sosial adalah aset yang boleh dilaburkan oleh ahli komuniti dengan mengembangkan rangkaian sosial dan mengukuhkan norma-norma masyarakat atau membiarkan modal sosial habis dengan mengabaikannya (Harrison et al. 2019). Modal sosial memainkan peranan penting dalam kemampuan masyarakat menghadapi cabaran untuk hasil yang lebih baik dari segi kesejahteraan masyarakat (pengurangan kemiskinan) kerana ia berupaya menggerakkan aset yang berpotensi untuk meningkatkan stok sedia ada seperti modal fizikal, kewangan, dan semula jadi.

Banyak kajian ekonomi menemukan hubungan positif antara modal sosial dan petunjuk kesejahteraan (pengurangan kemiskinan). Kajian terdahulu mendapati masyarakat dengan tahap modal sosial yang lebih tinggi cenderung mempunyai kadar kemiskinan yang lebih rendah (Warren et al. 2001; Zhang et al. 2017). Situasi ini juga dapat dilihat dalam realiti kehidupan kini di mana golongan miskin bergantung terhadap rangkaian sosial mereka untuk memenuhi keperluan mereka. Hal ini disokong oleh Alex-Assensoh (2002) yang mendapati bahawa penglibatan sivik dari segi kehadiran mesyuarat komuniti adalah lebih tinggi di kawasan kemiskinan yang tinggi. .

Terdapat juga kajian yang meneroka kesan kesejahteraan iaitu kemiskinan terhadap pembentukan modal sosial. Namun kemiskinan iaitu salah satu petunjuk negatif kesejahteraan, didapati mempunyai kesan yang tidak konsisten terhadap pembentukan modal sosial. Kajian Harrison et al. (2019) meneroka hubungan antara modal sosial dan kemiskinan iaitu petunjuk negatif kesejahteraan di Amerika Syarikat Barat. Model ekonometrik yang merangkumi endogenitas kemiskinan dan modal sosial, ketergantungan spasial dan korelasi ralat persamaan silang digunakan untuk meneroka dua soalan: adakah kehadiran modal sosial berkaitan dengan pengurangan tahap kemiskinan dan adakah kemiskinan yang dialami memberi kesan kepada stok modal sosial? Hasil kajian Harrison et al. (2019) menemui bukti bahawa komuniti dengan

tahap modal sosial yang lebih tinggi cenderung mempunyai kadar kemiskinan yang lebih rendah dan kemiskinan yang dialami juga boleh menjadi penghalang kepada pembentukan modal sosial. Kajian tersebut juga mendapati jenis rangkaian yang ada untuk membentuk modal sosial adalah bergantung pada organisasi sosial yang dimiliki dan bentuk kemiskinan yang dihadapi seseorang.

Dalam satu kajian kes di dua kawasan kejiranan London yang miskin, Cattell (2001) mendapati bahawa rangkaian sosial membolehkan akses kepada sumber-sumber yang dikendalikan. Namun, tidak semua rangkaian yang dimiliki oleh orang miskin akan menghasilkan hasil yang sama. Walaupun orang miskin mengambil bahagian dalam jaringan sosial yang kuat, rangkaian tersebut mungkin kurang diinstitusikan dan mempunyai sedikit hubungan dengan mereka yang mempunyai sumber.

2.7 JURANG KAJIAN LEPAS

Memandangkan platform pendanaan awam semakin berkembang, kajian ini meneruskan usaha penyelidikan terdahulu dengan memberi tumpuan terhadap masalah maklumat tak simetri yang sering dihadapi oleh orang ramai apabila ingin membuat sumbangan di platform pendanaan awam. Berdasarkan kajian lepas, penyelidikan mendapati modal sosial banyak dibicarakan bagi mengatasi masalah tersebut. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut tertumpu kepada pendanaan awam berasaskan ganjaran (Agrawal et al. 2011; Cha 2017; Mollick 2014; Zheng et al. 2014), ekuiti (Vismara 2016) dan pinjaman (Greiner & Wang 2010). Berbanding pendanaan awam berasaskan derma, kajian mengenainya adalah terhad. Kempen-kempen dalam pendanaan awam berasaskan derma lebih berbentuk kebajikan dan bersifat kemanusiaan. Projek-projek sebegini secara signifikannya mudah mendapatkan pembiayaan dana disebabkan fokus pemilik kempen yang bukan bersifat keuntungan (Andy 2013; Pitschner & Pitschner-Finn 2014). Pemberi sumbangan menjadikan kepercayaan sebagai tunggak utama dalam model pendanaan awam berasaskan derma, di mana mereka sekadar ingin melihat sesuatu projek yang disokong direalisasikan dengan jayanya dan mendatangkan faedah kepada komuniti (Belleflamme et al. 2014). Justeru, keperluan penyelidikan mengenai kesan modal sosial pemilik kempen

pendanaan awam berasaskan derma adalah perlu bagi mengatasi masalah maklumat tak simetri supaya prestasi kempen akan lebih baik.

2.7.1 Jurang Kajian

Dalam konteks kajian pendanaan awam ini, rangka kerja yang ditawarkan oleh Nahapiet dan Ghoshal (1998) diaplikasikan dalam kajian ini disebabkan sifatnya yang komprehensif. Konsep modal sosial multidimensi sering digunakan untuk menjelaskan motivasi dan tingkah laku komuniti dalam talian (Chang & Hsu 2016; Chen et al. 2015; Nahapiet & Ghoshal 1998). Beberapa kajian terdahulu mengenai pendanaan awam juga telah menerapkan teori modal sosial multidimensi dalam kajian mengenai pendanaan awam seperti Zheng et al. (2014) dan Madrazo-lemarroy et al. (2019), namun kajian-kajian tersebut lebih tertumpu terhadap pendanaan awam berasaskan ganjaran di mana majoriti daripadanya melihat kesan modal sosial multidimensi ini dalam konteks pendanaan awam untuk projek-projek yang berbentuk keusahawanan. Masih kurang kajian yang menerapkan modal sosial multidimensi bagi mengukur prestasi pendanaan awam berasaskan derma dan tiada langsung kajian lepas yang melihat kesan modal sosial multidimensi ke atas prestasi pendanaan awam untuk tujuan pendidikan. Justeru, indikator modal sosial berasaskan teori modal sosial multidimensi lebih sesuai digunakan bagi memastikan pemahaman yang menyeluruh mengenai pengaruh modal sosial multidimensi terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Selain menilai modal sosial, kajian ini juga mengambil kira maklumat mengenai kemiskinan yang dialami oleh pemilik kempen dalam mengurangi masalah maklumat tak simetri dalam pendanaan awam. Kajian lepas menunjukkan penyelidikan berkaitan kemiskinan telah banyak dilakukan oleh penyelidik terdahulu sama ada dalam dan luar negara. Namun, kebanyakan kajian kemiskinan di Malaysia lebih menumpukan kepada isu dan pengukuran kemiskinan melalui bantuan zakat, wakaf dan mikro kredit (Mustaffa & Muda 2014; Saifoul Zamzuri Noor et al. 2013; Sanusi & Shafiai 2015; Shaikh et al. 2018). Walaupun isu mengenai peranan pendanaan awam dalam membasmi kemiskinan sering dibincangkan, namun kajian kemiskinan secara empirikal masih belum dilaksanakan. Oleh itu, kajian ini memenuhi jurang dengan mengenal pasti

ciri-ciri kemiskinan yang dialami oleh setiap pemilik kempen pendanaan awam bagi membincangkan isu kemiskinan dan prestasi pendanaan awam dalam satu kajian. Faktor kesesuaian data yang terdapat di platform Skolafund juga menyebabkan pendekatan Wagle (2008) wajar digunapakai dalam kajian ini. Oleh yang demikian, maklumat mengenai ciri-ciri kemiskinan setiap pemilik kempen dikategorikan mengikut pendekatan oleh Wagle (2005) iaitu dimensi ekonomi, keupayaan dan sosial. Selain menerangkan realiti kemiskinan yang dialami oleh pelajar IPT dengan lebih jelas, kajian ini bermanfaat kepada pembuat dasar, pihak pengurusan IPT serta masyarakat untuk menyesuaikan kemudahan atau insentif yang disediakan dengan kemiskinan tersebut.

Peranan modal sosial adalah penting bagi mengurangkan kemiskinan yang dialami. Walau bagaimanapun, kepelbagaian hasil kajian telah menyebabkan kajian ini mengambil kira faktor kemiskinan untuk dinilai bersama dengan modal sosial. Hal ini berikutan kemiskinan didapati menjadi faktor penghalang bagi individu miskin membina dan membentuk modal sosial mereka. Situasi yang sering berlaku di mana kadar kemiskinan yang lebih tinggi telah memaksa individu tersebut menghabiskan lebih banyak masa untuk bekerja dan sedikit masa untuk melabur dalam hubungan dan pembinaan rangkaian dalam organisasi sosial. Oleh itu, menjadi satu keperluan untuk meneroka pengaruh kemiskinan multidimensi dalam menyederhanakan kesan modal sosial multidimensi terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Jadual 2.4 menerangkan secara ringkas mengenai kajian lepas seperti yang telah dibincangkan di atas.

Jadual 2.4 Ringkasan Kajian Lepas

	Kajian Lepas	Kajian ini
Prestasi Kempen	Jenis Pendanaan Awam: ▪ Ganjaran (Agrawal et al. 2011; Cha 2017; Mollick 2014; Zheng et al. 2014) ▪ Ekuiti (Vismara 2016) ▪ Pinjaman (Greiner & Wang 2010)	Pendanaan awam berasaskan derma
Kepelbagaian Hasil Kajian untuk Modal Sosial	Penerapan modal sosial secara berasingan ▪ Dimensi Struktur: ○ Facebook (Kromidha & Robson 2016; Mollick 2014; Zheng et al. 2014; Kaminski et al. 2018; Madrazo-lemarroy 2019) ○ Twitter (Madrazo-lemarroy 2019; Borst et al. 2018) ○ Weibo (Zheng et al. 2014) ○ LinkedIn (Vismara 2016; Colombo et al. 2015) ▪ Dimensi Hubungan: Colombo et al. (2015); Davies & Giovannetti (2018); Zheng et al. (2014) ▪ Dimensi Kognitif: Zheng et al. (2014), Bi et al. (2017); Skirvneskiv et al. (2017); Madrazo-lemarroy et al. (2019)	Penerapan Teori Modal Sosial Multidimensi (Nahapiet & Ghoshal 1998)
Pengukuran kemiskinan	Tiada maklumat mengenai sumber agihan antara isi rumah (Alkire 2007)	Penerapan kemiskinan multidimensi: ekonomi, keupayaan dan sosial (Wagle 2008)
Modal Sosial dan Kemiskinan	Komuniti dengan tahap modal sosial yang lebih tinggi cenderung mempunyai kadar kemiskinan yang lebih rendah Warren et al. 2001; Zhang et al. 2017, Harrison et al. 2019)	Kemiskinan menjadi penghalang kepada pembentukan modal sosial (Harrison et al. 2019)

Sumber: Olahan Pengkaji (2021)

2.8 KERANGKA KONSEPTUAL

Dalam konteks pendanaan awam, prestasi kempen (pemboleh ubah bersandar) dinilai melalui jumlah dana yang berjaya dikumpulkan sama ada mencapai jumlah yang disasarkan atau pun tidak. Walau bagaimanapun, masih terdapat kempen yang gagal mendapatkan jumlah yang diinginkan. Hal ini berikutan situasi maklumat tak simetri yang

terjadi apabila maklumat yang dimiliki antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan adalah tidak selari.


Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan keperluan modal sosial bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi maklumat antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan bagi mengatasi masalah maklumat tak simetri antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan pendanaan awam (Calic & Mosakowski 2016; Liang et al. 2020; Vismara 2016). Bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti kerjasama antara semua pihak, modal sosial multi dimensi (pemboleh ubah tidak bersandar) oleh Nahapiet dan Ghoshal (1998) diaplikasikan dalam kajian ini untuk menentukan prestasi kempen pendanaan awam melalui dimensi struktur, hubungan dan kognitif.

Memandangkan kempen di platform pendanaan awam mengumpulkan sumbangan secara serentak untuk tujuan yang sama, situasi kritikal berlaku apabila bakal pemberi sumbangan mengalami masalah maklumat tak simetri untuk mengenal pasti individu yang benar-benar memerlukan pembiayaan supaya sumbangan tersebut dapat digunakan dengan lebih berkesan (Jamil & Mat 2014; Ziderman 2015). Justeru, keperluan tersebut dinilai melalui kemiskinan multidimensi oleh Wagle (2008) (pemboleh ubah tidak bersandar) yang dihadapi oleh pemilik kempen sama ada mengalami kemiskinan ekonomi, keupayaan atau sosial.

Dalam menilai kepentingan modal sosial sebagai penentu kejayaan kempen, kemiskinan juga dikenal pasti menjadi penghalang kepada pembentukan modal sosial (Harrison et al. 2019). Oleh itu, kajian ini menguji pengaruh kemiskinan multidimensi (pemboleh ubah penyederhana) untuk melihat kesannya dalam menyederhanakan kesan modal sosial pemilik kempen dalam menilai prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Bersesuaian dengan konteks kajian ini, kerangka konseptual seperti Rajah 2.3 dibangunkan. Kerangka tersebut diadaptasi daripada kajian oleh pengkaji lain yang mengukur pengaruh modal sosial terhadap platform pendanaan awam berasaskan ganjaran di Amerika dan China (Zheng et al. 2014) dan Mexico (Madrado-lemarroy et al. 2019). Kajian ini meneruskan usaha mereka dengan melanjutkan kajian tersebut dalam konteks pendidikan dan mengambil kira pengaruh modal sosial dan kemiskinan

multidimensi dalam usaha mengatasi masalah asimetri maklumat seterusnya meningkatkan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma.



Rajah 2.3 Kerangka Konseptual

2.9 KESIMPULAN

Bab ini telah menerangkan mengenai platform pendanaan awam merangkumi definisi, konsep, model asas dan jenis-jenis pendanaan awam. Penulisan bab ini telah mengupas dengan lebih lanjut teori-teori dan tinjauan kajian-kajian terdahulu untuk memberi gambaran dan maklumat mengenai kajian yang ingin dijalankan. Selanjutnya, jurang kajian lepas telah dibincangkan dan menjurus kepada pembentukan kerangka teoretikal. Bab berikutnya akan membincangkan mengenai metodologi kajian.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bahagian ini akan menghuraikan dan membincangkan kaedah penyelidikan yang akan dijalankan bagi mencapai setiap objektif yang telah digariskan. Ia meliputi kaedah kajian, analisis kajian, spesifikasi model kajian, pemboleh ubah yang digunakan dan pembentukan hipotesis serta sumber data yang diperolehi untuk tujuan analisis kajian ini. Bab ini akan diakhiri dengan rumusan bab.

3.2 KAEDAH DAN PENDEKATAN KAJIAN

Kajian ini menguji pengaruh modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi setiap pemilik kempen terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Kajian ini berbentuk kajian keratan rentas (*cross-sectional*). Mengikut Cooper dan Schindler (2006), kajian keratan rentas adalah berdasarkan pemerhatian dalam satu masa tertentu sahaja iaitu pada tarikh tamat kempen tersebut.

Kajian ini menjalankan penyelidikan secara kuantitatif di mana ia melibatkan penjelasan yang jitu dalam bentuk numerik. Selain itu, pendekatan deduktif digunakan dalam kajian ini. Ia bertujuan untuk menguji hubungan tertentu yang telah mempunyai teori (Gulati 2009). Wilson (2010) pula menjelaskan bahawa pendekatan deduktif ialah membangunkan hipotesis berdasarkan teori yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk suatu kajian penyelidikan untuk menguji hipotesis tersebut. Dalam erti kata lain, sekiranya pendekatan deduktif digunakan dalam kajian, satu set hipotesis perlu diuji untuk menentukan sama ada hipotesis tersebut betul atau salah. Ini menunjukkan pendekatan deduktif menggunakan satu teori yang khusus dan kemudiannya diuji untuk

mendapatkan dapatan kajian yang lebih umum. Dalam kajian ini, pemerhatian dilakukan terhadap teori-teori dalam kajian-kajian lepas yang secara umumnya telah digunakan dalam kes-kes lain dan khususnya dalam pendanaan awam sendiri. Seterusnya ia telah mendorong penyelidik menguji set hipotesis dengan menerapkan teori modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi bagi menentukan pengaruhnya terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

3.3 ANALISIS KAJIAN

3.3.1 Analisis Deskriptif


Analisis deskriptif dilakukan untuk mengenal pasti data yang ekstrem, menyemak kemungkinan terdapat kesilapan pada data kajian dan memastikan kenormalan data. Analisis dilakukan ke atas profil pemilik kempen termasuk jantina, umur, jenis IPT, tahap pendidikan dan bidang pengajian. Selain itu, analisis deskriptif juga dilakukan pada semua pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini. Ia terdiri daripada pemboleh ubah bersandar iaitu prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma dan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi. Manakala pemboleh ubah kawalan adalah terdiri daripada jumlah dana yang disasarkan dan jantina.

3.3.2 Analisis Regresi Logit

Kajian ini meneliti bagaimana setiap pemboleh ubah tidak bersandar iaitu modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan dengan mengaplikasi model regresi logistik. Hal ini berikutan pemboleh ubah bersandar yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk dikotomi (nilai pemboleh ubah bersandar sama ada 0 atau 1). Nilai 0 bermaksud kempen pendanaan awam gagal mencapai jumlah dana yang disasarkan, manakala nilai 1 menunjukkan kempen telah berjaya memenuhi jumlah yang diperlukan. Oleh itu, model ini sesuai dianggarkan dengan menggunakan model logit binomial (Gujarati & Porter 2009). Polisi 'pembiayaan semua atau tiada langsung' (*all or nothing*) iaitu hanya kempen yang berjaya mencapai sasaran dana akan berjaya

memperolehi dana tersebut, yang dijamin oleh platform Skolafund adalah bersesuaian dan memenuhi syarat penggunaan model logit binomial. Kajian-kajian terdahulu juga menggunakan model tersebut bagi menganalisis data kajian mereka (Colombo et al. 2014; Davies & Giovannetti 2018; Skirnevskiy et al. 2017). Justeru, kajian ini tidak mempertimbangkan penggunaan kaedah analisis yang lain.

Bentuk taburan kebarangkalian bagi model logit ditunjukkan seperti Rajah 3.1 di mana nilai pemboleh ubah bebas yang rendah akan menyebabkan nilai pemboleh ubah bersandar mendekati 0. Manakala, peningkatan nilai pemboleh ubah bebas pula akan menyebabkan nilai pemboleh ubah bersandar meningkat mengikut keluk S. Hal ini akan menyebabkan nilai kebarangkalian berada dalam had 0 hingga 1 (Menard 2002).



Rajah 3.1 Taburan kebarangkalian bagi model logit

Sumber: Menard (2002)

Kajian ini menggunakan regresi logistik disebabkan beberapa perkara. Pertama, persamaan yang diperolehi dari proses regresi logistik dapat digunakan untuk menganggar peluang pemilik kempen sama ada berjaya atau gagal mencapai sasaran dana. Ciri-ciri modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi adalah pemboleh ubah tidak bersandar yang dimasukkan ke dalam persamaan yang dapat menentukan kemungkinan pemilik kempen berjaya memperolehi dana yang disasarkan atau tidak (nilainya antara 0 hingga 1).

Tujuan kedua adalah untuk melihat ciri-ciri yang membezakan antara dua kumpulan tersebut (berjaya atau gagal). Tujuan untuk melihat ciri ini biasanya untuk

membincangkan nilai nisbah kemungkinan dalam setiap pemboleh ubah bebas (nilai nisbah *odds*). Penjelasan mengenai nisbah kemungkinan berbeza dengan pekali regresi secara umum. Sekiranya pekali regresi menjelaskan: "jika pemboleh ubah X meningkat sebanyak 1 unit, maka nilai Y akan meningkat dengan nilai pekali unit". Manakala nisbah *odds* dalam regresi logistik menjelaskan: "responden yang mempunyai pemboleh ubah X lebih tinggi, akan berpeluang untuk berjaya berbanding responden yang mempunyai pemboleh ubah X yang lebih rendah ”.

Tujuan ketiga pula adalah pengembangan dari objektif kedua. Dengan menggunakan analisis regresi logistik, kajian ini dapat menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi mengapa terdapat perbezaan antara kedua-dua kumpulan. Tujuan mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi ini diharapkan dapat menjadi faktor yang boleh diatur oleh pemilik kempen, pengendali platform atau pembuat dasar sehingga dapat mendorong pemilik kempen lain untuk melakukan tindakan yang sama supaya memperoleh kejayaan seperti pemilik kempen yang dinilai dengan 1 (berjaya) sebelum ini. Bagi menguji kualiti, ujian kesepadanan model dan parameternya dijalankan.

a. Penganggaran Model: Maximum Likelihood Estimation (MLE)

Dalam model logit, parameter β_0 dianggarkan menggunakan kaedah penganggar kebolehjadian (*likelihood*) maksimum di mana fungsi kebolehjadian adalah berada pada nilai maksimum. dan bukannya oleh kuasa dua terkecil. Sebelum anggaran parameter dibuat, model logit mestilah memenuhi semua andaian berikut (Mehmetoglu & Jakobsen 2017):

- Tiada hubungan linear antara pemboleh ubah bersandar dan bebas.
- Pemboleh ubah bersandar mestilah berbentuk dikotomi (contohnya: berjaya atau tidak berjaya)
- Pemboleh ubah bebas mestilah berasingan (eksklusif) dari satu sama lain.
- Tidak wujud multikolineariti di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas.

b. Kesan Marginal

Kesan marginal diukur bagi melihat bagaimana kebarangkalian yang diramalkan berubah apabila pemboleh ubah bebas berubah daripada 0 hingga 1. Ia mengambil kira nilai fungsi taburan kebarangkalian logistik yang sepadan dengan logit yang diramalkan untuk nilai-nilai tertentu dan didarabkan dengan anggaran pekali untuk x_l pada $P(y=1)$ (Mood 2010) seperti persamaan (3.9):

$$\beta_{x1}f(\beta\bar{x}) \quad \dots(3.9)$$

Di mana $\beta\bar{x}$ adalah nilai logit apabila semua pemboleh ubah x mempunyai nilai purata. Selain itu, kesan marginal purata (*average marginal effect*) pada logit dinilai dengan purata $P(y=1)$, iaitu diterangkan pada persamaan (4.0):

$$\frac{1}{n} \sum_{i=1}^n \beta_{x1}f(\beta_{x1}) \quad \dots(4.0)$$

c. Ujian Nisbah Kebolehjadian (*Likelihood Ratio Test*)

Dalam kajian ini, ujian nisbah kebolehjadian digunakan untuk menguji koefiyan berbilang (*multiple coefficients*) seperti yang dinyatakan oleh Long dan Freese (2006). Ujian ini digunakan untuk menguji hipotesis nol di mana semua pemboleh ubah tidak bersandar adalah sifar. Ujian ini memadankan model ini dengan cara tidak memasukkan pemboleh ubah tidak bersandar (hanya menguji pintasan) dan menjalankan ujian nisbah kebolehjadian. Jika LR chi-ganda dua model logit penuh adalah sama dengan LR-chi ganda dua model logit pintasan, maka hipotesis nol kesemua koefisien kecuali pintasan adalah sifar (Long & Freese 2006).

d. Ujian *Goodness of Fit*

Ujian *Goodness of Fit* adalah langkah awal untuk memastikan data yang digunakan adalah sepadan dengan model kajian (Gujarati & Porter 2009; Long & Freese 2006; Menard 2002). Untuk tujuan tersebut, beberapa kaedah digunakan:

i. Pseudo R²

Nilai Pseudo R² menunjukkan variasi di dalam pemboleh ubah bersandar yang dijelaskan oleh pemboleh ubah bebas yang terdapat dalam model tersebut secara bersama (Gujarati & Porter 2009).

ii. Hosmer-Lemeshow

Ujian kelayakan model regresi logistik dapat dilakukan dengan menggunakan ujian ketepatan antara model regresi logistik ramalan dengan data hasil pemerhatian. Ujian ini diperlukan untuk memastikan tiada kelemahan atas kesimpulan dari model yang diperoleh. Model regresi logistik yang baik adalah apabila tiada perbezaan antara data hasil pemerhatian dengan data yang diperoleh dari hasil ramalan. Pengukuran Hosmer-Lemeshow dicadangkan untuk menguji kepadanan sesuatu model dengan menyelesaikan corak *covariate* yang terlalu banyak. Data dibahagikan kepada sepuluh sel (*cells*) dengan menyusunnya mengikut jangkaan kebarangkalian dan memecahkan ia ke dalam desil (*decile*). Kumpulan (10) pilihan ini adalah disyorkan jika bilangan pola *covariate* adalah berhampiran dengan bilangan cerapan (Hosmer Jr, D. W., Lemeshow, S., & Sturdivant 2013).

iii. Ujian Pengelasan

Bagi menjelaskan ketepatan model regresi logistik, jadual kepadanan pengelasan ditunjukkan sebagai pengesahan di mana tidak terdapat perbezaan yang ketara antara data pemerhatian dengan data jangkaan. Kepekaan (*sensitivity*) menunjukkan peratusan kes dengan $Y=1$ di mana ia mengukur perkadaran peristiwa yang diklasifikasi dengan betul (dalam kes kajian ini kempen berjaya). Manakala, kekhususan (*specificity*) pula menunjukkan peratusan dengan $Y=0$ di mana ia mengukur nisbah peristiwa tidak diklasifikasikan dengan betul (Sarkisian n.d.).

iv. Ujian ROC

Seterusnya, hubungan antara kepekaan dan kekhususan di dalam pengelasan binari (*binary classifier*) diuji. Analisis ROC dijalankan bagi menguji kepadanan model di

mana kawasan di bawah keluk ROC menunjukkan jika satu subjek positif dan satu subjek negatif dipilih secara rawak, subjek positif mempunyai kebarangkalian dijangka lebih tinggi berbanding negatif.

e. **Ujian Diagnostik**

Ujian diagnostik bertujuan untuk menguji taburan satu pemboleh ubah terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak bersandar. Perubahan terhadap model boleh dilakukan jika terdapat beberapa sisihan yang ketara daripada normal (Sarkisian). Terdapat beberapa kaedah untuk tujuan diagnostik iaitu:

i. **Multikolineariti**

Bagi menguji kewujudan masalah multikollineariti, ujian *variance inflation factor* (VIF) dilakukan. Multikolineariti adalah hubungan linear yang sempurna (*perfect*) dalam kalangan sebahagian atau semua pemboleh ubah bebas dalam sesuatu model regresi (Gujarati & Porter 2009). Jika terdapat multikolineariti yang sempurna, nilai penganggar kepada β tidak dapat ditentukan dan nilai ralat piawainya menjadi infiniti. Jika multikolineariti tidak sempurna, nilai penganggar boleh didapati tetapi nilai ralat piawainya terlalu besar menyebabkan penganggaran dengan ketepatan yang tinggi sukar dilakukan. Kedua-dua keadaan ini akan menyebabkan keputusan yang salah dalam pengujian hipotesis.

ii. **Andaian kelinearan (*Assumption of linearity*)**

Di dalam regresi logit, hubungan pemboleh ubah adalah tidak linear tetapi ia perlu linear dari segi log *odds* (Sarkisian n.d.). Justeru andaian kelinearan dilakukan untuk menilai sama ada log *odds* terhadap sesuatu hasil adalah berhubungan secara linear dengan *covariates* (Khan 2010).

iii. **Pencilan (*Outliers*) dan Pengaruh Titik Data**

Untuk memastikan kesepadanan model regresi, *scatterplot* digunakan untuk mengenal pasti pencilan (*outliers*) iaitu faktor-faktor luar yang menyebabkan berlakunya

kepadanan yang kurang baik seperti nilai reja yang besar dan sangat berbeza dari data yang lain atau yang tidak dijelaskan dengan baik oleh sesuatu model. Apabila sesuatu cerapan mempunyai kesan yang besar terhadap parameter-parameter yang dianggarkan, ia akan menjejaskan kesesuaian data dengan model (Long & Freese 2006). Pengujian ralat dalam sampel (*residual*) menunjukkan sejauh mana hasil bagi setiap cerapan sampel sesuai dengan model yang dianggarkan.

3.4 PEMBENTUKAN MODEL KAJIAN

3.4.1 Spesifikasi Model Kajian

Bagi memenuhi setiap objektif kajian ini, tiga model regresi logit dibangunkan iaitu Model 1, Model 2 dan Model 3. Model-model ini diukur secara berasingan bagi melihat sama ada kekosistenan setiap hubungan apabila model tersebut diuji dengan pemboleh ubah lain sebagaimana yang dilakukan dalam kajian Jiang et al. (2021).

a. Model 1 (Model asas kajian: Modal sosial multidimensi)

Kajian akan menganalisis modal sosial multidimensi terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan dengan mengadaptasikan model daripada kajian oleh Zheng et al. (2014) dan Madrazo-lemarroy et al. (2019).

Model kajian dianggarkan seperti berikut:

$$y_i = \beta_0 + \beta_1 \text{RANGKAIAN}_i + \beta_2 \text{OBLIGASI}_i + \beta_3 \text{PERKATAAN}_i + \beta_4 \text{lnSASARAN}_i + \beta_5 \text{JANTINA}_i + \dots (3.1)$$

di mana, $y_i = \begin{cases} 1 = \text{berjaya} \\ 0 = \text{tidak berjaya} \end{cases}$

b. Model 2 (Pemboleh ubah kemiskinan multidimensi dimasukkan ke dalam model asas kajian)

Kajian juga akan menganalisis pengaruh kemiskinan multidimensi terhadap prestasi pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Dimensi kemiskinan

dinilai menggunakan pengukuran dari kajian Wagle (2008a) iaitu dimensi kemiskinan ekonomi, keupayaan dan sosial.

Model kajian untuk pengukuran dimensi kemiskinan dianggarkan seperti di bawah:

$$y_i = \beta_0 + \beta_1 \text{RANGKAIAN}_i + \beta_2 \text{OBLIGASI}_i + \beta_3 \text{PERKATAAN}_i + \beta_4 \text{MISKIN_EKONOMI}_i + \beta_5 \text{MISKIN_UPAYA}_i + \beta_6 \text{MISKIN_SOSIAL}_i + \beta_7 \ln \text{SASARAN}_i + \beta_8 \text{JANTINA}_i \quad \dots(3.2)$$

di mana, $y_i = \begin{cases} 1 = \text{berjaya} \\ 0 = \text{tidak berjaya} \end{cases}$

c. Model 3 (Interaksi antara modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi)

Kajian ini seterusnya menjalankan analisis bagi mengkaji terma interaksi antara modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi pemilik kempen. Ia bertujuan untuk mengkaji sama ada kemiskinan multidimensi mempengaruhi kesan modal sosial multidimensi atau sebaliknya terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Model kajian untuk melihat interaksi di antara kemiskinan multidimensi dan modal sosial dimensi adalah seperti berikut:

$$y_i = \beta_0 + \beta_1 \text{RANGKAIAN}_i + \beta_2 \text{OBLIGASI}_i + \beta_3 \text{PERKATAAN}_i + \beta_4 \text{MISKIN_EKONOMI}_i + \beta_5 \text{MISKIN_UPAYA}_i + \beta_6 \text{MISKIN_SOSIAL}_i + \beta_7 \ln \text{SASARAN}_i + \beta_8 \text{JANTINA}_i + \beta_9 \text{MODAL_SOSIAL}_i * \text{MISKIN}_i \quad \dots(3.3)$$

di mana, $y_i = \begin{cases} 1 = \text{berjaya} \\ 0 = \text{tidak berjaya} \end{cases}$

3.4.2 Definisi dan Pengukuran Pemboleh ubah

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi terhadap prestasi kempen pembiayaan pendidikan di platform pendanaan awam berasaskan derma. Pengukuran pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi berdasarkan kajian-kajian terdahulu (X. Li et al. 2016; Madrazo-lemarroy et al. 2019; Zheng et al. 2014). Pemboleh ubah modal sosial dibahagikan kepada tiga bahagian mengikut kajian Zheng et al. (2014) iaitu dimensi struktur (rangkaian), dimensi hubungan (obligasi) dan dimensi kognitif (perkataan). Manakala, pemboleh ubah kemiskinan multidimensi dibentuk berdasarkan kepada kajian (Wagle 2005a) dengan mengukur kemiskinan dari segi ekonomi, keupayaan dan sosial. Kajian ini juga mempertimbangkan beberapa pemboleh ubah kawalan, iaitu jantina pemilik kempen dan jumlah sasaran dana yang ditetapkan oleh pemilik kempen.

Kajian ini banyak menggunakan pemboleh ubah dami dalam menganalisis data, sebagaimana yang dilakukan oleh kajian-kajian terdahulu. Sebagai contoh, kajian Vismara (2019) yang mempunyai lima pemboleh ubah dami. Kajian ini juga merujuk kepada satu kajian di luar konteks kajian ini tetapi masih relevan digunakan sebagai rujukan untuk mencari jawapan kepada isu ini iaitu kajian oleh Suhaili (2012) di mana pemboleh ubah dalam kajian tersebut semuanya berbentuk dami kecuali satu pemboleh ubah sahaja yang bukan dami. Ringkasan senarai pemboleh ubah dan deskripsinya disediakan pada Jadual 3.1.

a. Pemboleh ubah Bersandar

Peratusan kejayaan kempen pendanaan awam (PRESTASI)

Kejayaan kempen merujuk sama ada kempen berjaya memperolehi jumlah dana yang mencukupi atau melebihi jumlah dana yang disasarkan. Justeru, pengukuran prestasi dalam kajian ini diukur menggunakan jumlah sebenar dana yang berjaya dikumpul dan dibandingkan dengan jumlah dana yang disasarkan bagi mengetahui sama ada kempen ini berjaya atau tidak. Pengukuran seperti ini juga telah digunakan oleh kajian-kajian lepas (lihat Colombo et al. 2014; Davies & Giovannetti 2018; Skirnevskiy et al. 2017). Secara keseluruhannya, pemboleh ubah dami yang berbentuk dikotomi digunakan iaitu

kempen yang berjaya dikodkan 1 sekiranya jumlah sumbangan yang diterima meliputi 100% (atau lebih) daripada jumlah sasaran kempen tersebut. Sebaliknya, kempen yang menerima kurang dari 100% daripada jumlah sasaran dianggap tidak berjaya dan dikodkan 0.

b. Pemboleh ubah Tidak Bersandar dan Pemboleh ubah Penyederhana

Modal Sosial Struktur (RANGKAIAN)

Pelajar selaku pemilik kempen mempunyai ahli keluarga, rakan-rakan atau pun kenalan di sekeliling mereka. Hubungan ini digambarkan sebagai ‘rangkaian sosial’ yang boleh berbentuk formal atau tidak formal. Dalam konteks modal sosial multidimensi, ia diklasifikasikan sebagai dimensi modal sosial struktur. Rangkaian sosial ini adalah salah satu pemboleh ubah yang penting kerana ahli keluarga, rakan-rakan atau pun kenalan mereka ini boleh menjadi penyumbang dana apabila mereka diberikan maklumat tentang kempen tersebut bagi mengatasi masalah yang timbul akibat maklumat tak simetri.

Dalam konteks pendanaan awam, rangkaian sosial ini boleh ditingkatkan dengan meletakkan pautan kempen pelajar di Skolafund ke beberapa platform media sosial seperti Facebook, Twitter, Telegram, Weibo dan WhatsApp (Cha 2017; Kaminski et al. 2018; Mollick 2014; Shahab et al. 2019; Skirnevskiy et al. 2017). Apabila ia dipautkan ke platform modal sosial lain, maklumat tentang kempen dan pemilik kempen akan sampai kepada bakal penyumbang dana yang berada dalam rangkaian sosial pemilik kempen ini. Oleh itu, kajian ini akan menilai modal sosial struktur dengan mengukur jumlah perkongsian di Facebook yang dipautkan dari kempen di Skolafund (Allison et al. 2017; Madrazo-lemarroy et al. 2019).

Modal Sosial Hubungan (OBLIGASI)

Dalam platform pendanaan awam yang sama ada beberapa kempen yang lain. Ada di antara pemilik-pemilik kempen ini saling memberikan sumbangan kepada kempen lain ini. Tindakan ini dinamakan sebagai ‘sikap timbal balik’ (Nahapiet & Ghoshal 1998). Ia mewujudkan obligasi antara individu untuk melaksanakan tindakan yang sama di

masa hadapan sebagai tindak balas kepada individu lain (Nahapiet & Ghoshal 1998). Dengan kata lain, apabila pemilik kempen A memberikan juga sumbangan kepada pemilik kempen B, maka tindakan pemilik kempen A tadi menyebabkan pemilik kempen B merasakan yang dia juga seharusnya memberikan sumbangan kepada pemilik kempen A. Sikap timbal balik ini merujuk kepada dimensi modal sosial hubungan. Apabila modal sosial hubungan dipraktiskan, ia mampu meningkatkan tahap kepercayaan dan reputasi dalam kalangan pemberi sumbangan yang mengalami masalah maklumat tak simetri. Justeru, bilangan membiayai kempen lain dijadikan proksi bagi menilai modal sosial hubungan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan (Colombo et al. 2014; Davies & Giovannetti 2018; Zheng et al. 2014). Untuk melihat sama ada tindakan pemilik kempen yang memberikan sokongan dalam bentuk sumbangan kepada kempen lain akan memberikan kesan positif atau sebaliknya kepada kempen miliknya pula, maka dalam analisis ini, pemilik kempen yang pernah menaja kempen lain dikodkan dengan nilai 1. Manakala pemilik kempen yang tidak pernah menaja kempen lain dikodkan dengan nilai 0.

Modal Sosial Kognitif (PERKATAAN)

Sesetengah kempen pendanaan awam memberikan maklumat dalam bentuk teks. Teks tersebut akan menjelaskan motivasi di sebalik kempen yang dilancarkan di platform Skolafund. Penerangan dalam bentuk teks ini penting kerana penerangan yang baik akan mengurangkan ketidakpastian tentang kempen tersebut yang disebabkan oleh masalah maklumat tak simetri (Courtney et al., 2016; Mollick, 2014). Atas sebab ini, maka teks dipilih untuk mewakili dimensi modal sosial kognitif. Maklumat yang terdapat pada ruangan tersebut menerangkan faktor yang mendorong mereka untuk memohon pembiayaan melalui pendanaan awam di mana ia dianggap relevan dalam pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan iaitu bermotifkan bukan keuntungan (Skirnevskiy et al. 2017; Zheng et al. 2014). Oleh itu, modal sosial kognitif dalam kajian ini adalah jumlah perkataan yang digunakan dalam ruangan '*Why are you fundraising your scholarship?*' di platform Skolafund.

Kemiskinan Ekonomi (MISKIN_EKONOMI)

Pemilik kempen dan/atau isi rumah dikategorikan sebagai miskin ekonomi jika mengalami kekurangan dari segi pendapatan (Wagle 2008a). Kajian ini merujuk isi rumah B40 bagi mengkategorikan pemilik kempen sebagai miskin dari sudut ekonomi apabila isi rumah berpendapatan di bawah RM4,360 (Unit Perancang Ekonomi 2015). Dalam kajian ini, pemilik kempen dan/atau isi rumah adalah tergolong dalam kemiskinan ekonomi sekiranya pendapatan bulanan mereka berjumlah kurang atau sama dengan RM4,360. Justeru, kempen akan dikod 1 jika pemilik kempen tergolong dalam kemiskinan ekonomi, dan 0 jika pemilik kempen tidak menghadapi kemiskinan ekonomi.

Kemiskinan Keupayaan (MISKIN_UPAYA)

Pemilik kempen dianggap ada kemiskinan keupayaan apabila pemilik kempen dan/atau isi rumahnya mempunyai ibu atau bapa tunggal dan/atau berusia dan uzur dan/atau menghadapi masalah kesihatan dan/atau mengalami kecacatan fizikal. Ciri-ciri kemiskinan keupayaan ini adalah ciri-ciri yang digunakan dalam Wagle (2008a). Dalam kajian ini, pemilik kempen yang menghadapi kemiskinan keupayaan akan dikod 1, manakala pemilik kempen yang tidak menghadapi kemiskinan keupayaan akan dikod 0.

Kemiskinan Sosial (MISKIN_SOSIAL)

Pemilik kempen dikategorikan sebagai miskin sosial berdasarkan kepada status pekerjaannya. Jika ibu dan/atau bapa pelajar bekerja dalam kategori pekerjaan bukan profesional seperti tukang cuci di pejabat, maka kempen pelajar ini dianggap miskin sosial dan begitulah sebaliknya. Oleh kerana pelajar ini mengalami kemiskinan sosial yang disebabkan oleh status pekerjaan mereka, secara tidak langsung ia turut menyebabkan mereka sukar mendapatkan akses kepada sumber-sumber kewangan (Wagle 2008a). Oleh itu, kempen akan dikod 1 jika pemilik kempen mengalami kemiskinan sosial dan 0 jika sebaliknya.

c. Pemboleh ubah Kawalan

Kajian ini juga memasukkan pemboleh ubah tambahan iaitu sasaran dana dan jantina sebagai pemboleh ubah kawalan. Hal ini kerana prestasi kempen mungkin dipengaruhi oleh sasaran dana yang ditetapkan oleh pemilik kempen (Hong & Ryu 2019). Begitu juga dengan pemboleh ubah jantina yang mana individu lebih memberi perhatian kepada golongan wanita berbanding lelaki ketika mendapatkan maklumat di laman rangkaian sosial (Seidman & Miller 2013).

Sasaran dana (LnSASARAN): Jumlah dana yang disasarkan bagi memenuhi pembiayaan pendidikan yang diperlukan (Ln) (Mollick 2014; Skirnevskiy et al. 2017; Zheng et al. 2014).

Jantina (JANTINA): Jantina pemilik kempen, dikod 1 jika pemilik kempen adalah lelaki dan 0 jika perempuan (Mohammadi & Shafi 2018).

Jadual 3.1 Ringkasan Deskripsi dan Pengukuran Pemboleh ubah

Pemboleh ubah	Pengukuran
<i>Pemboleh ubah Bersandar:</i>	
PRESTASI	1 jika kempen berjaya, 0 jika sebaliknya (Pemboleh ubah dami)
<i>Pemboleh ubah Tidak Bersandar dan Pemboleh ubah Penyederhana</i>	
RANGKAIAN	Bilangan perkongsian di Facebook (Pemboleh ubah selangar)
OBLIGASI	Nilai 1 bagi pemilik kempen yang pernah menaja kempen lain, dan 0 tidak pernah (Pemboleh ubah dami)
PERKATAAN	Bilangan perkataan pada teks kempen (Pemboleh ubah selangar)
MISKIN_EKONOMI	Nilai 1 sekiranya pemilik kempen dan/atau isi rumah mengalami kekurangan dari segi pendapatan dan jika dinyatakan jumlah tersebut kurang daripada RM4,360, dan 0 sebaliknya (Pemboleh ubah dami)
MISKIN_UPAYA	Nilai 1 sekiranya pemilik kempen dan/atau isi rumah mempunyai ibu atau bapa tunggal, berusia dan uzur, menghadapi masalah kesihatan dan/atau mengalami kecacatan fizikal, dan 0 sebaliknya (Pemboleh ubah dami)

Bersambung...

...sambungan

MISKIN_SOSIAL Nilai 1 sekiranya pemilik kempen dan/atau isi rumah menghadapi masalah dari status pekerjaan dan mengalami kekangan terhadap akses ke sumber-sumber kewangan, dan 0 sebaliknya (Pemboleh ubah dami)

Pemboleh ubah kawalan:

SASARAN Jumlah dana yang disasarkan bagi memenuhi pembiayaan pendidikan yang diperlukan (L_n) (Pemboleh ubah selanjar)

JANTINA Jantina pemilik kempen di mana nilai 1 untuk lelaki dan 0 untuk perempuan (Pemboleh ubah dami)

3.4.3 Pembentukan Hipotesis

Berdasarkan kerangka teoretikal (Rajah 2.3) di Bab II, pembentukan hipotesis kajian ini menerangkan hubungan antara modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Oleh yang demikian, beberapa hipotesis dikemukakan dalam kajian ini.

a. Modal Sosial Struktur: Rangkaian Sosial

Memandangkan aplikasi pendanaan awam adalah berorientasikan komuniti dalam talian, Internet adalah medium utama untuk mendapatkan sokongan kewangan dari orang awam (Belleflamme et al. 2014; Mollick 2014). Untuk menarik sokongan yang mencukupi, pemilik kempen sering berkongsi kempen mereka di pelbagai saluran media sosial. Tambahan pula, kebanyakan platform pendanaan awam juga menggalakkan pemindahan pengetahuan di luar platform dengan menyediakan pautan perkongsian ke media sosial pihak ketiga seperti Facebook dan Twitter (Agrawal et al. 2014; Lehner 2014; Mollick 2014; Zheng et al. 2014). Andaian asas adalah bahawa perkongsian ke media sosial menggalakkan penyebaran maklumat mengenai kempen, kemudiannya membina hubungan baru dengan orang ramai yang berpotensi untuk memberi sumbangan terhadap kempen tersebut melalui pendanaan awam.

Dalam kajian lepas berkaitan pendanaan awam, kajian oleh Paulus dan Roberts (2017) mendapati jumlah dana akan meningkat 10 kali ganda apabila menghubungkan kempen ke Facebook. Reaksi dan penglibatan individu yang aktif di Facebook dapat diukur secara langsung melalui jumlah suka, komen, dan perkongsian (Cho et al. 2014). Aktiviti tersebut menjadi isyarat yang memberitahu bakal pemberi sumbangan mengenai kualiti projek dan mempengaruhi individu dalam pembuatan keputusan. Oleh itu, kajian ini akan melihat pengaruh modal sosial struktur melalui hubungan rangkaian dengan mengukur bilangan perkongsian (*share*) kepada penggunaan media sosial pihak ketiga iaitu Facebook:

H1a: Modal sosial struktur adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

b. Modal Sosial Hubungan: Obligasi

Modal sosial dimensi hubungan dapat dilihat sebagai kekuatan atau kualiti hubungan dan dinilai menggunakan kepercayaan, norma, kewajipan dan identifikasi (Nahapiet & Ghoshal 1998). Dalam konteks pendanaan awam, norma sosial dibangunkan melalui sikap timbal balik yang wujud hasil kepercayaan yang terbina dalam hubungan sosial. Sikap timbal balik dalam pendanaan awam adalah balasan terhadap bantuan sebelumnya yang diterima oleh kempen lain yang mewujudkan obligasi untuk kembali membantu dengan melabur kepada kempen-kempen lain di dalam platform pendanaan awam yang sama.

Melalui sikap timbal balik, pemilik kempen dapat membentuk, meningkatkan dan mengekalkan modal sosialnya dengan dua cara. Pertama, menaja kempen lain dapat menjalin hubungan yang kuat dengan pemilik kempen lain. Kedua, menaja kempen lain dapat mengembangkan reputasi pemilik kempen tersebut di jaringan sosial, seterusnya meningkatkan kepercayaan orang lain tentang keberhasilan projek. Secara tidak langsung usaha tersebut menarik orang ramai untuk memberi sumbangan dan mempengaruhi kejayaan kempen pendanaan awam (Colombo et al. 2014; Gerber & Hui 2013; Steigenberger 2017; Zheng et al. 2014). Ini bermaksud jika pemilik kempen menyumbang kepada kempen lain, kebarangkalian orang lain untuk menderma ke pemilik kempen tersebut adalah positif. Justeru, kajian ini menjangkakan:

H1b: Modal sosial hubungan adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

c. Modal Sosial Kognitif: Perkataan

Dimensi kognitif mendorong aktiviti komunikasi untuk mengakses dan mengembangkan modal sosial melalui pertukaran maklumat, identifikasi masalah dan penyelesaian serta pengurusan konflik. Perkongsian makna adalah elemen penting dari dimensi kognitif modal sosial yang tertumpu pada makna dan pemahaman yang mempunyai persamaan antara individu atau kumpulan (Nahapiet & Ghoshal 1998).

Dalam konteks pendanaan awam, perkongsian makna melalui maklumat yang pada teks kempen ditafsirkan sebagai isyarat yang berkualiti bagi menggambarkan projek yang dicadangkan adalah berkualiti dari segi keberhasilannya (Lagazio & Querci 2018). Selain menunjukkan kesungguhan pemilik kempen dalam menyampaikan maklumat kepada bakal pemberi sumbangan, kajian ini menjangkakan pendedahan maklumat yang lebih banyak akan memudahkan pentafsiran maklumat, seterusnya mengurangkan masalah maklumat tak simetri antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan. Kajian oleh Ahlers et al. (2015), Bi et al. (2017), Skirnevskiy et al. (2017) dan Zheng et al. (2014) telah menekankan kuasa penerangan teks dalam usaha memujuk orang ramai untuk menyumbang melalui pendanaan awam. Oleh itu, kajian ini menilai bilangan perkataan sebagai proksi untuk dimensi modal sosial kognitif dan menjangkakan:

H1c: Modal sosial kognitif adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

d. Kemiskinan Ekonomi

Terdapat pemilik kempen iaitu pelajar yang hidup dalam kemiskinan dan berasal daripada keluarga yang kurang berkemampuan. Faktor ekonomi inilah menjadi halangan kepada mereka untuk berjaya dalam pendidikan. Beberapa kajian lepas telah membuktikan bahawa kos pendidikan yang tinggi telah menyukarkan golongan miskin untuk melanjutkan pendidikan pada peringkat tinggi. Situasi ini akan menyukarkan

mereka untuk melepaskan diri daripada belenggu kemiskinan, seterusnya membaiki kualiti kehidupan. Kini konsep 'miskin' berdasarkan pendapatan garis kemiskinan ini semakin kurang digunakan dan digantikan dengan konsep pendapatan 40% terbawah (B40) (Laily 2017). Hal ini dapat dilihat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di mana kerajaan lebih memberi tumpuan kepada kumpulan B40 kerana mereka lebih cenderung menghadapi masalah dalam memenuhi keperluan hidup (Unit Perancang Ekonomi 2015). Justeru, kajian ini kumpulan isi rumah B40 dengan isi rumah yang berpendapatan di bawah RM4,360 tergolong dalam kemiskinan ekonomi.

H2a: Kemiskinan ekonomi adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

e. **Kemiskinan Keupayaan**

Kemiskinan keupayaan merujuk kepada sesuatu keadaan di mana individu menghadapi masalah kesihatan, ketidakupayaan fizikal (OKU), penyakit kronik dan penyakit berjangkit serta ketidakselesaan tubuh badan yang memerlukan perhatian daripada pakar perubatan. Akibat daripada halangan kewangan dan ketidakupayaan tersebut, sebahagian daripada individu yang mengalami kemiskinan keupayaan tidak dapat menikmati peluang untuk mendapat pendidikan yang sempurna. Begitu juga situasi pemilik kempen yang mempunyai ibu bapa atau adik beradik yang mengalami masalah kemiskinan kesihatan di mana mereka menghadapi kekangan kewangan di mana selain membiayai pendidikan anak mereka, wang tersebut juga digunakan untuk membiayai kos rawatan penyakit yang dihadapi mereka.

Selain itu, bagi wanita yang bercerai hidup atau mati, mereka boleh menjadi miskin serta-merta sekiranya terpaksa menanggung anak tanpa sebarang nafkah atau harta yang ditinggalkan (Idris & Selvaratnam 2012). Kemiskinan yang dialami oleh ibu tunggal akan membawa kesan kepada anak-anak di bawah penjagaannya di mana anak-anak ini lebih cenderung untuk berhenti sekolah lebih awal berbanding anak-anak dari kalangan ibu bapa lain. Justeru, kewujudan anak yang masih belajar di dalam keluarga yang diketuai oleh wanita khususnya ibu tunggal haruslah diambil perhatian. Oleh itu, kajian ini menjangkakan:

H2b: Kemiskinan keupayaan adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

f. Kemiskinan Sosial

Kemiskinan sosial bermaksud pemilik kempen menghadapi masalah dari status pekerjaan dan mengalami kekangan terhadap akses ke sumber-sumber kewangan. Kemiskinan sosial akan menyebabkan individu atau organisasi mengalami kekurangan struktur sokongan untuk mendapatkan peluang bagi meningkatkan produktiviti (Wagle 2005a, 2008a). Kekurangan tersebut berlaku disebabkan oleh wujudnya faktor-faktor yang menghalang individu atau organisasi (seperti tahap pendidikan atau halangan budaya), dan rintangan di luar keupayaan seseorang (seperti birokrasi atau peraturan-peraturan rasmi yang boleh menghalang mereka mengambil kesempatan daripada peluang yang wujud). Justeru kajian ini menjangkakan:

H2c: Dimensi kemiskinan sosial adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

g. Modal Sosial dan Kemiskinan

Kajian lepas ada membincangkan hubungan antara modal sosial dan kemiskinan. Antaranya Harrison et al. (2019) yang mendapati kemiskinan mempunyai kesan yang tidak konsisten terhadap modal sosial. Selain itu, kadar kemiskinan yang tinggi memaksa individu menghabiskan lebih banyak masa untuk bekerja dan sedikit masa untuk melabur dalam hubungan dan pembinaan rangkaian dalam organisasi sosial (Crandall & Weber 2004).

Kajian ini telah mengenalpasti yang kajian-kajian lepas telah membincangkan tentang kesan modal sosial ke atas kejayaan pendanaan awam dan kajian ini telah membentuk hipotesis untuk mengkaji hubungan ini dalam konteks pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Walau bagaimanapun, kajian lepas tidak mengkaji hubungan kemiskinan ke atas modal sosial sebagai pemboleh ubah penyederhana yang seterusnya memberikan kesan ke atas kejayaan pendanaan awam.

Pemboleh ubah penyederhana telah digunakan dalam kajian berkaitan kesan modal sosial ke atas prestasi pendanaan awam. Zheng et al. (2014) menggunakan pemboleh ubah budaya sebagai pemboleh ubah penyederhana. Kajian tersebut ingin melihat sama ada wujud atau tidak kesan perbezaan budaya di antara Amerika Syarikat dan China ke atas prestasi pendanaan awam di kedua-dua buah negara tersebut melalui pemboleh ubah bersandar modal sosial multidimensi. Kajian mereka menunjukkan bahawa pengusaha dari negara China lebih mudah untuk mendapatkan dana. Masyarakat di China mungkin lebih proaktif dalam memberikan sokongan kewangan bagi mereka yang berada dalam lingkungan hubungan rapat mereka.

Justeru itu, kajian ini melihat kemiskinan boleh digunakan sebagai pemboleh ubah penyederhana. Penggunaan kemiskinan sebagai pemboleh ubah penyederhana telah digunakan dalam konteks selain pendanaan awam. Kajian ini merujuk kepada kajian Jiang dan Dong (2020) yang menguji status kemiskinan sebagai penyederhana kepada hubungan langsung antara diskriminasi guru dan kemurungan pelajar di sekolah. Mereka mendapati wujud hubungan yang signifikan antara kemiskinan sebagai pemboleh ubah penyederhana ke atas diskriminasi guru yang seterusnya menyebabkan kemurungan pelajar di sekolah. Oleh itu, berdasarkan kepada model kajian Zheng et al. (2014) dan selepas merujuk kepada kajian Jiang dan Dong (2020), maka kajian ini meletakkan kemiskinan sebagai pemboleh ubah penyederhana kerana kajian ini juga mahu melihat sama ada wujud atau tidak kesan dimensi kemiskinan tertentu ke atas prestasi pendanaan awam di kedua-dua buah negara tersebut melalui pemboleh ubah bersandar modal sosial multidimensi.

H3a: Kemiskinan ekonomi adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial struktur terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

H3b: Kemiskinan ekonomi adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial hubungan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

H3c: Kemiskinan ekonomi adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial kognitif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

H3d: Kemiskinan keupayaan adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial struktur terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

H3e: Kemiskinan keupayaan adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial hubungan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

H3f: Kemiskinan keupayaan adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial kognitif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

H3g: Kemiskinan sosial adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial struktur terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

H3h: Kemiskinan sosial adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial hubungan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

H3i: Kemiskinan sosial adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial kognitif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

3.5 DATA DAN SUMBER DATA

Platform Skolafund dipilih sebagai sumber data kajian ini. Ia disebabkan oleh beberapa faktor. Tiada kajian sebelum ini yang menjelaskan ukuran pendanaan awam untuk tujuan pendidikan di Malaysia. Pelbagai carian melalui internet dilakukan untuk mencari pelajar dan universiti di Malaysia yang menggunakan pendanaan awam untuk

tujuan pendidikan. Sebagaimana yang diterangkan pada subtopik 2.2.5, daripada 20 jumlah IPTA di Malaysia, hanya satu IPTA iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang telah mewujudkan platform pendanaan awam. Namun, platformnya sukar diakses dan tiada kempen di dalamnya. Manakala, IPTA lain mempunyai medium pengumpulan dana dalam talian tetapi hanya sebagai platform untuk pengumpulan sumbangan, pemberian, hadiah atau wakaf. Oleh itu tiada data dan platform pendanaan awam daripada mana-mana IPTA yang boleh digunakan dalam kajian ini.

Selain platform di universiti, platform pihak ketiga seperti JomDonate, KrowdCap, MyStartr, PitchIN, dan Skolafund juga digunakan oleh pelajar IPT untuk memohon sumbangan untuk tujuan pendidikan. Dari segi jumlah kempen, platform KrowdCap, MyStartr, dan PitchIN masing-masing hanya mempunyai satu atau dua kempen yang berkaitan dengan universiti. Cara kempen dipamerkan di KrowdCap pula tidak membenarkan kajian ini mengekstrak data bagi semua pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini. Untuk kempen yang bukan bersifat keuntungan seperti kempen pendidikan, MyStartr dan PitchIN meletakkannya di bahagian platform pendanaan awam berasaskan ganjaran sedangkan limitasi kajian ini adalah hanya untuk pendanaan awam berasaskan sumbangan.

JomDonate dan Skolafund adalah antara platform pihak ketiga yang paling kerap digunakan oleh pelajar universiti. JomDonate berbeza daripada Skolafund dari segi fokus kempen, polisi dan bilangan kempen pendidikan yang ada pada platform. JomDonate membenarkan kempen selain pendidikan untuk dilancarkan di platform mereka manakala Skolafund adalah satu-satunya platform yang mengkhusus kepada kempen pendidikan tinggi. Selain itu, dari segi jumlah kempen pendidikan di JomDonate, jumlah data yang ada adalah terlalu sedikit iaitu hanya terdapat 34 kempen pendidikan tinggi daripada keseluruhan kempen di platform tersebut. Skolafund adalah satu-satunya platform yang dapat memberikan sampel data yang mencukupi untuk analisis.

Walaupun begitu, sebab utama kempen daripada platform JomDonate ini tidak boleh dimasukkan sebagai data kajian adalah kerana polisinya, iaitu polisi dana yang fleksibel iaitu 'perolehi kesemuanya' (*keep it all*). Ini bermakna walaupun kempen

tersebut tidak berjaya mencapai sasaran dana, pemilik kempen tetap menerima jumlah kutipan dana yang berjaya dikumpulkan sepanjang tempoh kempen. Ia berbeza dengan platform Skolafund di mana Skolafund mengamalkan polisi 'pembiayaan semua atau tiada langsung' (*all or nothing*) di mana hanya kempen yang berjaya mencapai sasaran dana akan berjaya memperolehi dana tersebut. Berdasarkan Wang et al. (2018), definisi pemboleh ubah bersandar di mana kempen yang berjaya adalah kempen yang mencapai sasaran dana dan kempen yang tidak berjaya adalah sebaliknya, hanya sesuai digunakan untuk pendanaan awam yang mengamalkan polisi 'pembiayaan semua atau tiada langsung' (*all or nothing*). Definisi pemboleh ubah bersandar ini digunakan dalam kajian ini. Oleh kerana itu, data daripada JomDonate tidak boleh dimasukkan ke dalam kajian ini. Ini menyebabkan hanya data Skolafund sahaja yang tersedia untuk digunakan untuk tujuan analisis dan mencapai objektif kajian.

Unit analisis kajian ini adalah pemilik kempen iaitu pelajar yang pernah memohon dana di platform Skolafund. Data tersebut diperolehi daripada platform Skolafund melalui <https://blog.kitafund.com/skolafund-transparency-sheet/>. Skolafund.com telah dijenamakan semula menjadi Kitafund.com pada 10 Mei 2019. Dahulunya pautan yang digunakan adalah <https://blog.skolafund.com/skolafund-transparency-sheet/>). Data tersebut mengandungi nama pelajar yang memohon dana, tarikh pelancaran kempen, sasaran dana, jumlah dana yang diperolehi, status kejayaan kempen serta jumlah pengagihan dana sama ada pembayaran yuran atau kos sara hidup. Walau bagaimanapun, data tersebut adalah tidak mencukupi bagi memenuhi analisis kajian ini. Justeru, data tambahan mengenai modal sosial setiap kempen dikumpulkan melalui kaedah pengekstrakan data dari platform Skolafund (www.kitafund.com).


Pengekstrakan data dari platform tersebut memudahkan pengumpulan set data yang agak besar dengan tahap kesahihan data yang tinggi kerana platform tersebut aktif digunakan dan data yang dihasilkan khusus untuk transmisi berasaskan laman web (C. H. Chang et al. 2006). Kaedah ini juga telah digunakan dalam kajian-kajian terdahulu seperti Mollick (2014); Kromidha dan Robson (2016); serta Davies dan Giovannetti (2018) yang mengekstrak data dari platform Kickstarter. Begitu juga Li et al. (2016) yang mengekstrak data dari platform Dajiatou untuk tujuan analisis kajian.

Skolafund membahagikan kempen-kempen di platform mereka kepada dua kategori iaitu yuran pendidikan dan sara diri. Untuk kategori sara hidup, ia melibatkan dana yang diperlukan untuk membeli buku, membayar yuran kolej, kos untuk menyertai program mobiliti pelajar dan kos menghadiri persidangan. Terdapat juga pelajar yang memohon sumbangan untuk membeli komputer dan untuk tujuan lain dalam satu kempen yang sama. Bagi kes sebegini, jumlah dana yang diperlukan untuk komputer tersebut tidak diambilkira sebagai sebahagian daripada sasaran dana pihak Skolafund telah berjaya mendapatkan penyumbang untuk tujuan tersebut dan komputer diserahkan terus kepada pelajar. Oleh itu, pengumpulan data bermula dengan sebanyak 267 kempen untuk kategori yuran dan sara diri dikenalpasti bermula sejak penubuhan platform Skolafund iaitu dari 20 Januari 2015 hingga 26 Disember 2018. Walau bagaimanapun, 14 kempen digugurkan dari senarai tersebut disebabkan tiada maklumat yang diperolehi dari platform Skolafund. 35 kempen yang melibatkan permohonan sumbangan dana untuk ke persidangan (4 kempen) dan program mobiliti yang melibatkan kumpulan (31 kempen) juga tidak diambil kira dari kerana data tentang kemiskinan pemilik kempen tidak lengkap dan kajian ini hanya menumpukan kempen yang melibatkan perseorangan. Akhirnya, hanya tinggal 218 kempen untuk tujuan analisis kajian.

Bagi menilai modal sosial dimensi struktur, kajian ini menilai rangkaian sosial setiap pemilik kempen dengan mengukur aktiviti perkongsian mengenai kempen pendanaan awam di Facebook. Data Facebook telah dikumpulkan menggunakan alat web iaitu "*Shared Count*" (<https://www.sharedcount.com>). Kaedah ini juga digunakan oleh Madrazo-lemarroy et al. (2019). Melalui alat tersebut, bilangan aktiviti perkongsian mengenai kempen pendanaan awam di media sosial ditunjukkan.

Bagi dimensi hubungan, bilangan membiayai kempen lain dinyatakan dalam kempen setiap pelajar di platform Skolafund. Pengukuran obligasi ini juga digunakan dalam kajian pendanaan awam berasaskan ganjaran oleh Colombo et al. (2014), Davies dan Giovannetti (2018) dan Zheng et al. (2014).

Seterusnya bilangan perkataan digunakan bagi mengukur dimensi kognitif. Untuk tujuan ini, alat web ‘Text Analyzer’ digunakan seperti dalam kajian Madrazo-lemarroy et al. (2019). Teks kempen pada ruangan ‘*Why are you fundraising your scholarship?*’ di platform Skolafund dimasukkan ke alat web (lihat Rajah 3.2). Teks tersebut diproses dan seterusnya bilangan perkataan ditunjukkan. Proses tersebut diulangi untuk semua kempen bagi mendapatkan bilangan perkataan bagi setiap kempen.



Webtools Services Tools Bookmarks Contact Us

Text Analyzer

Text Analyzer is a simple free online tool for SEO web content analysis that helps you find most frequent phrases and words, number of characters, words, sentences and paragraphs, and estimated read and speak time of your content.

Characters	Words	Sentences	Paragraphs	Spaces	Punctuations
2071	395	47	25	366	35

I am from a less-privileged family. My father works as a general worker at Alam Flora Sdn Bhd. He is 49 years old. He is the only one that supports my family. My mother is a full-time housewife. I have six siblings including me. I am the eldest and I have four younger brothers and a sister. The first one studies at Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan in form 5. The others are studying at Sekolah Kebangsaan Kempadang in Standard Two and Four. My only sister is studying at Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjong Lumpur in Form 4. My youngest brother is only three

Rajah 3.2 Analisis menggunakan ‘Text Analyzer’

Sumber: Analisis Pengkaji (2020)

Bagi mengenal pasti dimensi kemiskinan yang dihadapi oleh pemohon dana, ATLAS.ti versi 8TM digunakan untuk proses analisis dan pengkodan data sebagaimana yang dilakukan oleh kajian Paulus dan Roberts (2017). Prosedur analisis dilakukan dengan pembacaan oleh pengkaji pada ruangan teks kempen ‘*Why are you fundraising your scholarship?*’ di platform Skolafund (lihat Rajah 3.2). Ruangan tersebut membenarkan pemilik kempen menceritakan masalah kemiskinan yang dihadapi yang mendorong mereka memohon sumbangan. Naratif yang sering digunakan untuk menggambarkan kemiskinan termasuklah menyatakan amaun gaji bulanan ibu bapa yang diperolehi, penyakit kritikal yang dihadapi oleh ibu/bapa/pemilik kempen, umur ibu/bapa yang sudah berusia, ketidakupayaan ibu/bapa dari segi fizikal untuk bekerja, status pekerjaan ibu/bapa dan lain-lain lagi. Dengan menggunakan perisian ATLAS ti., tiga (3) kod dibentuk iaitu MISKIN EKONOMI, MISKIN KEUPAYAAN dan MISKIN SOSIAL. Seterusnya, naratif kemiskinan dikategorikan mengikut deskripsi yang ditetapkan (lihat Rajah 3.3 dan contoh pada Jadual 3.2). Naratif mengenai kemiskinan ekonomi, keupayaan dan sosial disertakan pada Lampiran C, D dan E.

Why are you fundraising your scholarship?


Good day everyone. My name is Katirmutu Gunalan. I am 24 years old and I come from Banting, Selangor. I am a Dean's List student in the final semester at Universiti Malaysia Terengganu where I will graduate at the end of this semester with a Bachelor of Applied Science (Fisheries).

Unfortunately, I will not be allowed to graduate if I do not pay my semester fees. Although I initially received PTPTN to help fund my studies, I was forced to extend my studies for an extra semester due to a sports injury that I suffered in my first semester. This final semester is thus not covered by PTPTN.

I am from a poor family. My father is a fisherman and my mother is a housewife. Both my elder brothers are lorry drivers and my younger brother has stopped schooling to lessen the financial burden on my father. I also have a twin brother who is mentally challenged. My father's salary is just enough for the household and my brother's medical expenses. As the only one blessed with the opportunity to pursue my studies in my family, my family is depending on me for a better life in the future.

Rajah 3.3 Ruangan ‘*Why are you fundraising your scholarship?*’ di platform Skolafund

Sumber: Skolafund (2020)



Rajah 3.4 Contoh Proses Melabel Kemiskinan di Perisian Atlas.ti

Sumber: Analisis Pengkaji (2020)

Jadual 3.2 Deskripsi Kemiskinan mengikut Label

Label	Kemiskinan
MISKIN EKONOMI	Pemilik kempen dan/atau isi rumah mengalami kekurangan dari segi pendapatan dan jika dinyatakan jumlah tersebut kurang daripada RM4,360,
MISKIN KEUPAYAAN	Pemilik kempen dan/atau isi rumah mempunyai ibu atau bapa tunggal, berusia dan uzur, menghadapi masalah kesihatan dan/atau mengalami kecacatan fizikal
MISKIN SOSIAL	Pemilik kempen dan/atau isi rumah menghadapi masalah dari status pekerjaan dan mengalami kekangan terhadap akses ke sumber-sumber kewangan

Jadual 3.3 Ringkasan Data dan Sumber Data

Data	Sumber Data
Unit Analisis	Pemilik Kempen (pelajar yang memohon dana melalui platform Skolafund)
Sumber Data	Platform Skolafund (https://blog.kitafund.com/skolafund-transparency-sheet/)
Tempoh Data	20 Januari 2015 hingga 26 Disember 2018
Bilangan data	267 jumlah kempen dikenalpasti. 49 kempen tidak diambil kira dari senarai tersebut (14 kempen tiada maklumat di platform Skolafund dan 35 kempen melibatkan kumpulan). 218 kempen untuk tujuan analisis kajian.
Modal sosial struktur	Rangkaian sosial setiap pemilik kempen diukur menggunakan bilangan perkongsian mengenai kempen pendanaan awam di Facebook. Data Facebook telah dikumpulkan menggunakan alat web iaitu "Shared Count" (https://www.sharedcount.com).
Modal sosial hubungan	Bilangan membiayai kempen lain dinyatakan dalam kempen setiap pelajar di platform Skolafund
Modal sosial kognitif	Mengukur bilangan perkataan pada ruangan teks kempen 'Why are you fundraising your scholarship?' di platform Skolafund dengan menggunakan alat web 'Text Analyzer'
Kemiskinan ekonomi, keupayaan dan sosial	Pembacaan dilakukan pada ruangan teks kempen 'Why are you fundraising your scholarship?' di halaman platform Skolafund bagi mengenal pasti dimensi kemiskinan yang dihadapi. Perisian ATLAS.ti versi 8TM digunakan untuk proses analisis dan pengkodan data sebagaimana kajian Paulus dan Roberts (2017).

3.6 KESIMPULAN

Bahagian ini telah menghuraikan kaedah penyelidikan yang dijalankan bagi mencapai setiap objektif yang telah ditetapkan. Ia meliputi kaedah kajian, analisis kajian, spesifikasi model kajian, pemboleh ubah yang digunakan dan pembentukan hipotesis serta sumber data yang diperolehi untuk tujuan analisis kajian ini. Bab berikutnya akan membincangkan hasil analisis kajian yang diperolehi.

BAB IV

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, data akan dianalisis dan dapatan kajian akan dibincangkan. Bab ini akan dimulakan dengan analisis deskriptif mengenai profil pemilik kempen iaitu pelajar dan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini. Dengan menggunakan analisis regresi logistik, keputusan statistik akan ditunjukkan dan dibincangkan. Bab ini akan diakhiri dengan rumusan bab.

4.2 ANALISIS DESKRIPTIF

4.2.1 Analisis Deskriptif bagi Profil Pemilik Kempen (Pelajar)

Analisis ini melaporkan profil pemilik kempen iaitu pelajar yang pernah memohon dana di platform Skolafund (rujuk Jadual 4.1). Bagi tujuan analisis data, sebanyak 218 kempen digunakan iaitu data sebelum membuang pencilan (*outliers*). Analisis deskriptif bagi profil 218 pemilik kempen (pelajar) menunjukkan majoriti pelajar yang memohon dana di Skolafund adalah perempuan iaitu 63.3%. Dari segi umur, majoriti daripada mereka adalah berusia agak muda iaitu berumur dalam lingkungan umur 21 hingga 25 tahun iaitu sebanyak 57.33%. Kategori umur 18 hingga 20 tahun adalah kumpulan kedua teramai iaitu 30.28%, manakala kelompok terendah adalah pelajar yang berumur melebihi 30 tahun iaitu 0.92%. Dalam konteks tahap pendidikan, 59.17% adalah pelajar yang sedang menuntut di IPT awam, diikuti 33.03% di IPT swasta dan 7.80% pelajar Malaysia yang menuntut di luar negara. Kebanyakan pelajar yang memohon dana adalah pelajar yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda iaitu 67.9%, diikuti Diploma 16.05%, Ijazah Sarjana 11.47%, PhD 3.21% dan Sijil 1.37%. Daripada jumlah itu, 22.94% adalah pelajar dalam bidang kejuruteraan, diikuti bidang

perubatan, pergigian, farmasi dan sains kesihatan 22.48% dan hanya 1.83% dari bidang undang-undang.

Selepas membuat analisis deskriptif ke atas 218 kempen, analisis awal regresi logit dijalankan. Kemudian beberapa peringkat pengujian terhadap 218 kempen ini dilakukan. Terdapat 15 kempen dikenalpasti sebagai pencilan (*outliers*) (rujuk subtopik 4.3). Setelah dibuang pencilan (*outliers*) tersebut, kajian ini menumpukan kepada 203 kempen untuk dianalisis dalam analisis model 1 hingga model 3. Jadual 4.1 menerangkan deskriptif statistik untuk 203 kempen. Majoriti pelajar yang memohon dana di platform Skolafund adalah perempuan iaitu 63.55%. Dari segi umur, majoriti daripada mereka berusia agak muda iaitu berumur dalam lingkungan umur 21 hingga 25 tahun iaitu sebanyak 58.13%. Kategori umur 18 hingga 20 tahun adalah kumpulan kedua teramai iaitu 29.55%, manakala kelompok terendah adalah pelajar yang berumur melebihi 30 tahun iaitu 0.99%. Dalam konteks tahap pendidikan, 61.08% adalah pelajar yang sedang menuntut di IPT awam, diikuti 32.02% di IPT swasta dan 6.90% pelajar Malaysia yang menuntut di luar negara. Kebanyakan pelajar yang memohon dana adalah pelajar yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda iaitu 67.98%, diikuti Diploma 15.76%, Ijazah Sarjana 11.82%, PhD 2.96% dan Sijil 1.47%. Daripada jumlah itu, 23.65% adalah pelajar dalam bidang kejuruteraan, diikuti bidang perubatan, pergigian, farmasi dan sains kesihatan 21.67% dan hanya 1.97% dari bidang undang-undang.

Daripada keseluruhan analisis deskriptif, kajian ini mendapati pelajar perempuan lebih ramai yang memohon sumbangan melalui pendanaan awam. Hal ini selari dengan laporan Perangkaan Pendidikan Tinggi Malaysia oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2018), seramai 47,761 pelajar perempuan memasuki IPT berbanding lelaki iaitu 39,542. Pelajar IPT awam menunjukkan kemasukan pelajar yang lebih ramai dari IPT swasta iaitu melebihi 26,398 orang. Statistik yang ditunjukkan memenuhi kadar peratusan yang ditunjukkan dalam analisis deskriptif kajian ini di mana pelajar yang memohon dana adalah lebih ramai dalam kalangan IPT awam berbanding IPT swasta. Rekod KPT juga menunjukkan kemasukan pelajar Ijazah Sarjana Muda adalah paling ramai berbanding tahap pendidikan yang lain iaitu seramai 138,625 orang. Pelajar ini juga merupakan pelajar prasiswazah yang majoritinya

berumur antara 19 tahun hingga 26 tahun (Zanariah & Nur Hannan 2020) . Hal ini seiring dengan analisis deskriptif kajian ini di mana pelajar yang memohon sumbangan melalui pendanaan awam adalah pelajar prasiswazah yang berumur di antara 21 hingga 25 tahun. Analisis ini juga menunjukkan pelajar kursus kejuruteraan adalah paling ramai yang memohon sumbangan. Ini juga ditunjukkan dalam kajian lain yang mencatatkan jumlah tertinggi penerima zakat UTM adalah dari Fakulti Kejuruteraan sebanyak 36.3% (Naemah et al. 2021). Hal ini diakui oleh kajian lepas yang mendapati kos-kos yuran pengajian semakin meningkat bagi kursus-kursus kritikal seperti kejuruteraan, perubatan, sains kesihatan dan farmasi (Alias et al. 2018).

Jadual 4.1 Analisis Deskriptif bagi Profil Pemilik Kempen (Pelajar)

Ciri-ciri	218 Kempen		203 Kempen: setelah dibuang pencilan (<i>outliers</i>)	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina				
Lelaki	80	36.7	74	36.45
Perempuan	138	63.3	129	63.55
Umur				
18-20 tahun	66	30.28	60	29.55
21-25 tahun	125	57.33	118	58.13
26-29 tahun	25	11.46	23	11.33
30-35 tahun	2	0.92	2	0.99
Institut Pengajian Tinggi				
Awam	129	59.17	124	61.08
Swasta	72	33.03	65	32.02
Lain-lain	17	7.80	14	6.90
Tahap Pendidikan				
Sijil	3	1.37	3	1.47
Diploma	35	16.05	32	15.76
Ijazah Sarjana Muda	148	67.9	138	67.98
Ijazah Sarjana	25	11.47	24	11.82
PhD	7	3.21	6	2.96
Bidang Pengajian				
Ekonomi dan Pengurusan	30	13.76	25	12.32
Pendidikan	16	7.34	16	7.88
Pengajian Islam	9	4.13	9	4.43
Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Sains Kesihatan	49	22.48	44	21.67
Sains Sosial dan Kemanusiaan	20	9.17	19	9.36
Sains dan Teknologi	28	12.84	26	12.8
Sains Maklumat dan Teknologi	12	5.50	12	5.91
Undang-undang	4	1.83	4	1.97
Kejuruteraan	50	22.94	48	23.65

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

4.2.2 Analisis Deskriptif bagi Pemboleh ubah Kajian

Dalam kajian ini, prestasi kempen diukur dengan menggunakan pemboleh ubah dami iaitu berjaya dan tidak berjaya. Melalui Jadual 4.2, analisis menunjukkan sebahagian besar daripada 218 kempen pendanaan awam berjaya memperoleh dana yang disasarkan iaitu sebanyak 58.72% manakala 41.28% kempen gagal mencapai sasaran dana yang ditetapkan. Setelah dibuang pencilan (*outliers*), kempen yang digunakan untuk dianalisis adalah sebanyak 203 kempen. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 57.64% kempen berjaya memperoleh dana yang disasarkan manakala 42.36% kempen gagal mencapai sasaran dana yang ditetapkan.

Jadual 4.2 Analisis Deskriptif bagi Prestasi Kempen

Prestasi Kempen	218 Kempen		203 Kempen: setelah dibuang pencilan (<i>outliers</i>)	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Tidak Berjaya	90	41.28	86	42.36
Berjaya	128	58.72	117	57.64
Jumlah	218	100.00	203	100.00

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Jadual 4.3 pula adalah analisis deskriptif untuk pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah kawalan. Terdapat tiga dimensi modal sosial yang diambil kira dalam analisis kajian ini iaitu dimensi struktur (Rangkaian), hubungan (Obligasi) dan kognitif (Perkataan). Rangkaian diukur menggunakan bilangan perkongsian di Facebook dan analisis deskriptif mendapati secara puratanya 12.64 aktiviti perkongsian mengenai kempen pendanaan awam dilakukan di Facebook. Manakala, hanya 13.3% pelajar membantu pelajar lain di dalam platform Skolafund dengan memberi sumbangan kepada pemilik kempen lain. Manakala, purata perkataan yang ditaip dalam kempen adalah sebanyak 417 patah perkataan. Seterusnya seramai 44% pelajar mengalami kemiskinan ekonomi, 48% pelajar tergolong dalam miskin upaya dan 44% menghadapi kemiskinan sosial. Pemboleh ubah kawalan bagi analisis kajian ini ialah jumlah dana yang disasarkan dan jantina. Kebanyakan pemilik kempen menyasarkan dana yang diperlukan paling minimum sebanyak RM350 sehingga maksimum sebanyak RM118,000. Pelajar yang memohon sumbangan melalui pendanaan awam adalah majoritinya terdiri daripada pelajar perempuan iaitu 63.3% orang dan selebihnya adalah pelajar lelaki.

Jadual 4.3 Analisis Deskriptif bagi Pemboleh ubah Kajian

Pemboleh ubah	Pemerhatian	Mean	Sisihan Piawai	Min	Max
Rangkaian	218	12.64	39.71	0	360
Obligasi	218	.1333	.3404	0	1
Perkataan	218	417.04	197.25	65	1023
Kemiskinan Ekonomi	218	.4404	.4976	0	1
Kemiskinan Upaya	218	.4862	.5010	0	1
Kemiskinan Sosial	218	.4358	.4970	0	1
Sasaran	218	6072	8940	350	118000
Jantina	218	.3669	.4831	0	1

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Jadual 4.4 pula menunjukkan analisis deskriptif untuk pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah kawalan bagi 203 kempen, setelah dibuang pencilan (*outliers*) sebanyak 15 kempen. Rangkaian yang diukur menggunakan jumlah perkongsian di Facebook didapati secara puratanya 10.41 aktiviti perkongsian mengenai kempen pendanaan awam dilakukan di Facebook. Manakala, hanya 13.3% pelajar di dalam platform Skolafund membantu pelajar lain dengan memberi sumbangan kepada pemilik kempen lain (obligasi). Manakala, purata perkataan yang ditaip dalam kempen adalah sebanyak 418 patah perkataan. Seterusnya seramai 39.9% pelajar mengalami kemiskinan ekonomi, 45.3% pelajar tergolong dalam kemiskinan keupayaan dan 46.3% pelajar menghadapi kemiskinan sosial.

Jadual 4.4 Analisis Deskriptif bagi Pemboleh ubah Kajian (setelah dibuang pencilan (*outliers*))

Pemboleh ubah	Pemerhatian	Mean	Sisihan Piawai	Min	Max
Rangkaian	203	10.41	32.76	0	360
Obligasi	203	.1333	.3177	0	1
Perkataan	203	418.51	197.74	65	1023
Kemiskinan Ekonomi	203	.3990	.4909	0	1
Kemiskinan Upaya	203	.4532	.4990	0	1
Kemiskinan Sosial	203	.4630	.4999	0	1
Sasaran	203	5460	4746	350	38000
Jantina	203	.3694	.4839	0	1

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Pemboleh ubah kawalan bagi analisis kajian ini ialah jumlah dana yang disasarkan dan jantina. Kebanyakan pemilik kempen menyasarkan dana yang diperlukan paling minimum sebanyak RM350 sehingga maksimum sebanyak RM38,000. Pelajar yang memohon sumbangan melalui pendanaan awam adalah

majoritinya terdiri daripada pelajar perempuan iaitu 63.1% pelajar dan selebihnya adalah pelajar lelaki.

4.3 ANALISIS TABURAN SILANG

Dalam kajian ini, analisis taburan silang (*cross tab*) menggunakan chi kuasa dua telah digunakan bagi mengenal pasti prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan mengikut jantina, umur, jenis IPT, tahap pendidikan dan bidang pengajian. Seperti yang dapat dilihat pada Jadual 4.5, pelajar perempuan lebih cenderung berjaya dalam kempen pendanaan awam daripada lelaki (67.52 peratus berbanding 32.48 peratus). Namun, analisis menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara jantina dan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Analisis ini juga menunjukkan pelajar dalam kumpulan umur 21 hingga 25 (60.68 peratus) tahun lebih cenderung untuk berjaya mencapai sasaran dana yang dipohon, diikuti kumpulan umur 18 hingga 20 tahun (29.06 peratus). Walau bagaimanapun, tiada hubungan yang signifikan antara umur dan prestasi kempen pendanaan awam.

Pelajar yang menuntut di IPT awam (65.81 peratus) lebih cenderung berjaya mendapatkan sumbangan, diikuti pelajar IPT swasta (30.77 peratus) dan lain-lain. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pelajar Ijazah Sarjanamuda (70.94 peratus) dan Diploma (14.53 peratus) lebih cenderung memperolehi sumbangan. Namun, tahap pendidikan dan bidang pengajian adalah tidak signifikan secara statistik terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Seperti yang digambarkan dalam Jadual 4.5, bidang kejuruteraan terbukti lebih cenderung berjaya dalam kempen pendanaan awam iaitu 26.50 peratus berbanding bidang pengajian lain. Manakala, banyak kempen dari bidang Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Sains Kesihatan gagal memperolehi dana yang disasarkan.

Jadual 4.5 Analisis Taburan Silang dan Prestasi Kempen Pendanaan Awam

Ciri-ciri	203 Kempen Prestasi Kempen		Chi Square	p-value
	Berjaya	Gagal		
Kekerapan Peratus (%)	117 57.64	86 42.36		
Jantina (%)			2.366	0.124
Lelaki	32.48	43.02		
Perempuan	67.52	56.98		
Umur (%)			10.760	0.631
18-20 tahun	29.06	30.23		
21-25 tahun	60.68	54.65		
26-29 tahun	9.40	13.95		
30-35 tahun	0.85	1.16		
Institut Pengajian Tinggi (%)			2.963	0.227
Awam	65.81	54.65		
Swasta	30.77	33.72		
Lain-lain	3.42	11.63		
Tahap Pendidikan (%)			6.836	0.145
Sijil	2.56	0.00		
Diploma	14.53	17.44		
Ijazah Sarjana Muda	70.94	63.95		
Ijazah Sarjana	9.40	15.12		
PhD	2.56	3.49		
Bidang Pengajian (%)			10.655	0.222
Ekonomi dan Pengurusan	12.82	11.63		
Pendidikan	8.55	6.98		
Pengajian Islam	6.84	1.16		
Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Sains Kesihatan	17.09	27.91		
Sains Sosial dan Kemanusiaan	10.26	8.14		
Sains dan Teknologi	12.82	12.79		
Sains Maklumat dan Teknologi	3.42	9.30		
Undang-undang	1.71	2.33		
Kejuruteraan	26.50	19.77		

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2021)

4.4 ANALISIS AWAL

Kajian ini menganalisis data sebanyak 218 kempen menggunakan perisian Stata 14.1. Bagi mengesahkan model, kajian ini menjalankan beberapa pengujian terhadap model melalui beberapa peringkat.

Merujuk Jadual 4.6, keseluruhan model adalah signifikan secara statistik kerana $p < 0.0000$. Pseudo R² menunjukkan nilai 0.1437, menunjukkan model yang dibina adalah padan (*fit*) kerana lebih 14% variasi di dalam pemboleh ubah bersandar

dijelaskan oleh pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas yang terdapat dalam model tersebut secara bersama (bukan secara berasingan).

Jadual 4.6 Analisis Awal : Hubungan antara Dimensi Modal Sosial Multidimensi dan Prestasi Kempen Pendanaan Awam

Pemboleh ubah	Model Awal	
	Koefisyen	Nisbah Odds
Modal Sosial Struktur - Rangkaian	.0121893 (.0113444)	1.012264
Modal Sosial Hubungan - Obligasi	.9372532 * (.5330757)	2.552959
Modal Sosial Kognitif - Perkataan	.0011367 (.0008384)	1.001137
LnSasaran	-1.054699 *** (.2555744)	.3482971
Jantina	-.4098463 (.3114611)	.6637523
Bilangan cerapan	218	
Log kebolehjadian	-126.5386	
Chi2	42.48	
p	0.0000	
Pseudo R2	0.1437	
Wald Chi2	20.73	

*** $p < 0.01$, ** $p < 0.05$, * $p < 0.1$

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Dalam kajian ini, ujian nisbah kebolehjadian digunakan untuk menguji koefiyen berbilang (*multiple coefficients*) (Long & Freese 2006). Ujian ini digunakan untuk menguji hipotesis nol di mana semua pemboleh ubah tidak bersandar adalah sifar. Ujian ini memadankan model ini dengan cara tidak memasukkan pemboleh ubah tidak bersandar (hanya menguji pintasan) dan menjalankan ujian nisbah kebolehjadian. Merujuk Jadual 4.7, jika LR chi-ganda dua model logit penuh adalah sama dengan LR-chi ganda dua model logit pintasan iaitu 42.48, maka hipotesis nol semua koefisyen kecuali pintasan adalah sama dengan sifar (Long & Freese 2006). Oleh itu, hipotesis nol diterima.

Jadual 4.7 Ujian Nisbah Kebolehjadian

Likelihood-ratio test (Assumption: intercept nested in full)	LR chi2(5) = 42.48 Prob > chi2 = 0.0000
---	--

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Terdapat beberapa kaedah digunakan untuk menguji Ketepatan Padanan iaitu Hosmer-Lemeshow, Pengelasan (*Classification*) dan Analisis ROC. Melalui ujian Hosmer-Lemeshow, ujian yang tidak signifikan ($p > 0.05$) menerangkan model kajian adalah sepadan (*fit*) iaitu menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara data anggaran model regresi logistik dengan data pemerhatian. Jadual 4.8 menunjukkan nilai chi-square 6.17 dengan nilai signifikan 0.6279. Hal ini bermakna bahawa model tersebut sudah tepat dengan tidak perlu adanya pengubahsuaian model.

Jadual 4.8 Ujian Hosmer-Lemeshow

Chi-square	df	Sig
6.17	5	0.6279

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Seterusnya, ujian kepadanan pengelasan dijalankan. Berdasarkan Jadual 4.9, secara keseluruhan 70.64% jangkaan yang dibuat oleh model ini adalah tepat. Kepekaan (*sensitivity*) dan kekhususan (*specifity*) bagi model ini ialah 80% dan 58% kempen berjaya dan kempen tidak berjaya dengan betul (dengan *cutoff* point 50%). Kepekaan mengukur perkadaran peristiwa yang diklasifikasi dengan betul (dalam kes kajian ini kempen berjaya) dan kekhususan mengukur nisbah peristiwa tidak diklasifikasikan dengan betul. Selari dengan keadaan tersebut maka positif palsu (*false positive*) dan negatif palsu (*false negative*) masing-masing ialah 20% dan 42%.

Jadual 4.9 Ujian Kepadanan Pengelasan

Classified	True		Total
	D	~D	
+	102	38	140
-	26	52	78
Total	128	90	218

Classified + if predicted $\Pr(D) \geq .5$
 True D defined as $y \neq 0$


Sensitivity	$\Pr(+ D)$	79.69%
Specificity	$\Pr(- \sim D)$	57.78%
Positive predictive value	$\Pr(D +)$	72.86%
Negative predictive value	$\Pr(\sim D -)$	66.67%

False + rate for true ~D	$\Pr(+ \sim D)$	42.22%
False - rate for true D	$\Pr(- D)$	20.31%
False + rate for classified +	$\Pr(\sim D +)$	27.14%
False - rate for classified -	$\Pr(D -)$	33.33%

Correctly classified	70.64%
----------------------	--------

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)


Sensitivity/Specificity



Rajah 4.1 Keluk Pengelasan

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Analisis ROC pula menunjukkan kawasan di bawah garis ROC ialah 0.7677 (Rajah 4.2). Ini membuktikan model tersebut adalah dipadankan dengan baik memandangkan kawasan di bawah garis ROC perlu berada di antara 0.5 dan 1.0 (Alan Agresti 2007).



Rajah 4.2 Keluk ROC

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)


Seterusnya, terdapat beberapa kaedah untuk mendiagnostik model. Jadual 4.10 iaitu ujian kekolinearan berbilang menunjukkan nilai purata VIF adalah kurang daripada 10, iaitu 1.06 dan kesemua nilai toleransi 1/VIF adalah tidak melebihi 1. Ini menunjukkan bahawa tiada masalah multikolineariti dalam model ini memandangkan nilai VIF kurang daripada 10 (Gujarati & Porter 2009). Selain itu, kesemua nilai-nilai toleransi 1/VIF pemboleh ubah dalam model ini menunjukkan nilai yang lebih besar daripada 0.2 menunjukkan pekali dianggarkan adalah stabil (Mehmetoglu & Jakobsen 2017).

Jadual 4.10 Ujian Kekolinearan Berbilang

Pemboleh ubah	VIF	1/VIF
Rangkaian	1.13	0.887219
Obligasi	1.11	0.899198
Perkataan	1.04	0.965810
LnSasaran	1.01	0.987313
Jantina	1.01	0.991307
Mean VIF	1.06	

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Seterusnya Rajah 4.3 menunjukkan hasil pengujian kelinearan model ini gagal dalam menganggarkan kebarangkalian menerima sumbangan yang tinggi di mana pecahan kes yang dicerap melebihi kebarangkalian yang dianggarkan (Long & Freese 2006). Oleh yang demikian, model ini mempunyai masalah kelinearan.




Rajah 4.3 Pengujian Kelinearan

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Oleh kerana model ini mempunyai masalah kelinearan, maka kajian ini perlu mengenal pasti cerapan yang berpotensi memberikan kesan yang signifikan ke atas model. Justeru, ujian diagnostik dilakukan supaya cerapan-cerapan ini tidak mempunyai masalah reja, titik terpencil dan titik terpengaruh.

Kajian ini menggunakan pendekatan mengurangkan nilai Reja Pearson Standard (*Standardized Pearson Residual*) dari -3.3 dan 3.3 kepada -2.0 dan 2.0. Berdasarkan Rajah 4.4, kedudukan bagi cerapan 195, 210 dan 8 berada jauh ke kiri daripada cerapan yang lain. Ini menunjukkan kemungkinan cerapan tersebut mempunyai masalah di dalam reja terpiawai kerana nilai-nilai tersebut kurang daripada -2.0.




Rajah 4.4 Plot Selerakan Reja Perason Terpiawai

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Bagi mengenal pasti cerapan yang memberi ‘pengaruh’ (*influential*), kajian ini mengenal pasti cerapan tersebut melalui:


- Penganggaran dbeta – Pregibon’s Delta-Beta
- Penganggaran deviance- Reja Sisihan (*Deviance Residual*)
- Penganggaran hat – Leveraj Pregibon (*Pregibon Leverage*)
- Penganggaran dx2 – Hosmer-Lemeshow Delta chi-square

Melalui pengujian dbeta dan sisihan reja, cerapan 195, 175, 3, 210, 8 dan 249 menunjukkan Pregibon dbeta dan sisihan reja yang tinggi (lihat Rajah 4.5 dan 4.6). Maka, cerapan-cerapan ini berkemungkinan mempunyai masalah ‘pengaruh’.



Rajah 4.5 Plot Selerakan Dbeta


Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)



Rajah 4.6 Plot Selerakan Penganggaran Deviance- Reja Sisihan

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)


Kajian seterusnya mendapati cerapan 249, 114 dan 175 adalah lebih tinggi berbanding cerapan yang lain dalam penganggaran hat (lihat Rajah 4.7). Hal ini menyebabkan cerapan-cerapan tersebut mempunyai masalah di dalam penganggaran dx2.



Rajah 4.7 Plot Selerakan Penganggaran Hat – Leveraj Pregibon

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Melalui Rajah 4.8, kajian ini juga mendapati cerapan 3 adalah lebih tinggi berbanding cerapan yang lain dalam penganggaran dx2. Hal ini menyebabkan cerapan 3 mempunyai masalah di dalam penganggaran dx2.



Rajah 4.8 Plot Selerakan Penganggaran Dx2

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Seterusnya 15 kempen dibuang disebabkan oleh pencilan (*outliers*) iaitu 1, 3, 5, 6, 8, 28, 68, 70, 71, 114, 171, 175, 195, 210, 249. Akhirnya, kajian hanya menggunakan 203 kempen bagi tujuan analisis regresi logit.

4.5 PENGUJIAN MODEL 1 (Hubungan antara Modal Sosial Multidimensi dan Prestasi Kempen Pendanaan Awam berasaskan Derma untuk tujuan Pendidikan)

4.5.1 Analisis Awal

Setelah membuang pencilan (*outliers*), analisis kajian ini menggunakan 203 kempen untuk menguji hubungan modal sosial multidimensi terhadap kempen pendanaan awam berasaskan derma. Modal sosial multidimensi terdiri daripada modal sosial struktur, hubungan dan kognitif. Bagi mengesahkan model, kajian ini menjalankan beberapa pengujian terhadap model melalui beberapa peringkat sama seperti pengujian yang dijalankan dalam analisis awal data sampel 218 pada subtopik 4.4.

Jadual 4.11 menunjukkan keseluruhan model adalah signifikan secara statistik kerana $p < 0.0000$. Pseudo R^2 menunjukkan nilai 0.2426, menunjukkan model yang dibina adalah padan (*fit*) kerana lebih 24.26% variasi di dalam pemboleh ubah bersandar berjaya dijelaskan oleh pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas yang terdapat dalam model tersebut secara bersama (bukan secara berasingan).

Merujuk rajah dan jadual di Lampiran F, ujian nisbah kebolehjadian digunakan untuk menguji koefisien berbilang (*multiple coefficients*) (Long & Freese 2006). Nilai LR chi-ganda dua model logit penuh adalah sama dengan LR-chi ganda dua model logit pintasan iaitu 67.13, maka hipotesis nol semua koefisien kecuali pintasan adalah sifar (Long & Freese 2006).

Ujian Hosmer-Lemeshow juga menunjukkan model tersebut sudah tepat dengan tidak perlu adanya pengubahsuaian model di mana nilai chi-square 5.46 dengan nilai signifikan 0.7070. Seterusnya, Ujian Kepadanan Pengelasan dijalankan. Secara keseluruhan 75.86% jangkaan yang dibuat oleh model ini adalah tepat. Kepekaan (*sensitivity*) dan kekhususan (*specifity*) bagi model ini ialah 82% dan 67% kempen berjaya dan kempen tidak berjaya dengan betul (dengan *cutoff* point 50%). Kepekaan mengukur perkadaran peristiwa yang diklasifikasi dengan betul (dalam kes kajian ini kempen berjaya) dan kekhususan mengukur nisbah peristiwa tidak diklasifikasikan dengan betul. Selari dengan keadaan tersebut maka positif palsu (*false positive*) dan negatif palsu (*false negative*) masing-masing ialah 18% dan 33%.

Analisis ROC juga membuktikan model tersebut adalah dipadankan dengan baik dengan menunjukkan kawasan di bawah garis ROC ialah 0.8124. Seterusnya, nilai purata VIF juga adalah kurang daripada 10, iaitu 1.05. Ini menunjukkan bahawa tiada masalah multikolineariti dalam model ini. Selain itu, kesemua nilai-nilai toleransi $1/VIF$ pemboleh ubah dalam model ini menunjukkan nilai yang lebih besar daripada 0.2 menunjukkan pekali dianggarkan adalah stabil (Mehmetoglu & Jakobsen 2017).

Hasil pengujian kelinearan menunjukkan model ini tidak mempunyai masalah kelinearan di mana pecahan kes yang dicerap tidak melebihi kebarangkalian yang dianggarkan (Long & Freese 2006). Kesimpulannya, setelah melalui beberapa peringkat pengujian, Model 1 ini didapati sah (*valid*) dan memberikan keputusan yang baik.

4.5.2 Hasil Analisis Kajian

Kajian ini mengkaji hubungan modal sosial multidimensi terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan (rujuk Jadual 4.11). Hipotesis 1a mencadangkan bahawa modal sosial struktur adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Melalui data yang dianalisis oleh pengkaji, kajian ini mendapati terdapat hubungan signifikan dan positif di antara dimensi struktur (**Rangkaian**) terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan pada tahap signifikan 5%. Dapat diperhatikan log nisbah *odds* bagi pemboleh ubah bebas rangkaian ialah 1.04, dengan kata lain menunjukkan bahawa satu unit peningkatan dalam rangkaian akan menyebabkan peningkatan sebanyak 1.04 kali untuk prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Ini menunjukkan semakin banyak perkongsian rangkaian media sosial, semakin banyak dana berjaya dikumpulkan. Oleh itu, hipotesis 1a disokong.

Seterusnya, hipotesis 1b mencadangkan terdapat hubungan antara modal sosial dimensi hubungan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma. Hasil analisis kajian ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan positif di antara dimensi hubungan (**Obligasi**) terhadap prestasi kempen pendanaan awam pada tahap signifikan 1%. Dapat diperhatikan log nisbah *odds* bagi pemboleh ubah bebas obligasi

ialah 5.92 yang menunjukkan bahawa penglibatan obligasi akan menyebabkan peningkatan sebanyak 5.92 kali dalam *odds* untuk prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan berbanding tiada penglibatan obligasi. Ini menunjukkan apabila pemilik kempen menderma kepada kempen lain, semakin tinggi kejayaan kempen untuk meningkatkan dana. Oleh itu, hipotesis 1b disokong.

Hipotesis 1c mencadangkan terdapat hubungan antara modal sosial kognitif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Kajian ini mengukur modal sosial dimensi kognitif dengan menggunakan bilangan perkataan pada teks kempen. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini mendapati tiada hubungan yang signifikan antara modal sosial kognitif (**Perkataan**) terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Oleh itu, keputusan ini tidak menyokong hipotesis kajian 1c.

Jadual 4.11 Hubungan antara Modal Sosial Multidimensi dan Prestasi Pendanaan Awam berasaskan Derma untuk tujuan Pendidikan

Pemboleh ubah	Model 1	
	Koefisyen	Nisbah Odds
Modal Sosial Struktur - Rangkaian	.0378825 ** (.0153703)	1.038609
Modal Sosial Hubungan - Obligasi	1.778965 *** (.6599362)	5.923721
Modal Sosial Kognitif - Perkataan	.0009742 (.0009787)	1.000975
LnSasaran	-1.535437 *** (.2636515)	.2153616
Jantina	-.4782007 (.3438103)	.6198978
Bilangan cerapan	203	
Log kebolehjadian	-104.76782	
Chi2	67.13	
p	0.0000	
Pseudo R2	0.2426	
Wald Chi2	44.72	

*** p< 0.01, **p< 0.05, * p< 0.1

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Pemboleh ubah kawalan iaitu jumlah pembiayaan yang disasarkan (**LnSasaran**) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan negatif terhadap prestasi kempen pendanaan berasaskan derma pada tahap signifikan 1%. Dapat diperhatikan nisbah *odds*

bagi pemboleh ubah bebas sasaran ialah 0.22, iaitu kurang dari 1. Secara spesifik, peningkatan satu unit dalam sasaran akan menyebabkan pengurangan sebanyak 78.5% untuk prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Manakala tiada hubungan yang signifikan bagi pemboleh ubah kawalan jantina (**Jantina**).

4.5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Keputusan hipotesis 1a menunjukkan modal sosial dimensi struktur adalah berhubungan secara signifikan dan positif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma. Hasil kajian ini selari dengan kajian lepas seperti Zheng et al. (2014), Kromidha & Robson (2016), Madrazo-lemarroy et al. (2019) dan Mollick (2014) di mana saiz **rangkaian** yang lebih besar mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk mengumpulkan lebih banyak dana berbanding rangkaian sosial yang kecil. Malah, Borst et al. (2018) juga menekankan fungsi Facebook dalam kajian mereka sebagai rangkaian sosial yang sesuai untuk berinteraksi sosial dalam talian. Oleh itu, aktiviti berkongsi kempen ke Facebook berupaya meningkatkan potensi kejayaan kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Penemuan kajian ini menyokong pandangan teori modal sosial yang menyatakan bahawa rangkaian sosial berupaya menjadi isyarat kepada orang ramai untuk mengurangkan ketidakpastian dan mengurangkan masalah maklumat tak simetri antara pemilik kempen dan orang ramai yang ingin menyumbang (Zheng et al. 2014). Dalam konteks pendanaan awam, rangkaian melalui media sosial memudahkan komunikasi bagi membolehkan pemilik kempen mengakses kepada lebih banyak sumber (Saxton & Wang 2014). Malahan, ia juga berfungsi untuk mempromosi dan menghebahkan kempen dalam kalangan orang ramai atau komuniti dalam talian itu sendiri. Secara tidak langsung, orang ramai mungkin dipengaruhi oleh tingkah laku individu lain yang diperhatikan dalam talian, seterusnya menggambarkan kualiti kempen pendanaan awam. Justeru kajian ini mengesahkan bahawa rangkaian sosial berupaya memberikan isyarat yang baik bagi memaklumkan maklumat tertentu yang boleh mengurangkan masalah maklumat tak simetri mengenai pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Seterusnya, sebagaimana yang ditunjukkan pada keputusan hipotesis 1b, hasil analisis kajian ini mengesahkan kempen yang membiayai kempen-kempen lain di platform yang sama mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk berjaya. Penemuan ini mengukuhkan peranan **obligasi** sebagai modal sosial dimensi hubungan dalam pendanaan awam berasaskan derma, selari dengan kajian-kajian terdahulu yang menyokong hubungan dimensi hubungan dalam meningkatkan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan (Butticè et al. 2017; Colombo et al. 2014; Davies & Giovannetti 2018; Zheng et al. 2014).

Berdasarkan kepada teori modal sosial, apabila seseorang pemilik kempen menerima pembiayaan daripada penaja lain, mereka mungkin merasakan bahawa ia adalah tanggungjawab atau komitmen beliau untuk menaja kempen lain yang turut sama mencari dana untuk kempen mereka. Pada platform pendanaan awam, paparan umum mengenai aktiviti pemilik kempen dalam menyokong kempen lain adalah isyarat yang strategik. Katakan pemilik kempen A menyokong kempen B, aktiviti ini akan dilihat sebagai isyarat (timbal balik) dari pemilik kempen A, yang juga membawa penghargaan dan sokongan di laman web kempen B. Isyarat ini dapat dilihat oleh pemilik dan penyokong kempen B dan kepada ahli kumpulan lain yang mengunjungi kempen B di platform pendanaan awam tersebut tentang sikap altruisme pemilik kempen A.

Melalui aktiviti tersebut, pemilik kempen dapat membentuk hubungan sosial dengan pemilik kempen lain. Selain itu, ia berupaya membangunkan reputasi seseorang pemilik kempen dalam rangkaian sosial, yang boleh membawa kepada peningkatan dalam isu kepercayaan. Secara tidak langsung ia dapat mengurangkan kesan dari masalah maklumat tak simetri, seterusnya dapat menarik lebih banyak dana seterusnya meningkatkan kejayaan kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Kajian ini adalah berbeza dari kajian sebelum ini di mana kebanyakan kajian-kajian lepas memilih golongan usahawan sebagai responden kajian disebabkan fokus kajian adalah pendanaan awam berasaskan ganjaran. Dalam konteks kajian ini, golongan pelajar menjadi fokus kajian di mana mereka adalah golongan yang mengalami masalah kekurangan sumber dan juga mencari sokongan kewangan melalui

pendanaan orang ramai. Melalui sifat altruism yang wujud dalam kalangan mereka, sumbangan yang dibuat untuk menyokong kempen lain walaupun sedikit tetapi dilihat sebagai pelaburan dalam mempromosikan kempen sendiri. Ini menjelaskan lebih lanjut bahawa seseorang pemilik kempen boleh membentuk dan mengekalkan modal sosial beliau dengan menyumbang dalam projek-projek yang lain tanpa mengira populasi dan jenis pendanaan awam.

Selanjutnya, kajian ini menggunakan jumlah **perkataan** pada teks kempen di Skolafund sebagai proksi kepada modal sosial dimensi kognitif. Walau bagaimanapun, keputusan hipotesis 1c kajian ini mendapati dimensi kognitif tidak mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam. Penemuan kajian ini bertentangan dengan hasil kajian oleh Madrazo-lemarroy et al. (2019), Skirnevskiy et al. (2017) dan Zheng et al. (2014) yang mengkaji dimensi kognitif menggunakan proksi yang serupa. Hasil kajian mereka mendapati dimensi kognitif adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berdasarkan ganjaran. Manakala, kajian ini menunjukkan hasil yang sebaliknya di mana jumlah perkataan pada teks kempen tidak mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam berdasarkan derma untuk tujuan pendidikan.

Teori modal sosial menekankan kepentingan perkongsian maklumat melalui teks kempen di mana ia adalah cara yang efektif untuk berkomunikasi dengan bakal pemberi sumbangan. Orang ramai menggunakan panjangnya penceritaan pada kempen sebagai isyarat bahawa maklumat yang diberikan adalah lengkap. Bilangan perkataan yang banyak juga menggambarkan usaha bersungguh-sungguh yang ditunjukkan oleh pemilik kempen (Skirnevskiy et al. 2017). Selain menunjukkan kesungguhan pemilik kempen, kajian lepas menjangkakan pendedahan maklumat yang lebih banyak akan memudahkan pentafsiran maklumat, seterusnya mengurangkan masalah maklumat tak simetri antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan.

Walaupun ia tidak terpakai pada pendanaan awam berdasarkan derma untuk tujuan pendidikan. Kajian ini merujuk kepada kajian Moy et al. (2018) di mana maklumat yang terlalu sedikit boleh mengakibatkan hasil yang negatif, manakala maklumat yang berlebihan seperti teks yang panjang akan menyebabkan individu tidak dapat memproses setiap maklumat tersebut di mana mereka mengalami kesukaran

untuk membezakan antara maklumat yang relevan dan maklumat yang tidak diperlukan. Hal ini selari dengan pandangan Bi et al. (2017) yang mengatakan kesan modal sosial kognitif ke atas projek pendanaan awam adalah bergantung kepada jenis atau kategori projek. Contohnya, bagi projek berkaitan teknologi, pemilik kempen akan memberikan maklumat yang lebih lengkap dan dianggap relevan seperti maklumat mengenai spesifikasi produk, warna yang boleh dipilih, cara penggunaan dan sebagainya. Manakala bagi projek-projek berbentuk hiburan, contohnya projek filem, pemilik kempen perlu menggariskan plot utama filem dan memperkenalkan pengarah serta barisan pelakon. Begitu juga dalam konteks kajian ini yang menumpukan pada kempen pendanaan awam berkaitan kebajikan seperti pendidikan, pemilik kempen perlu mendedahkan maklumat yang relevan seperti masalah kemiskinan yang dihadapi yang telah mendorong mereka untuk memohon sumbangan. Sebagaimana kajian Gerber dan Hui (2013) dan Meer (2014) yang mendapati bakal pemberi sumbangan bagi kempen berkaitan kebajikan dan kemasyarakatan berminat untuk menderma disebabkan faktor simpati dan empati. Justeru kandungan maklumat mengenai masalah kemiskinan dianggap relevan dan memainkan peranan yang penting bagi menimbulkan rasa emosi tersebut.

Bagi pemboleh ubah kawalan, jumlah pembiayaan yang disasarkan (**sasaran**) menunjukkan saiz projek memainkan peranan yang penting. Sebagaimana kajian-kajian lepas, kajian mendapati semakin tinggi jumlah yang diminta, semakin rendah kemungkinan untuk mencapai sasaran dana (Lagazio & Querci 2018; Schwienbacher 2018; Zheng et al. 2014). Situasi tersebut menyebabkan bakal pemberi sumbangan menghadapi masalah maklumat tak simetri di mana mereka mengalami keraguan tentang keberhasilan projek yang bersaiz besar.

Pemboleh ubah **jantina** tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam. Hal ini berbeza dengan kajian-kajian terdahulu yang mendapati jantina memainkan peranan dalam menentukan kejayaan kempen bagi projek berbentuk keusahawanan. Terdapat kajian yang menyatakan usahawan wanita lebih cenderung berjaya mengerjakan projek mereka (Duan et al. 2020; Greenberg & Mollick 2017). Tidak kurang juga yang berpendapat usahawan wanita sering dirasakan kurang berdaya saing dalam kemahiran inovasi dan pengembangan perniagaan

berbanding usahawan lelaki (Mitchelmore & Rowley 2013), terutamanya dalam industri yang dikuasai lelaki, seperti teknologi tinggi (Greenberg dan Mollick, 2017). Walau bagaimanapun, hasil kajian ini mengesahkan faktor jantina tidak memainkan peranan dalam amalan sumbangan derma untuk projek atau kempen pendidikan melalui pendanaan awam.

4.6 PENGUJIAN MODEL 2 (Hubungan antara Kemiskinan Multidimensi dan Prestasi Kempen Pendanaan Awam berasaskan Derma untuk tujuan Pendidikan)

Model 2 adalah bertujuan untuk menguji pengaruh kemiskinan multidimensi terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Kajian ini mengkategorikan ciri-ciri pemilik kempen mengikut jenis kemiskinan multidimensi menurut pendekatan Wagle (2008a) yang terdiri dari dimensi kemiskinan ekonomi, keupayaan dan sosial.

4.6.1 Analisis Awal

Kajian ini menguji hubungan kemiskinan multidimensi terhadap kempen pendanaan awam berasaskan derma. Dimensi kemiskinan terdiri daripada kemiskinan ekonomi, kemiskinan keupayaan dan kemiskinan sosial. Bagi mengesahkan model, kajian ini menjalankan beberapa peringkat pengujian (rujuk rajah dan jadual di Lampiran G).

Merujuk Jadual 4.12, keseluruhan model adalah signifikan secara statistik kerana $p < 0.0000$. Pseudo R² menunjukkan nilai 0.2833, menunjukkan model yang dibina adalah padan (*fit*) kerana lebih 28.33% variasi di dalam pemboleh ubah bersandar berjaya dijelaskan oleh pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas yang terdapat dalam model tersebut secara bersama (bukan secara berasingan).

Dalam kajian ini, ujian nisbah kebolehjadian digunakan untuk menguji koefisien berbilang (*multiple coefficients*) (Long & Freese 2006). Nilai LR chi-ganda dua model logit penuh adalah sama dengan LR-chi ganda dua model logit pintasan iaitu 78.39, maka hipotesis nol semua koefisien kecuali pintasan adalah sama dengan sifar (Long & Freese 2006). Oleh itu, hipotesis nol diterima.

Ujian Hosmer-Lemeshow juga menunjukkan model tersebut sudah tepat dengan tidak perlu adanya pengubahsuaian model di mana nilai chi-square 10.34 dengan nilai signifikan 0.2421. Seterusnya, Ujian Kepadanan Pengelasan dijalankan. Secara keseluruhan 78.82% jangkakan yang dibuat oleh model ini adalah tepat. Kepekaan (*sensitivity*) dan kekhususan (*specifity*) bagi model ini ialah 85% dan 70% kempen berjaya dan kempen tidak berjaya dengan betul (dengan *cutoff point* 50%). Kepekaan mengukur perkadaran peristiwa yang diklasifikasi dengan betul (dalam kes kajian ini kempen berjaya) dan kekhususan mengukur nisbah peristiwa tidak diklasifikasikan dengan betul. Selari dengan keadaan tersebut maka positif palsu (*false positive*) dan negatif palsu (*false negative*) masing-masing ialah 15% dan 30%.

Analisis ROC juga membuktikan model tersebut adalah dipadankan dengan baik dengan menunjukkan kawasan di bawah garis ROC ialah 0.8393. Seterusnya, nilai purata VIF juga adalah kurang daripada 10, iaitu 1.22. Ini menunjukkan bahawa tiada masalah multikolineariti dalam model ini. Selain itu, kesemua nilai-nilai toleransi 1/VIF pemboleh ubah dalam model ini menunjukkan nilai yang lebih besar daripada 0.2 menunjukkan pekali dianggarkan adalah stabil (Mehmetoglu & Jakobsen 2017).

Hasil pengujian kelinearan menunjukkan model ini tidak mempunyai masalah kelinearan di mana pecahan kes yang dicerap tidak melebihi kebarangkalian yang dianggarkan (Long & Freese 2006). Kesimpulannya, setelah melalui beberapa peringkat pengujian, Model 2 ini didapati sah (*valid*) dan memberikan keputusan yang baik.

4.6.2 Hasil Analisis Kajian

Hipotesis 2a mencadangkan terdapat hubungan yang signifikan antara kemiskinan ekonomi terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Merujuk Jadual 4.12, hasil analisis kajian ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan positif di antara kemiskinan ekonomi (**Miskin Ekonomi**) terhadap prestasi kempen pendanaan awam pada tahap signifikan 10%. Dapat diperhatikan log nisbah *odds* bagi pemboleh ubah bebas rangkaian ialah 2.607, dengan kata lain menunjukkan bahawa pemilik kempen yang menghadapi kemiskinan ekonomi akan menyebabkan peningkatan sebanyak 2.607 kali untuk prestasi kempen pendanaan

awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Ini bermaksud kempen akan lebih berjaya jika pemilik kempen mempunyai ciri kemiskinan ekonomi. Oleh itu, hipotesis 2a disokong.

Sebaliknya, hasil kajian ini mendapati kemiskinan keupayaan (**Miskin Upaya**) dan sosial (**Miskin Sosial**) tidak berhubungan secara signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Oleh itu, hipotesis 2b dan 2c tidak disokong.

Seterusnya, kajian ini mendapati hasil analisis bagi pemboleh ubah modal sosial Model 2 adalah konsisten dengan Model 1 di mana terdapat hubungan yang signifikan dan positif di antara dimensi struktur (**Rangkaian**) dan dimensi hubungan (**Obligasi**) ke atas prestasi kempen pendanaan awam pada tahap signifikan 1%. Dapat diperhatikan log nisbah *odds* bagi pemboleh ubah bebas rangkaian ialah 1.04, dengan kata lain menunjukkan bahawa satu unit peningkatan dalam rangkaian akan menyebabkan peningkatan sebanyak 1.04 kali untuk prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Ini menunjukkan semakin banyak perkongsian rangkaian media sosial, semakin banyak dana berjaya dikumpulkan.

Selanjutnya, log nisbah *odds* bagi pemboleh ubah bebas obligasi ialah 7.40, dengan kata lain menunjukkan bahawa penglibatan obligasi akan menyebabkan peningkatan sebanyak 7.40 kali untuk prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan berbanding tiada penglibatan obligasi. Ini menunjukkan apabila pemilik kempen menderma kepada kempen lain, semakin tinggi kejayaan kempen untuk meningkatkan dana.

Walau bagaimanapun, hasil analisis Model 2 ini mendapati modal sosial kognitif (**Perkataan**) tidak signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Jadual 4.12: Hubungan antara Dimensi Kemiskinan Multidimensi dan Prestasi Kempen Pendanaan Awam berasaskan Derma untuk tujuan Pendidikan

Model 2		
Pemboleh ubah	Koefisyen	Nisbah Odds
Modal Sosial Struktur - Rangkaian	.0365232 *** (.013422)	1.037198
Modal Sosial Hubungan - Obligasi	2.002383 *** (.7398678)	7.406686
Modal Sosial Kognitif - Perkataan	.0011187 (.0010007)	1.001119
Kemiskinan Ekonomi	.9581569 ** (.4871174)	2.606887
Kemiskinan Keupayaan	.0158385 (.4843855)	1.015965
Kemiskinan Sosial	-.5236618 (.452951)	.5923475
LnSasaran	-1.613762 *** (.2904759)	.199137
Jantina	-.5599849 (.3702386)	.5712177
Bilangan cerapan		203
Log kebolehjadian		-99.136127
Chi2		78.39
p		0.0000
Pseudo R2		0.2833
Wald Chi2		44.43

*** p< 0.01, **p< 0.05, * p< 0.1

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Pemboleh ubah kawalan iaitu **sasaran** menunjukkan hasil keputusan yang sama dengan Model 1 di mana terdapat hubungan yang signifikan dan negatif di antara jumlah pembiayaan yang disasarkan terhadap prestasi kempen pendanaan berasaskan derma pada tahap signifikan 1%. Dapat diperhatikan nisbah odds bagi pemboleh ubah bebas sasaran ialah 0.2, iaitu kurang dari 1. Secara spesifik, peningkatan satu unit dalam sasaran akan menyebabkan pengurangan sebanyak 80% untuk prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Manakala tiada hubungan yang signifikan bagi pemboleh ubah kawalan **jantina**.

4.6.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Kajian ini mengesahkan pemilik kempen yang mengalami masalah **kemiskinan ekonomi** mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk berjaya. Manakala hasil kajian ini menunjukkan tiada hubungan di antara kemiskinan keupayaan dan kemiskinan sosial terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Hal ini bermaksud orang ramai lebih bersimpati untuk menderma kepada pemilik kempen yang mengalami kekurangan dari segi pendapatan berbanding masalah kemiskinan keupayaan dan sosial.

Penemuan kajian ini berbeza dengan kajian Wagle (2005, 2008) yang menekankan kemiskinan keupayaan dan sosial adalah perkara yang menjadi keutamaan berbanding kemiskinan ekonomi. Walau bagaimanapun, kajian ini menyokong kajian X. Wang et al. (2016) dan Alkire dan Fang (2019) di mana kemiskinan daripada segi pendapatan menjadi dimensi kemiskinan yang diberi keutamaan. Kemiskinan ekonomi berlaku apabila individu dan/atau isi rumah mengalami kekurangan sumber yang ada bagi memenuhi keperluan asas yang minimum. Jika pemilik kempen yang mengalami kemiskinan ekonomi tidak dibantu, kemiskinan yang berpanjangan akan berlaku dan akan menyebabkan lebih banyak kegagalan dalam generasi golongan miskin ini untuk meningkatkan pendidikan, kesihatan dan kehidupan mereka. Justeru, masyarakat yang memberi sumbangan melalui pendanaan awam merasakan sumbangan tersebut adalah satu usaha yang berupaya memperbaiki taraf pendidikan seseorang, seterusnya memberi kesan kepada akses untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan membantu meningkatkan status ekonomi keluarga dan generasi akan datang.

Dalam usaha mengenal pasti pemilik kempen yang miskin, kemiskinan ekonomi lebih mudah dikendalikan disebabkan ukuran pendapatan yang digunakan sebagai tanda aras bagi bakal pemberi sumbangan menilai tahap kemiskinan pemilik kempen. Namun terdapat juga sifat bukan kewangan iaitu mengaitkan kemiskinan berdasarkan kemampuan mengikut dimensi yang berbeza, seperti kekurangan dari segi keupayaan dan sosial. Sebagaimana pandangan Sen (1997) bahawa kita tidak boleh hanya memfokus pada pendapatan semata-mata, tetapi juga harus mempertimbangkan bagaimana pelaburan dalam keupayaan dan sosial berperanan untuk produktiviti

ekonomi. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini menunjukkan pemilik kempen yang berada dalam kelompok kemiskinan keupayaan dan kemiskinan sosial tidak berhubungan dengan kejayaan kempen pendanaan awam berasaskan derma.

Bagi **kemiskinan keupayaan**, individu dan/atau isi rumah yang mempunyai sekurang-kurangnya satu daripada kriteria berikut: miskin dari segi tahap kesihatan yang rendah, umur tua, ibu tunggal dan orang kurang upaya akan cenderung untuk tergolong dalam 'isi rumah rentan', iaitu seseorang mudah jatuh miskin atau kurang kemampuan secara tiba-tiba (Laily 2017). Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati maklumat yang kurang dan isyarat yang tidak tepat membuatkan masyarakat tidak menyedari kepentingan untuk membantu pemilik kempen yang mengalami kemiskinan keupayaan. Kemiskinan keupayaan sering dianggap masyarakat sebagai keadaan yang sukar untuk diselesaikan dan dielakkan. Namun, masyarakat perlu sedar bahawa seseorang yang mempunyai kecacatan fizikal memerlukan lebih banyak pendapatan untuk mengekalkan kehidupan dan mobiliti daripada orang lain (X. Wang et al. 2016). Usaha membantu dari segi kewangan kepada individu yang memerlukan untuk tujuan pendidikan adalah amat penting bagi mengelakkan pemilik kempen yang mengalami kemiskinan keupayaan terperangkap menjadi golongan isi rumah rentan. Oleh itu, sumbangan melalui pendanaan awam akan membantu mereka dalam usaha meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka supaya menjadikan kehidupan mereka lebih bermakna.

Kemiskinan sosial juga didapati tidak berhubungan dengan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Kemiskinan sosial menyebabkan individu dan/atau isi rumah mengalami kekurangan struktur sokongan disebabkan masalah dari status pekerjaan dan mengalami kekangan terhadap akses ke sumber-sumber kewangan. Kemiskinan yang dialami membelenggu sikap dan pemikiran pemilik kempen tersebut, seterusnya membawa kepada masalah tindakan. Sebagaimana kajian Laily (2017), individu yang mengalami kemiskinan sosial sering dikaitkan dengan keadaan yang subjektif, tidak jelas dan mempunyai ciri tertentu seperti tidak bersemangat, status sosial yang rendah, peminggiran daripada jaringan sosial dan kemurungan. Ini adalah faktor-faktor dalaman yang mencetuskan kemunduran bagi

pemilik kempen yang mengalami kemiskinan sosial dalam meningkatkan kejayaan kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Walaupun mengambil kira faktor kemiskinan, hasil kajian bagi pemboleh ubah kawalan kajian ini iaitu sasaran dan jantina menunjukkan keputusan yang sama dengan Model 1 kajian ini. Jumlah pembiayaan yang disasarkan (**sasaran**) menunjukkan bakal pemberi sumbangan masih menghadapi masalah maklumat tak simetri di mana mereka mengalami keraguan tentang keberhasilan projek yang bersaiz besar. Sebagaimana kajian-kajian lepas, kajian mendapati semakin tinggi jumlah yang diminta, semakin rendah kemungkinan untuk mencapai sasaran (Lagazio & Querci 2018; Schwienbacher 2018; Zheng et al. 2014). Sebagaimana model 1, faktor **jantina** juga didapati tidak mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

4.7 PENGUJIAN MODEL 3 (Hubungan antara Kemiskinan Multidimensi dalam menyederhanakan kesan Modal Sosial Multidimensi terhadap Prestasi Kempen Pendanaan Awam berasaskan Derma untuk tujuan Pendidikan)

4.7.1 Analisis Awal

Kajian ini seterusnya mengkaji pengaruh kemiskinan multidimensi sama ada berupaya menyederhanakan kesan modal sosial terhadap kempen pendanaan awam berasaskan derma. Kajian ini membahagikan model 3 kepada tiga sub model iaitu:

Model 3a - Pengaruh kemiskinan ekonomi dalam menyederhanakan kesan modal sosial multidimensi terhadap kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan

Model 3b - Pengaruh kemiskinan keupayaan dalam menyederhanakan kesan modal sosial multidimensi terhadap kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan

Model 3c - Pengaruh kemiskinan sosial dalam menyederhanakan kesan modal sosial multidimensi terhadap kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan

Seterusnya, ujian nisbah kebolehjadian digunakan untuk menguji koefisien berbilang (*multiple coefficients*) (Long & Freese 2006). Ujian ini mendapati LR chi-ganda dua model logit penuh adalah sama dengan LR-chi ganda dua model logit pintasan iaitu 77.77 bagi model 3a, 69.13 bagi model 3b dan 78.71 bagi model 3c, maka hipotesis nol semua koefisien kecuali pintasan adalah sifar (Long & Freese 2006).

Ujian Hosmer-Lemeshow menunjukkan hasil ujian persamaan model yang dianggarkan dan pemerhatian. Hasil ujian yang tidak signifikan ($p > 0.05$) menerangkan model kajian adalah sepadan (*fit*) iaitu menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara data anggaran model regresi logistik dengan data pemerhatian.

Seterusnya, Ujian Kepadanan Pengelasan juga dijalankan di mana sebanyak 75.37% jangkaan yang dibuat oleh model 3a adalah tepat, 77.34% bagi model 3b dan 73.89% bagi model 3c. Analisis ROC pula menunjukkan kawasan di bawah garis ROC bagi model 3a, 3b dan 3c ialah 0.8355, 0.8152 dan 0.8352. Ini membuktikan model tersebut adalah dipadankan dengan baik memandangkan kawasan di bawah garis ROC perlu berada di antara 0.5 dan 1.0 (Alan Agresti 2007).

Seterusnya, terdapat beberapa kaedah untuk mendiagnostik model. Hasil keputusan pengujian kekolinearan berbilang menunjukkan nilai purata VIF adalah kurang daripada 10, iaitu 2.80 (Model 3a), 2.68 (Model 3b) dan 2.80 (Model 3c). Kesemua nilai toleransi $1/VIF$ juga adalah tidak melebihi 1. Ini menunjukkan bahawa tiada masalah multikolineariti dalam model ini memandangkan nilai VIF kurang daripada 10 dan kesemua nilai $1/VIF$ tidak melebihi 1 (Gujarati & Porter 2009). Selain itu, kesemua nilai-nilai toleransi $1/VIF$ pemboleh ubah dalam model ini menunjukkan nilai yang lebih besar daripada 0.2 menunjukkan pekali dianggarkan adalah stabil (Mehmetoglu & Jakobsen 2017).

Hasil pengujian kelinearan menunjukkan model 3a, 3b dan 3c juga tidak mempunyai masalah kelinearan di mana pecahan kes yang dicerap tidak melebihi

kebarangkalian yang dianggarkan (Long & Freese 2006). Kesimpulannya, setelah melalui beberapa peringkat pengujian, Model 3 ini didapati sah (*valid*) dan memberikan keputusan yang baik.

4.7.2 Hasil Analisis Kajian

Hipotesis 3 mencadangkan terdapat hubungan di antara kemiskinan multidimensi dalam menyederhanakan kesan modal sosial multidimensi terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Merujuk Jadual 4.13, kajian ini mendapati tiada hubungan yang signifikan di antara kemiskinan multidimensi dalam menyederhanakan kesan modal sosial terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Oleh itu, hipotesis 3a hingga 3i tidak disokong (kecuali hipotesis 3g).

Walau bagaimanapun, hipotesis 3g mencadangkan terdapat hubungan di antara kemiskinan sosial dalam menyederhanakan kesan modal sosial struktur terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan negatif di antara kemiskinan sosial dalam menyederhanakan kesan modal sosial struktur terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Nisbah kemungkinan menunjukkan pemilik kempen yang menghadapi kemiskinan sosial akan menyederhanakan kesan modal sosial struktur sebanyak 0.91 kali dalam meningkatkan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma. Oleh itu, hipotesis 3g disokong.

Seterusnya, kajian ini mendapati hasil analisis bagi pemboleh ubah modal sosial Model 3a adalah konsisten dengan Model 1 dan Model 2 di mana modal sosial struktur (rangkaian) dan modal sosial hubungan (obligasi) adalah signifikan dan positif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan pada tahap signifikan 10% dan 1% masing-masing. Dapat diperhatikan log nisbah *odds* bagi pemboleh ubah bebas rangkaian ialah 1.03 yang menunjukkan bahawa satu unit peningkatan dalam rangkaian akan menyebabkan peningkatan sebanyak 1.03 kali untuk prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Ini menunjukkan semakin banyak perkongsian rangkaian media sosial, semakin banyak dana berjaya dikumpulkan. Seterusnya, log nisbah *odds* bagi pemboleh ubah bebas

obligasi ialah 11.16, dengan kata lain menunjukkan bahawa penglibatan obligasi akan menyebabkan peningkatan sebanyak 11.16 kali untuk prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Ini menunjukkan apabila pemilik kempen menderma kepada kempen lain, semakin tinggi kejayaan kempen untuk meningkatkan dana.

Walau bagaimanapun, hasil analisis Model 3b mendapati tiada hubungan yang signifikan antara modal sosial kognitif (perkataan) dan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Manakala, Model 3b dan 3c menunjukkan tiada hubungan yang signifikan terhadap semua pemboleh ubah modal sosial kecuali pada Model 3c yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif di antara modal sosial struktur (rangkaian) terhadap prestasi kempen pendanaan awam untuk tujuan pendidikan pada tahap signifikan 1%. Dapat diperhatikan log nisbah *odds* bagi pemboleh ubah bebas rangkaian ialah 1.11 yang menunjukkan bahawa satu unit peningkatan dalam rangkaian akan menyebabkan peningkatan sebanyak 1.11 kali untuk prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Ini menunjukkan semakin banyak perkongsian rangkaian media sosial, semakin banyak dana berjaya dikumpulkan.

Hasil analisis kajian ini juga mendapati kesemua model menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara semua jenis kemiskinan iaitu kemiskinan ekonomi (Miskin Ekonomi), kemiskinan keupayaan (Miskin Upaya) dan kemiskinan sosial (Miskin Sosial) terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Kesemua model juga mendapati pemboleh ubah kawalan iaitu sasaran (LnSasaran) menunjukkan hubungan yang signifikan dan negatif terhadap prestasi kempen pada tahap signifikan 1%. Nisbah *odds* menunjukkan peningkatan satu unit sasaran akan mengurangkan prestasi kejayaan kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan sebanyak 79.2% bagi Model 3a, 78.2% bagi Model 3b dan 80.6% bagi Model 3c.

Manakala pemboleh ubah kawalan bagi jantina menunjukkan tiada hubungan yang signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan kecuali pada Model 3a. Model 3a mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan negatif di antara jantina dan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan pada tahap signifikan 10%. Nisbah *odds* menunjukkan pemilik kempen yang terdiri daripada lelaki akan mengurangkan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma sebanyak 48% berbanding pemilik kempen perempuan.



Jadual 4.13 Hubungan antara Kemiskinan Multidimensi dalam menyederhanakan kesan Modal Sosial Multidimensi terhadap Prestasi Kempen Pendanaan Awam berasaskan Derma untuk tujuan Pendidikan

Pemboleh ubah	Model 3a		Model 3b		Model 3c	
	Koefisyen	Nisbah Odds	Koefisyen	Nisbah Odds	Koefisyen	Nisbah Odds
Modal Sosial Struktur - Rangkaian	.0314162 *	1.031915	.0275668	1.02795	.1045384 ***	1.110198
	(.0165307)		(.0193623)		(.0238161)	
Modal Sosial Hubungan - Obligasi	2.408311 ***	11.11517	1.180254	3.25502	1.189247	3.284606
	(.7885237)		(.8318749)		(.960372)	
Modal Sosial Kognitif - Perkataan	.0007341	1.000734	.0015679	1.001569	.000647	1.000647
	(.0012037)		(.0014695)		(.0013634)	
Kemiskinan Ekonomi	1.041041	2.832162				
	(.8555067)					
Kemiskinan Keupayaan			.2665432	1.305444		
			(0.8170586)			
Kemiskinan Sosial					-1.024322	.3590397
					(0.9063914)	
Rangkaian*Kemiskinan Ekonomi	.0160096	1.016138				
	(.026088)					
Obligasi*Kemiskinan Ekonomi	-1.725437	.1780951				
	(1.570841)					
Perkataan*Kemiskinan Ekonomi	.0001163	1.000116				
	(.0018855)					
Rangkaian*Kemiskinan Keupayaan			.0232242	1.023496		
			(.0293933)			
Obligasi*Kemiskinan Keupayaan			1.439761	4.219686		
			(1.400984)			
Perkataan*Kemiskinan Keupayaan			-.0015007	.9985004		
			(.0018841)			

Bersambung...

...sambungan

Pemboleh ubah	Model 3a		Model 3b		Model 3c	
	Koefisyen	Nisbah Odds	Koefisyen	Nisbah Odds	Koefisyen	Nisbah Odds
Rangkaian*Kemiskinan Sosial					-.0914728 *** (.0270238)	.9125862
Obligasi*Kemiskinan Sosial					1.475638 (1.362278)	4.373824
Perkataan*Kemiskinan Sosial					.0012491 (.0020398)	1.00125
LnSasaran	-1.568516 *** (.2811372)	.2083541	-1.521088 *** (.2650595)	.2184741	-1.640229 *** (.2870484)	.1939357
Jantina	-.6599619 * (.3757251)	.516871	-1.521088 (.2650595)	.5991186	-.4202046 (.3569835)	.6569124
Bilangan cerapan	203		203		203	
Log kebolehjadian	-99.447353		-103.76512		-98.977448	
Chi2	77.77		69.13		78.71	
p	0.0000		0.0000		0.0000	
Pseudo R2	0.2811		0.2499		0.2845	
Wald Chi2	47.01		46.45		60.13	

*** p< 0.01, **p< 0.05, * p< 0.1

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

4.7.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Hasil kajian ini mendapati kemiskinan ekonomi tidak mempengaruhi modal sosial multidimensi dalam menilai prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Apabila seseorang individu mengalami kekurangan dari segi kewangan, mereka tiada wang untuk melabur dalam stok modal sosial mereka. Hal ini seiring dengan pandangan Harrison et al. (2019) yang menyatakan kemiskinan ekonomi yang dialami adalah cabaran untuk golongan miskin membentuk modal sosial mereka. Justeru, individu dalam komuniti yang lebih miskin cenderung tidak terlibat dalam aktiviti yang kondusif untuk menguatkan modal sosial mereka kerana kekurangan sumber material untuk melakukannya serta mempunyai masa yang terhad untuk melabur dan membina rangkaian dalam hubungan.

Malah budaya kebergantungan terhadap bantuan daripada pihak kerajaan dan bukan kerajaan juga merupakan ciri budaya miskin yang sering membelenggu pemikiran dan dimanifestasikan ke dalam kehidupan golongan yang mengalami kemiskinan ekonomi. Mereka bukan sahaja berharap agar bantuan sedia ada diteruskan malah menginginkan pelbagai jenis bantuan tambahan lain di masa hadapan.

Dalam konteks pendanaan awam, pemilik kempen iaitu pelajar yang mengalami kemiskinan ekonomi hanya mengharapkan pihak pengendali platform untuk mempromosikan dan menghebahkan kempen mereka tanpa tiada usaha dari pemilik kempen sendiri untuk meningkatkan modal sosial mereka. Modal sosial bukanlah alternatif untuk menyediakan sumber kewangan kepada masyarakat yang menghadapi kemiskinan ekonomi. Sebaliknya, ia merupakan kaedah penting untuk meningkatkan sumber daya tersebut dan memanfaatkannya dengan lebih berkesan bagi mengurangkan kemiskinan.

Hasil kajian ini juga mendapati kemiskinan keupayaan tidak mempengaruhi kesan modal sosial multidimensi dalam menilai prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Pemilik kempen yang mengalami kemiskinan keupayaan akan menyebabkan mereka kurang kesedaran dan keyakinan diri terhadap keupayaan diri sendiri untuk bergerak maju kerana faktor sekeliling yang serba

kekurangan, apatah lagi ingin meningkatkan modal sosial mereka. Hal ini seiring dengan pemerhatian Lötter (2011) di mana kemiskinan keupayaan akan merendahkan martabat seorang individu kerana keadaan serba kekurangan akan menyukarkan seorang yang mengalami kemiskinan keupayaan untuk memenuhi keperluan asas harian dan merana dalam pelbagai bentuk penderitaan.

Seterusnya, kajian ini melihat Model 3c sebagai model terbaik untuk menerangkan persoalan kajian ketiga, iaitu hubungan interaksi di antara kemiskinan multidimensi dan modal sosial multidimensi. Hasil analisis Model 3c mendapati modal sosial dimensi struktur adalah berhubungan secara signifikan dan positif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma. Sebagaimana kajian Zheng et al. (2014), Kromidha & Robson (2016), Madrazo-lemarroy et al. (2019) dan Mollick (2014), saiz **rangkaian** yang lebih besar mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk mengumpulkan lebih banyak dana berbanding rangkaian sosial yang kecil. Hal ini menyokong teori modal sosial iaitu rangkaian sosial menjadi isyarat kepada bakal pemberi sumbangan untuk mengatasi masalah maklumat tidak simetri antara mereka.

Seterusnya, hasil analisis kajian ini menunjukkan modal sosial dimensi hubungan iaitu **obligasi** tidak berhubungan secara signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma. Hal ini bertentangan dengan kajian-kajian terdahulu yang menyokong hubungan dimensi hubungan dalam meningkatkan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan ganjaran (Butticè et al. 2017; Colombo et al. 2014; Davies & Giovannetti 2018; Zheng et al. 2014). Hal ini disebabkan oleh perbezaan jenis pendanaan awam dan responden yang terlibat dalam pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Kebanyakan kajian-kajian lepas memilih golongan usahawan sebagai responden kajian disebabkan fokus kajian adalah pendanaan awam berasaskan ganjaran. Dalam konteks kajian ini, golongan pelajar menjadi fokus kajian di mana mereka adalah golongan yang mengalami masalah kekurangan sumber dan juga mencari sokongan kewangan melalui pendanaan orang ramai. Justeru, obligasi tidak memainkan peranan dalam meningkatkan prestasi pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Selanjutnya, kajian ini menggunakan jumlah **perkataan** pada teks kempen di Skolafund sebagai proksi kepada modal sosial dimensi kognitif. Walau bagaimanapun, hasil analisis Model 3c mendapati dimensi kognitif tidak mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam. Penemuan kajian ini adalah tidak seiring dengan hasil kajian oleh Madrazo-lemarroy et al. (2019), Skirnevskiy et al. (2017) dan Zheng et al. (2014) yang mendapati dimensi kognitif berhubungan dengan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan ganjaran. Manakala, kajian ini menunjukkan hasil yang sebaliknya di mana jumlah perkataan pada teks kempen tidak mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Kajian ini mendapati teks mengenai kemiskinan yang dihadapi oleh pemilik kempen memainkan berperanan lebih baik berbanding teks yang panjang kerana menimbulkan kesukaran kepada orang ramai untuk membezakan antara maklumat yang relevan atau maklumat yang tidak diperlukan.

Bagi peranan kemiskinan multidimensi dalam menyederhanakan modal sosial multidimensi, dimensi kemiskinan sosial dilihat berupaya menyederhanakan kesan modal sosial struktur dalam menilai prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Kemiskinan sosial yang dialami oleh pemilik kempen menjadi perkara yang dipertimbangkan oleh masyarakat dalam membuat keputusan menderma dalam pendanaan awam berasaskan derma, berbanding hanya menumpukan modal sosial yang dimiliki oleh pemilik kempen. Sebagaimana pandangan Laily (2017), individu yang tersisih dari segi ketersampaian (*accessibilities*), penyertaan (*participations*) dan peluang (*opportunities*) akan terpinggir dari menikmati pelbagai kemudahan yang dapat meningkatkan taraf hidup. Secara tidak langsung stok modal sosial mereka akan berkurang.

Seterusnya, bagi modal sosial hubungan, kemiskinan sosial didapati tidak menyederhanakan kesan modal sosial hubungan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Sebagaimana pendapat kajian terdahulu yang mendapati masyarakat sering meletakkan 'penyertaan' sebagai syarat untuk mendapatkan peluang bersaing bagi mencapai kemajuan dan pembangunan (Abdillah & Sulehan 2015). Dalam konteks pendanaan awam, sekiranya pemilik kempen melibatkan diri dengan menyertai menyumbang kepada kempen lain, ia

menjadi isyarat kepada bakal pemberi sumbangan mengenai sikap pemilik kempen tersebut. Kesimpulannya, modal sosial hubungan memainkan peranan sendiri tanpa dipengaruhi oleh dimensi kemiskinan sosial yang dialami oleh pemilik kempen.

Kajian ini juga mendapati kemiskinan sosial tidak menyederhanakan kesan modal sosial kognitif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Hal ini berikutan masyarakat mengandaikan pemilik kempen yang mengalami kemiskinan sosial menyediakan teks kempen hanya untuk memenuhi keperluan platform pendanaan awam tanpa berusaha memberikan perkongsian makna yang lengkap. Sebagaimana kajian Laily (2017) yang menekankan kemiskinan sosial menyebabkan seseorang itu mengalami diskriminasi di mana mereka seakan dipaksa untuk melibatkan diri dalam hubungan sosial. Ketidakmampuan mereka untuk menyertai sepenuhnya kehidupan bermasyarakat membawa kepada kepincangan terhadap hubungan sosial.

4.8 UJIAN KETEGUHAN (*ROBUSTNESS*)

Bagi menguji keteguhan model, kajian menganggar semula model yang dicadangkan dengan menggunakan ukuran alternatif untuk pemboleh ubah tidak bersandar bagi modal sosial multidimensi (rujuk Jadual 4.14).

Pertama, kajian ini menguji kemungkinan adanya hubungan antara **Twitter** (modal sosial dimensi struktur) dan prestasi kempen pendanaan awam. Lu et al. (2014) dan Madrazo-lemarroy et al. (2019) mengkaji hubungan antara perkongsian di Twitter melalui kicauan (tweet) mengenai kempen pendanaan awam dan telah mengenal pasti ia menyumbang kepada prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Dalam Model Asas, kajian ini menggunakan Facebook sebagai proksi kepada modal sosial struktur. Jenis rangkaian sosial yang berlainan menjangkau kumpulan sasaran yang berlainan (Madrazo-lemarroy et al. 2019). Oleh itu ia mungkin memberikan kesan yang berlainan ke atas prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma. Madrazo-lemarroy et al. (2019) menyatakan dalam kajian mereka bahawa Facebook dan Twitter mempunyai tujuan yang berbeza, jadi ia tidak boleh dipertimbangkan pada tahap yang sama. Twitter adalah rangkaian sosial yang baik untuk mengembangkan bilangan kenalan rangkaian. Sebaliknya, Facebook adalah

rangkaian yang membolehkan orang ramai mengekalkan hubungan yang berterusan. Justeru ujian keteguhan dilakukan bagi mengenal pasti pengaruh jenis rangkaian sosial dalam mempengaruhi prestasi kempen. Hasil analisis ujian keteguhan ini menunjukkan pengukuran alternatif bagi pemboleh ubah modal sosial struktur ini iaitu bilangan kicauan di Twitter adalah selari dengan hasil kajian yang telah dikemukakan sebelumnya (Model Asas). Ini mengesahkan modal sosial struktur mempunyai hubungan yang signifikan dan positif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma tanpa mengira sama ada pemilik kempen tersebut menggunakan rangkaian sosial Facebook ataupun Twitter.

Kedua, kajian ini menguji kemungkinan adanya hubungan antara **kemaskini** (modal sosial hubungan) terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Dalam Model Asas, kajian ini menggunakan obligasi sebagai proksi kepada modal sosial hubungan. Dalam pendanaan awam, usaha pengurusan dan pemantauan mengenai kempen dapat dilakukan melalui ruangan kemaskini (*updates*) yang disediakan. Kemaskini mengenai kempen adalah isyarat mengenai kualiti projek untuk mengurangkan kekeliruan bakal pemberi sumbangan dan menunjukkan sikap aktif pemilik kempen dalam usaha untuk menyelesaikan masalah maklumat tak simetri, seterusnya mempengaruhi keputusan bakal pemberi sumbangan secara positif (Block et al. 2018; Mollick 2014). Hal ini selari dengan Adler dan Kwon (2002) yang menekankan modal sosial memerlukan penyelenggaraan secara berkala. Hasilnya, pemilik kempen dapat mengekalkan hubungan antara pemberi sumbangan dan mewujudkan reputasi sebagai pemilik kempen yang bertanggungjawab dan mudah diakses. Hasil analisis bagi ujian keteguhan untuk modal sosial hubungan adalah selari dengan model asas dengan mengesahkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif di antara bilangan kemaskini dan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Penemuan ini juga menyokong kajian Wu, Wang dan Li (2015) dan Madrazo-lemarroy et al. (2019) yang menggunakan pemboleh ubah bilangan kemaskini untuk modal sosial hubungan dalam kajian mereka.

Ketiga, modal sosial dimensi kognitif diuji dengan menggunakan pengukuran alternatif iaitu bilangan **ayat** yang ada pada ruangan kempen ‘*Why are you fundraising your scholarship?*’ di platform Skolafund. Dalam model asas, pemboleh ubah modal

sosial dimensi kognitif ini diukur dengan menggunakan bilangan perkataan. Untuk ukuran alternatif ini iaitu bilangan ayat, ia dikira dengan menggunakan alat web '*Text Analyzer*' sebagaimana yang digunakan dalam kajian Madrazo-lemarroy et al. (2019). Pemilik kempen berusaha memberi penerangan yang jelas melalui pelbagai bentuk keterangan mengenai projek mereka di platform pendanaan awam (Mollick 2014; Zheng et al. 2014). Teks adalah cara pertama untuk berkomunikasi dengan pendana yang berpotensi, dan ia dilakukan melalui penerangan projek dengan hasrat untuk meyakinkan mereka tentang kesesuaian, daya maju dan kredibiliti projek supaya dapat mengatasi masalah maklumat tak simetri yang berlaku (Madrazo-lemarroy et al. 2019). Walau bagaimanapun, hasil analisis ujian keteguhan ini mengukuhkan penemuan seperti pada model asas di mana modal sosial kognitif tidak mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma. Hasil kajian ini berbeza dengan kajian Madrazo-lemarroy et al. (2019). Ia berkemungkinan disebabkan oleh faktor yang sama seperti yang diterangkan dalam dapatan kajian modal asas apabila bilangan perkataan digunakan sebagai ukuran pemboleh ubah modal sosial kognitif. Seperti yang diutarakan oleh Bi et al. (2017), elemen panjangnya teks tidak menarik minat orang ramai untuk memberikan dana bagi menyokong kempen yang berbentuk kebajikan dan kemasyarakatan. Malah Moy et al. (2018) berpendapat teks kempen yang panjang menimbulkan kesukaran kepada orang ramai untuk membezakan antara maklumat yang relevan atau maklumat yang tidak diperlukan. Justeru, kajian ini berpendapat elemen ciri-ciri kemiskinan yang terdapat pada penerangan di halaman kempen memainkan berperanan lebih baik dalam menyediakan maklumat yang relevan bagi meningkatkan prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

4.9 KESIMPULAN

Dalam bab ini, hasil kajian telah dianalisis dan dibincangkan. Analisis deskriptif mengenai responden dan pemboleh ubah yang terlibat juga telah ditunjukkan pada awal bab ini. Dengan menggunakan analisis regresi logistik, keputusan statistik ditunjukkan dan dibincangkan. Hasil analisis kajian ini telah diringkaskan dalam Jadual 4.15 di bawah. Bab berikutnya akan menerangkan kesimpulan dan implikasi kajian.

Jadual 4.14 Ujian Keteguhan (*Robustness*)

Pemboleh ubah	Model Asas		Modal Sosial Struktur – Twitter		Modal Sosial Hubungan – Kemaskini		Modal Sosial Kognitif – Ayat	
	Koefisyen	Nisbah Odds	Koefisyen	Nisbah Odds	Koefisyen	Nisbah Odds	Koefisyen	Nisbah Odds
Modal Sosial Struktur	.0378825 ** (.0153703)	1.038609	.0051551 * (.0031225)	1.005168	.0299599 * (.0155062)	1.030413	.0424563 ** (.0168519)	1.04337
Modal Sosial Hubungan	1.778965 *** (.6599362)	5.923721	1.811253 *** (.7021894)	6.118109	1.481805 * (.8799607)	4.400884	1.841763 ** (.659283)	6.307646
Modal Sosial Kognitif	.0009742 (.0009787)	1.000975	.0008941 (.0009807)	1.000894	.0013382 (.0009884)	1.001339	.0009966 (.0161622)	1.000997
LnSasaran	-1.535437 *** (.2636515)	.2153616	-1.385905 *** (.2453067)	.2500973	-1.542046 *** (.2548438)	.2139429	-1.512541 *** (.2514173)	.2203495
Jantina	-.4782007 (.3438103)	.6198978	-.5638893 * (.3413232)	.5689918	-.2877817 (.3410462)	.7499253	-.4566957 (.3410727)	.633373
Bilangan cerapan	203		203		203		203	
Log kebolehjadian	67.13		-107.03122		-105.61289		-105.32878	
Chi2	-104.76782		62.60		65.44		66.01	
p	0.0000		0.0000		0.0000		0.0000	
Pseudo R2	0.2426		0.2263		0.2365		0.2386	
Wald Chi2	44.72		41.67		40.84		46.91	

*** p< 0.01, **p< 0.05, * p< 0.1

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

Jadual 4.15 Ringkasan Hasil Analisis Kajian

Hipotesis	Penyataan Hipotesis	Keputusan
H1a	Modal sosial struktur adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Disokong
H1b	Modal sosial hubungan adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Disokong
H1c	Modal sosial kognitif adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Tidak disokong
H2a	Kemiskinan ekonomi adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Disokong
H2b	Kemiskinan keupayaan adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Tidak disokong
H2c	Kemiskinan sosial adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Tidak disokong
H3a	Kemiskinan ekonomi adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial struktur terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Tidak disokong
H3b	Kemiskinan ekonomi adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial hubungan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Tidak disokong
H3c	Kemiskinan ekonomi adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial kognitif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Tidak disokong
H3d	Kemiskinan keupayaan adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial struktur terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Tidak disokong
H3e	Kemiskinan keupayaan adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial hubungan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Tidak disokong
H3f	Kemiskinan keupayaan adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial kognitif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Tidak disokong
H3g	Kemiskinan sosial adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial struktur terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Disokong
H3h	Kemiskinan sosial adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial hubungan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Tidak disokong
H3i	Kemiskinan sosial adalah signifikan dalam menyederhanakan kesan modal sosial kognitif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan	Tidak disokong

Sumber: Data dianalisis oleh pengkaji (2020)

BAB V

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Pendanaan awam adalah pembiayaan alternatif bagi aktiviti pengumpulan dana bagi memenuhi keperluan kewangan sesuatu usaha atau projek. Terdapat beberapa jenis pendanaan awam termasuklah pendanaan awam berasaskan ganjaran, derma, ekuiti dan pinjaman. Pendanaan awam melibatkan tiga pihak berkepentingan iaitu pemilik kempen (pemohon dana), pemberi sumbangan dan pengendali platform. Dalam operasi pendanaan awam, pembiayaan adalah berjaya sekiranya dana yang disasarkan berjaya dicapai. Walau bagaimanapun, masih terdapat kempen yang tidak berjaya mencapai dana yang disasarkan. Hal ini berikutan masalah maklumat tak simetri yang berlaku di antara pemilik kempen dan bakal pemberi sumbangan.

Teori modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi memberikan jalan penyelesaian kepada masalah ini. Teori modal sosial menyatakan bahawa isyarat perlu diberikan kepada bakal pemberi sumbangan tentang projek atau kempen yang memerlukan dana sumbangan tersebut. Isyarat-isyarat ini berupaya meningkatkan kepercayaan pemberi sumbangan ke atas pemilik kempen dan kempen yang mereka lancarkan. Akhirnya mereka akan memberikan sumbangan yang diminta dan kempen tersebut berjaya mencapai sasaran dana. Dengan melihat modal sosial daripada perspektif yang lebih komprehensif, isyarat-isyarat ini mewakili tiga dimensi modal sosial iaitu struktur, hubungan dan kognitif. Dimensi-dimensi modal sosial ini diuji untuk melihat pengaruhnya ke atas kejayaan kempen pendanaan awam.

Cara lain untuk meningkatkan kejayaan kempen pendanaan awam adalah dengan memberikan gambaran dan penerangan tentang kemiskinan yang dialami oleh

pemilik kempen. Setiap jenis kemiskinan memberikan pengaruh yang berbeza ke atas kejayaan kempen dan oleh kerana itu, kemiskinan multidimensi yang merangkumi kemiskinan ekonomi, keupayaan dan sosial digunakan sebagai teori pendasar dalam kajian ini.

Justeru, kajian ini secara umumnya mengkaji prestasi pendanaan awam berasaskan derma di Malaysia secara empirikal dengan menganalisis data platform Skolafund. Platform Skolafund adalah pengendali platform pendanaan awam yang memberi tumpuan terhadap pengumpulan dana bagi tujuan pendidikan. Secara spesifiknya, pengaruh modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi diuji dalam kajian ini bagi melihat hubungannya ke atas prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Melalui hasil analisis, kajian ini merujuk kepada Model 1 bagi menerangkan kesan modal sosial multidimensi terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Kajian ini mengesahkan bahawa modal sosial struktur (rangkaian) dan modal sosial hubungan (obligasi) mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Manakala, modal sosial kognitif (perkataan) tidak mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Modal sosial struktur diuji menggunakan pemboleh ubah rangkaian dengan melihat bilangan perkongsian di media sosial Facebook. Kajian menunjukkan modal sosial struktur adalah signifikan terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Ini menunjukkan semakin banyak perkongsian mengenai kempen pendanaan awam di media sosial, semakin tinggi kebarangkalian kempen tersebut untuk berjaya. Ini adalah sesuatu yang bertepatan dengan teori modal sosial yang memberikan penekanan kepada saiz rangkaian yang besar untuk mendapatkan dana yang lebih banyak. Rangkaian sosial juga berupaya memberikan isyarat yang baik dalam menyampaikan maklumat mengenai kempen tertentu yang boleh mengurangkan masalah maklumat tak simetri mengenai pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Malah dalam situasi semasa, banyak

kempen-kempen yang mencari sumbangan ini menunjukkan kejayaan apabila ditularkan melalui perkongsian melalui media sosial.

Seterusnya, kajian menunjukkan modal sosial hubungan iaitu menggunakan proksi obligasi berhubungan secara signifikan dan positif terhadap prestasi pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Sikap obligasi ini diterjemahkan melalui tindakan pemilik kempen yang memberi sumbangan kepada pemilik kempen yang lain dalam platform yang sama. Berdasarkan kepada teori modal sosial, apabila seseorang pemilik kempen menerima pembiayaan daripada penaja lain, mereka mungkin merasakan bahawa ia adalah tanggungjawab atau komitmen beliau untuk menaja kempen lain yang turut sama mencari dana untuk kempen mereka. Malah, tindakan tersebut menunjukkan sikap timbal balik yang dianggap sebagai komponen utama dalam tingkah laku menderma. Teori modal sosial juga menekankan norma timbal balik mendorong kepercayaan sosial dan kerjasama kerana berupaya mengurangkan ketidakpastian, dan menyediakan model untuk bekerjasama pada masa hadapan.

Prosedur platform pendanaan awam yang tidak menetapkan sebarang amaun minima untuk menderma telah memudahkan semua individu termasuk pemilik kempen untuk melakukan sumbangan. Hal ini berikutan pemilik kempen yang memohon dana melalui pendanaan awam bagi membiayai kos pendidikan tinggi adalah pelajar IPT yang sama-sama menghadapi masalah kewangan untuk membiayai kos pendidikan. Oleh itu, kekangan tersebut bukanlah satu alasan untuk pemilik kempen menderma bagi mewujudkan sikap timbal balik dalam kalangan pemilik kempen pada platform yang sama. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan kepercayaan dan reputasi setiap pemilik kempen, seterusnya meningkatkan kejayaan kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Selanjutnya, modal sosial dimensi kognitif yang diukur melalui bilangan perkataan pada teks kempen tidak mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Teks kempen yang panjang akan menyebabkan bakal pemberi sumbangan mengalami masalah untuk menentukan maklumat yang relevan atau tidak. Bakal pemberi sumbangan tidak menjadikan

bilangan perkataan sebagai isyarat yang sesuai bagi mengatasi masalah maklumat tak simetri, sebaliknya mereka hanya bergantung kepada masalah kemiskinan yang dihadapi pemilik kempen sebagai kandungan maklumat yang dianggap relevan dengan keperluan pembiayaan yang dipohon.

Selain modal sosial, teks kempen mengenai kemiskinan juga berupaya memberikan isyarat bagi mengatasi masalah asimetri yang dihadapi oleh bakal pemberi sumbangan. Bakal pemberi sumbangan menghadapi kesukaran untuk menentukan kempen manakah yang lebih utama dan memerlukan bantuan segera berbanding dengan yang lain. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti masalah kemiskinan yang dihadapi oleh pemilik kempen daripada aspek kemiskinan multidimensi melalui teks pada kempen pendanaan awam dan seterusnya mengkaji hubungan dimensi kemiskinan tersebut terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk pembiayaan pendidikan. Maklumat kemiskinan pada teks kempen dinilai dan mendapati pemberi sumbangan lebih tertarik untuk menderma kepada pemilik kempen yang mengalami kemiskinan ekonomi berbanding kemiskinan keupayaan dan kemiskinan sosial. Hal ini berikutan, pemilik kempen yang mengalami kemiskinan ekonomi menyatakan masalah mereka dengan lengkap iaitu menyenaraikan jumlah pendapatan dan perbelanjaan mereka dan isi rumah. Justeru, ia berupaya menarik bakal pemberi sumbangan untuk memberi sumbangan, seterusnya meningkatkan kejayaan kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti pengaruh kemiskinan dalam menyederhanakan kesan modal sosial terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Hasil kajian ini mendapati kemiskinan sosial telah menyederhanakan kesan modal sosial struktur ke atas prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Hal ini bermaksud kemiskinan sosial yang dialami telah menarik masyarakat untuk menderma tanpa bergantung kepada rangkaian sosial pemilik kempen. Apabila mereka menghadapi masalah dari status pekerjaan (contoh: bukan profesional) dan mengalami kekangan terhadap akses ke sumber-sumber kewangan, mengalami kemiskinan sosial, ini akan mengurangkan rangkaian sosial mereka.

Kajian ini seterusnya mendapati jumlah pembiayaan yang disasarkan menunjukkan hubungan yang signifikan dan negatif terhadap prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Pemilik kempen menyatakan jumlah pendanaan yang diperlukan. Ini menggambarkan saiz projek mereka. Kajian ini mendapati semakin tinggi jumlah yang diminta, semakin rendah kemungkinan untuk mencapai sasaran dana. Situasi tersebut menyebabkan bakal pemberi sumbangan menghadapi masalah maklumat tak simetri di mana mereka mengalami keraguan tentang keberhasilan projek yang bersaiz besar. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini mengesahkan faktor jantina tidak memainkan peranan dalam amalan sumbangan derma untuk projek atau kempen pendidikan melalui pendanaan awam.

Secara kesimpulannya, dapatan kajian ini berupaya menerangkan penerapan beberapa modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi sebagai faktor-faktor signifikan yang mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan.

5.2 SUMBANGAN KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti faktor-faktor penentu yang mempengaruhi prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Faktor-faktor penentu ini dipilih berdasarkan kepada modal sosial multidimensi dan kemiskinan multidimensi. Pendidikan dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada pendidikan pengajian tinggi. Kajian ini adalah usaha untuk memberikan pemahaman yang lebih baik dalam menyemarakkan lagi potensi pendanaan awam sebagai alternatif pembiayaan di Malaysia. Oleh itu, impak sebenar kajian ini adalah dalam bentuk sumbangan yang boleh diaplikasikan dan dimanfaatkan oleh para penyelidik, pemilik kempen, pemberi sumbangan, pengendali platform, IPT dan kerajaan sebagaimana yang diterangkan dalam perbincangan selanjutnya.

Kajian ini juga memberikan sumbangan dengan memperkembangkan lagi usaha-usaha kajian lepas yang mengkaji kesan modal sosial multidimensi ke atas prestasi pendanaan awam tetapi dalam konteks pendanaan awam berasaskan derma. Bahagian permasalahan kajian dan kajian lepas telah menerangkan bahawa teori modal

sosial multidimensi ini sangat kurang digunakan dalam konteks ini. Kajian oleh Saxton dan Wang (2014) telah mengkaji kesan modal sosial terhadap amalan pemberian sumbangan melalui dalam talian, namun kajian tersebut tidak menggunakan platform pendanaan awam yang khusus sebagai bidang kajian. Kebanyakan kajian lepas juga memberi tumpuan terhadap pendanaan awam berasaskan ganjaran, ekuiti dan pinjaman. Justeru, kajian ini telah mengesahkan secara teoretikal dan bukti empirikal yang prestasi pendanaan awam berasaskan derma juga bergantung kepada modal sosial multidimensi.

Seterusnya, kajian ini mendalami dimensi kemiskinan yang dialami oleh pemilik kempen melalui penerapan teori kemiskinan multidimensi iaitu kemiskinan ekonomi, keupayaan dan sosial. Ia berupaya mengurangkan masalah maklumat tak simetri yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat. Situasi yang berlaku di mana masyarakat menghadapi kekeliruan apabila menerima terlalu banyak permintaan dan rayuan yang memohon sumbangan. Tambahan pula, tiada ganjaran yang dijanjikan kepada pemberi sumbangan yang menyumbang melalui pendanaan awam berasaskan derma. Justeru, kajian ini menggambarkan kepentingan penceritaan mengenai kemiskinan yang dialami melalui teks kempen dalam usaha meningkatkan kejayaan mendapatkan sumbangan. Tambahan pula, tiada kajian sebelum ini yang mengambilkira kemiskinan multidimensi dalam menerangkan faktor kejayaan prestasi kempen pendanaan awam.

5.3 IMPLIKASI DASAR

5.3.1 Implikasi secara Teoretikal

Kajian ini dianggap sebagai kajian empirikal awal yang mengaplikasikan teori modal sosial multidimensi ke atas kempen-kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Melalui modal sosial tersebut, prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma dapat dinilai dengan lebih jelas dan mendalam. Secara tidak langsung, kredibiliti sesebuah kempen dapat ditingkatkan kerana tujuan pemilik kempen dalam pendanaan awam bukan sahaja untuk memenuhi keperluan kewangan, tetapi juga untuk menerima sokongan moral daripada orang ramai. Justeru, kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pengendali platform bagaimana untuk memperbaiki dan

menyempurnakan fungsi pendanaan awam. Selain itu, kajian ini memberi pandangan kepada pelajar yang ingin memohon dana melalui platform pendanaan awam bagaimana untuk meningkatkan kadar kejayaan kempen dari perspektif praktikal. Keupayaan pemilik kempen menggunakan platform pendanaan awam secara berkesan seterusnya akan mencorak kesinambungan nilai sumbangan pada masa akan datang.

Selain penerapan modal sosial, kajian ini juga mengambil kira maklumat kemiskinan setiap pemilik kempen. Kajian mengenai kemiskinan sangat meluas dan lebih tertumpu kepada pengukuran kemiskinan dari sudut pendapatan semata-mata (*income poverty*) di mana ianya lebih menekankan perolehan pendapatan dan kepenggunaan (Alkire & Foster 2009; Wagle 2008a). Justeru, kaedah pengukuran berdasarkan teori kemiskinan multidimensi digunakan dalam kajian ini bagi mengenal pasti keperluan pembiayaan sama ada kemiskinan ekonomi, keupayaan dan sosial. Selain, mengenal pasti keutamaan keperluan pembiayaan, teori kemiskinan multidimensi berupaya melihat masalah sebenar dalam isu kemiskinan dari aspek pembangunan kemanusiaan (*human poverty*). Pengukuran sebegini sangat bermanfaat kepada pembuat dasar kerana berupaya menunjukkan dimensi kemiskinan yang dialami di dalam sesuatu kawasan atau kumpulan tertentu yang dikaji, seterusnya menyesuaikan kemudahan atau insentif yang disediakan dengan kemiskinan tersebut.

6.1.1 Implikasi secara Praktikal

Kajian ini mempunyai implikasi penting yang berbentuk praktikal ke atas pelajar yang merupakan pemilik kempen, pengendali platform, pihak IPT dan pihak kerajaan iaitu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kunci kejayaan pendanaan awam adalah penglibatan berskala besar daripada masyarakat. Untuk mencapai tujuan ini, ia memerlukan teknik pemasaran dan kreativiti melalui media sosial. modal sosial struktur iaitu merujuk kepada rangkaian media sosial telah dibuktikan melalui kajian ini yang ianya memberikan kesan positif ke atas kejayaan prestasi kempen. Oleh itu pelajar dan pengendali platform, mereka harus menggunakan sebaik mungkin rangkaian media sosial yang mereka ada untuk mencapai seberapa ramai mungkin bakal pemberi sumbangan di luar sana.

Maklumat berkaitan sokongan dalam bentuk sumbangan dana antara pemilik-pemilik kempen ini dipaparkan di laman web kempen-kempen yang terlibat. Kajian ini telah mendapati wujudnya impak yang positif ke atas prestasi kempen apabila pemilik-pemilik kempen ini mengambil pendekatan dengan memberikan sokongan antara satu sama lain dalam bentuk yang sebegini. Pelajar-pelajar mempunyai kekangan kewangan dan kerana itulah mereka memerlukan dana. Secara logiknya, agak kurang praktikal untuk mencadangkan mereka supaya memberikan sumbangan kepada kempen lain sedangkan mereka juga menghadapi masalah kewangan yang tidak mencukupi. Walaupun begitu, kesan positif yang dibuktikan melalui kajian ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Sumbangan dana kepada kempen lain walaupun sangat kecil sewajarnya dipertimbangkan oleh pemilik kempen kerana kajian ini telah menunjukkan bagaimana modal sosial hubungan boleh dijadikan sebagai salah satu strategi dalam menyalurkan isyarat kepada bakal pemberi sumbangan di luar sana yang kempen-kempen tersebut boleh dipercayai. Dengan kata lain, bukan jumlah sumbangan yang menjadi persoalan dalam hal ini tetapi tindakan pelajar sebagai pemilik kempen dalam memberikan sokongan antara satu sama yang lebih penting.

Dengan mengenal pasti dimensi kemiskinan setiap individu yang memohon sumbangan melalui pendanaan awam, kajian ini berupaya menggambarkan realiti sebenar kemiskinan dalam kalangan pemilik kempen. Malah ia secara spesifiknya membuktikan pelajar yang mengalami kemiskinan dalam bentuk ekonomi lebih berjaya kempennya. Pelajar-pelajar ini boleh diberikan keutamaan berbanding pelajar lain untuk melancarkan kempen mereka di dalam platform pendanaan awam. Walaupun begitu, pelajar-pelajar yang mengalami kemiskinan dalam bentuk lain iaitu keupayaan dan sosial tidak boleh diketepikan begitu sahaja.

Hasil kajian ini juga membantu pihak platform dan juga pemilik kempen mengenai cara terbaik untuk membentuk ciri-ciri teks kempen yang boleh memaksimumkan potensi pengumpulan dana. Seperti yang dijelaskan dalam bab-bab sebelumnya, pelajar-pelajar ini menceritakan tentang kemiskinan mereka dalam bentuk teks kempen. Pelajar harus dibimbing dengan lebih baik untuk mempersembahkan cerita tentang kemiskinan mereka dengan lebih berkesan sama ada dengan menggunakan video atau gambar.

Berbeza dengan kemiskinan ekonomi dan keupayaan, dimensi kemiskinan sosial telah menyederhanakan kesan modal sosial struktur ke atas prestasi kempen pendanaan awam berasaskan derma untuk tujuan pendidikan. Miskin sosial bermaksud mereka ini menghadapi masalah dari status pekerjaan (contoh: bukan profesional) dan mengalami kekangan terhadap akses ke sumber-sumber kewangan. Apabila mereka mengalami kemiskinan sosial, ini akan mengurangkan rangkaian sosial mereka. Untuk mengatasi perkara ini, prestasi kempen tidak boleh terlalu bergantung kepada faktor modal sosial struktur mereka. Bantuan daripada luar diperlukan. Sebagai contoh, pihak platform sendiri perlu membantu mereka dengan menonjolkan kempen pelajar ini di laman web platform. Kaedah ini digunakan oleh Kickstarter yang dikenali sebagai '*staff pick*' (pilihan kakitangan platform). Pilihan kakitangan merujuk kepada projek terpilih yang disyorkan oleh kakitangan platform di mana kempen-kempen ini akan dilihat terlebih dahulu apabila orang ramai melawat platform tersebut. Kualiti sesuatu projek menjadi kriteria pilihan kakitangan platform, walau bagaimanapun perincian khusus bagaimana kakitangan platform memilih kempen sebagai pilihan masih kurang jelas (Butticè et al. 2017; Lelo de Larrea et al. 2019). Justeru, kriteria mengenai kemiskinan sosial juga perlu diketengahkan sebagai kempen yang menjadi pilihan kakitangan supaya kempen-kempen sebegini juga mendapat keutamaan oleh bakal pemberi sumbangan.

Pihak IPT di Malaysia sering diberikan tekanan tentang mengenai peruntukan perbelanjaan universiti. Dengan adanya pendanaan awam yang khusus untuk tujuan pendidikan tinggi ini, pihak IPT boleh melihat instrumen ini sebagai salah satu alternatif bagi mereka untuk mengurangkan kebergantungan ke atas peruntukan kerajaan. Namun begitu, bilangan IPTA di Malaysia yang mengambil inisiatif untuk membangunkan sendiri platform pendanaan awam adalah sangat mendukacitakan. Sedangkan pengendali platform pendanaan awam yang beroperasi sebagai platform pihak ketiga seperti Skolafund ini telah jauh ke hadapan dalam membudayakan penggunaan pendanaan awam dalam kalangan pelajar IPT. Pihak IPT boleh memilih sama ada bekerjasama dengan pihak Skolafund bagi mempelajari dan memahami operasi pelaksanaan pendanaan awam.

Stok modal sosial seseorang pelajar mungkin terhad berbanding stok modal sosial yang dimiliki oleh IPT. Jika dibandingkan daripada segi rangkaian sosial pelajar dan rangkaian sosial IPT, tentu sekali rangkaian sosial IPT lebih luas sehingga merangkumi alumni IPT itu sendiri. Oleh itu, jika IPT mempunyai platform pendanaan awam mereka sendiri, platform pendanaan awam tersebut dijangka mampu menjadi lebih baik berbanding Skolafund kerana mereka memiliki kelebihan daripada segi saiz rangkaian sosial. Pihak IPT juga mempunyai maklumat tentang kesahihan dimensi kemiskinan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar IPT mereka. Secara tidak langsung, maklumat tak simetri yang dihadapi oleh bakal pemberi sumbangan mengenai kesahihan kempen dapat dikurangkan jika pelajar-pelajar ini diberikan peluang untuk mencari dana mereka melalui platform milik IPT itu sendiri.

Bakal pemberi sumbangan juga sering mengalami masalah maklumat tak simetri tentang keberhasilan kempen yang menyasarkan jumlah pembiayaan yang besar. Kebiasaannya anggaran perbelanjaan yang disenaraikan oleh pemilik kempen melibatkan perbelanjaan sepanjang pengajian iaitu dari awal semester hingga tamat pengajian di IPT. Justeru, pihak pengendali platform pendanaan awam perlu mempertimbangkan kempen pembiayaan pendidikan secara bersiri iaitu melibatkan fasa seperti semester pengajian di IPT dan hanya merangkumi jumlah sasaran pembiayaan yang kecil. Selain menambahkan keyakinan bakal pemberi sumbangan, mereka akan lebih berminat untuk menderma setelah mengetahui dan mengikuti perkembangan pemilik kempen melalui aktiviti dan keputusan peperiksaan untuk setiap semester yang dikemaskini pada setiap kempen.

KPT telah mengeluarkan Buku Ungu (*Purple*) Program Transformasi Pendidikan pada tahun 2016 yang menerangkan tadbir urus penjanaaan pendapatan di universiti awam (Kementerian Pengajian Tinggi 2016). Penjanaaan dana ada dinyatakan sebagai salah satu daripada tujuh punca pendapatan universiti. Buku Ungu ini menjelaskan tentang model penjanaaan dan cadangan struktur penjanaaan dana di peringkat universiti. Terdapat tiga keperluan penting yang disebut secara ringkas bagi membangunkan aktiviti penjanaaan dana iaitu mempunyai kakitangan dan sistem operasi untuk tujuan tersebut, mempunyai sistem teknologi maklumat dan juga penggunaan kaedah pendanaan awam.

Hasil kajian ini boleh digunakan untuk menambah baik perkara-perkara yang digariskan di dalam Buku Ungu tersebut yang berkaitan dengan pendanaan awam. Sebagai contoh, Buku Ungu ini tidak membezakan antara kaedah penajaan dana dan pendanaan awam. Ia tidak menjelaskan perkara asas kepada pembangunan platform pendanaan awam di peringkat universiti iaitu daripada segi model dan polisi sama ada berbentuk ‘pembiayaan semua atau tiada langsung’ (*all or nothing*) atau ‘perolehi kesemuanya’ (*keep it all*). Model dan polisi ini boleh diadaptasi daripada modus operandi Skolafund. Malah, bagaimana Skolafund mengintegrasikan modal sosial multidimensi serta kemiskinan multidimensi pemilik kempen perlu diambil perhatian dalam Buku Ungu ini. Selain itu, Buku Ungu ini ada menyarankan untuk mengupah profesional yang mempunyai pengalaman dalam pemasaran, melobi, penajaan dana, pengurusan perhubungan dan media untuk tujuan membantu operasi penajaan dana. Saranan ini ada kebenarannya. Melihat kepada kaedah penajaan dana sedia ada dan platform pendanaan awam IPTA yang kurang maklumat dan tidak boleh diakses, adalah lebih baik mereka mendapatkan bantuan kepakaran daripada pihak Skolafund ini.

